

# PROSPEKTUS

## VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF

(dana dagangan bursa yang ditubuhkan dan dibentuk di Malaysia pada 8 Oktober 2020)

### PROSPEKTUS BERHUBUNG DENGAN PENAWARAN SEHINGGA 4,000,000,000 UNIT PADA HARGA TERBITAN SEBANYAK MYR2.00 SETIAP UNIT SELARAS DENGAN PENYENARAIAN UNIT-UNIT PADA PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaraian dan sebut harga Unit-unit VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF (“Dana”) pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan salinan Prospektus ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus ini, tidak harus diambil sebagai petunjuk bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pandangan yang dinyatakan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbangkan merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami, yang timbul daripada atau dalam bergantung ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unitnya.

Prospektus ini bertarikh 12 Julai 2021.

Pengurus



**Value Partners Asset Management  
Malaysia Sdn Bhd**  
No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P)

Pemegang Amanah



**CIMB Islamic Trustee Berhad**  
No. Pendaftaran: 198801000556 (167913-M)

**PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.**

**UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT “FAKTOR-FAKTOR RISIKO” BERMULA PADA MUKA SURAT 5.**

## **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

## **PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

## **PENYATA DANA MEMATUHI SYARIAH**

Dana yang ditawarkan dalam Prospektus ini telah diperakui sebagai mematuhi Syariah oleh penasihat Syariah yang dilantik bagi Dana.

Prospektus ini juga boleh dilihat atau dimuat turun daripada laman web Bursa Malaysia Securities Berhad di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

Tidak ada tindakan telah diambil untuk membenarkan penawaran Unit-unit atau pengedaran Prospektus ini dalam mana-mana bidang kuasa selain daripada Malaysia dan selaras dengan itu, Prospektus ini tidak membentuk tawaran atau mencari langganan kepada sesiapa sahaja dalam mana-mana bidang kuasa di mana tawaran sedemikian tidak dibenarkan atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau mencari langganan.

Pelabur-pelabur hendaklah meminta nasihat penasihat cukai mereka dan mengambil nasihat undang-undang sewajarnya mengenai sama ada apa-apa persetujuan kerajaan atau lain-lain kebenaran adalah diperlukan, atau lain-lain formaliti yang perlu dipatuhi, untuk membolehkan pelabur-pelabur membeli Unit-unit seperti sama ada apa-apa kesan cukai, sekatan pertukaran asing atau keperluan kawalan pertukaran adalah terpakai dan untuk menentukan sama ada pelaburan dalam Dana adalah sesuai untuk pelabur.

## PROSPEKTUS ELEKTRONIK

Kandungan salinan elektronik Prospektus ini dan salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia adalah sama. Bakal-bakal pelabur boleh mendapatkan salinan Prospektus Elektronik daripada laman web Dana di [www.valuepartners-group.com.my](http://www.valuepartners-group.com.my).

Internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya. Sekiranya pelabur-pelabur ragu-ragu tentang keesahan atau integriti Prospektus Elektronik, pelabur-pelabur hendaklah dengan segera meminta daripada Pengurus salinan kertas atau bercetak Prospektus ini. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara kandungan Prospektus Elektronik dan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini, kandungan salinan kertas atau bercetak Prospektus ini yang adalah sama dengan salinan Prospektus yang didaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia akan mengatasi.

Berhubung dengan sebarang rujukan dalam Prospektus ini kepada laman internet pihak ketiga (dirujukkan sebagai "**Laman Internet Pihak Ketiga**"), sama ada melalui pautan hiper atau melalui penerangan Laman Internet Pihak Ketiga, pelabur-pelabur mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak mengendorskan dan tidak digabungkan dalam apa-apa cara dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Selaras dengan itu, setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan bertanggungjawab bagi ketersediaan, atau kandungan mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan pada Laman Internet Pihak Ketiga. Pelabur-pelabur hendaklah menanggung kesemua risiko yang dikaitkan dengan akses kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;
- (ii) setiap daripada Pengurus, Penasihat Syariah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan bertanggungjawab bagi kualiti produk atau perkhidmatan Laman Internet Pihak Ketiga, khususnya dalam memenuhi mana-mana terma perjanjian dengan Laman Internet Pihak Ketiga. Setiap daripada Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian juga tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerugian atau kos yang pelabur-pelabur mungkin alami atau tanggungi berhubung dengan atau akibat daripada berurusan dengan Laman Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau kebergantungan pada mana-mana data, fail atau bahan lain yang disediakan oleh pihak-pihak tersebut; dan
- (iii) apa-apa data, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dibuat atas budi bicara dan risiko pelabur-pelabur itu sendiri. Setiap Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan bertanggungjawab, menanggung liabiliti atau berada di bawah obligasi apa sekalipun berhubung dengan apa-apa kerosakan kepada sistem komputer pelabur-pelabur atau kehilangan data akibat daripada muat turun mana-mana data, maklumat, fail atau bahan lain.

Di mana, Prospektus Elektronik dihoskan pada laman web Dana, pelabur-pelabur adalah dinasihatkan bahawa:

- (i) Pengurus hanya bertanggungjawab berhubung dengan integriti kandungan Prospektus Elektronik setakat kandungan Prospektus Elektronik yang terdapat pada pelayan web Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd yang boleh dilihat melalui penyemak seimbas web pelabur-pelabur atau perisian lain yang berkaitan. Pengurus tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa cara bagi integriti kandungan Prospektus Elektronik yang telah diperoleh daripada pelayan web Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd dan kemudiannya disampaikan atau disebarluaskan dalam apa-apa cara kepada pelabur-pelabur atau pihak-pihak lain; dan
- (ii) biarpun semua langkah munasabah telah diambil untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik, ketepatan dan kebolehpercayaan Prospektus Elektronik tidak boleh dijamin memandangkan internet bukan medium yang dijamin selamat sepenuhnya.

Pengurus tidak akan bertanggungjawab (sama ada dalam tort atau kontrak atau sebaliknya) bagi sebarang kehilangan, kerugian, atau kos apa sekalipun yang dialami atau ditanggungi oleh pelabur-pelabur atau mana-mana orang lain disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana ketidaktepatan, perubahan, pengubahan, pemotongan atau peninggalan berhubung dengan maklumat yang disediakan dalam Prospektus Elektronik yang mungkin timbul berhubung dengan atau akibat mana-mana kesilapan dengan penyemak seimbas web atau lain-lain perisian berkaitan, apa-apa kesilapan pada komputer peribadi pelabur-pelabur atau mana-mana pihak ketiga, sistem kendalian atau perisian lain, virus atau ancaman keselamatan lain, akses kepada maklumat atau sistem yang tidak dibenarkan berkaitan masing-masing dengan laman web Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd, dan/atau masalah yang terjadi semasa transmisi data yang mungkin mengakibatkan dalam salinan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi pelabur-pelabur.

## PENYATA PENDEDAHAN PELESENAN DAN SYARAT-SYARAT

Berikut adalah pernyata-pernyata yang diperlukan untuk didedahkan dalam Prospektus ini di bawah Perjanjian Induk ETF yang ditandatangani di antara S&P Opco, LLC dan Pengurus bertarikh Mei 2019 dan apa-apa syarat pelesenan bagi menggunakan Penanda Aras, termasuk pelan kontingen jika sekiranya berlaku pemberhentian ketersediaan Penanda Aras.

Penanda Aras adalah produk S&P Dow Jones Indices LLC atau gabungannya (“**SPDJI**”) dan pemberi lesen pihak ketiga, dan telah dilesenkan untuk kegunaan oleh Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd (“**Pengurus**”). Standard & Poor’s® dan S&P® adalah cap dagangan berdaftar Standard and Poor’s Financial Services LLC (“**S&P**”) dan Dow Jones® adalah cap dagangan berdaftar Dow Jones Trademark Holdings LLC (“**Dow Jones**”). Cap dagangan pemberi lesen pihak ketiga adalah cap dagangan pemberi lesen pihak ketiga. Cap dagangan telah dilesenkan kepada SPDJI dan telah diseblesenkan bagi kegunaan untuk tujuan tertentu oleh Pengurus. Dana adalah tidak ditaja, diendorskan, dijual atau diutarakan oleh SPDJI, Dow Jones, S&P, mana-mana gabungan mereka masing-masing (secara kolektif, “**S&P Dow Jones Indices**”) atau pemberi lesen pihak ketiga. Sama ada *S&P Dow Jones Indices* atau pemberi lesen pihak ketiga tidak membuat apa-apa representasi atau waranti, nyata atau tersirat, kepada pemilik Dana atau mana-mana orang awam berhubung dengan kebijaksanaan melabur dalam sekuriti secara am atau dalam Dana khususnya atau keupayaan Penanda Aras untuk menjelak prestasi pasaran am. *S&P Dow Jones Indices* dan hubungan pemberi lesen pihak ketiga sahaja dengan Pengurus berhubung dengan Penanda Aras adalah perlesenan Penanda Aras dan cap dagangan tertentu, cap-cap perkhidmatan dan/atau nama dagangan *S&P Dow Jones Indices* dan/atau pemberi lesennya. Penanda Aras ditentukan, digubah dan dikira oleh *S&P Dow Jones Indices* atau pemberi lesen pihak ketiga tanpa mengambil kira Pengurus atau Dana. *S&P Dow Jones Indices* dan pemberi lesen pihak ketiga tidak mempunyai obligasi untuk mempertimbangkan keperluan Pengurus atau pemilik-pemilik Dana dalam menentukan, mengubah atau mengira Penanda Aras. Sama ada *S&P Dow Jones Indices* mahupun pemberi lesen pihak ketiga tidak akan bertanggungjawab bagi dan tidak mengambil bahagian dalam menentukan harga, dan jumlah Dana atau pemasaran penerbitan atau jualan Dana atau dalam penentuan atau pengiraan persamaan melalui mana Dana akan ditukar kepada tunai, diserah atau ditebus, mengikut keadaan. *S&P Dow Jones Indices* dan pemberi lesen pihak ketiga tidak mempunyai obligasi atau liabiliti berhubung dengan pentadbiran, pemasaran atau perdagangan Dana. Tidak ada jaminan bahawa produk-produk pelaburan berdasarkan Penanda Aras akan menjelak prestasi indeks dengan tepat atau memberikan pulangan pelaburan yang positif. *S&P Dow Jones Indices* LLC bukanlah penasihat pelaburan. Kemasukan sekuriti dalam Penanda Aras bukanlah pengesyoran oleh *S&P Dow Jones Indices* untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti tertentu, tidak juga ia dianggap sebagai nasihat pelaburan.

SAMA ADA *S&P DOW JONES INDICES* MAHUPUN PEMBERI LESEN PIHAK KETIGA TIDAK MENJAMIN AKAN KECUKUPAN, KETEPATAN, PEMASAAN DAN/ATAU KELENGKAPAN PENANDA ARAS ATAU MANA-MANA DATA BERKAITAN DENGANNYA ATAU MANA-MANA KOMUNIKASI, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, KOMUNIKASI LISAN ATAU SECARA BERTULIS (TERMASUK KOMUNIKASI ELEKTRONIK) BERHUBUNG DENGANNYA. *S&P DOW JONES INDICES* DAN PEMBERI LESEN PIHAK KETIGA TIDAK AKAN MENJADI TERTAKLUK KEPADA APA-APA GANTI RUGI ATAU LIABILITI BAGI APA-APA KESILAPAN, PENINGGALAN, ATAU KELEWATANNYA. *S&P DOW JONES INDICES* DAN PEMBERI LESEN PIHAK KETIGA TIDAK MEMBUAT WARANTI NYATA ATAU TERSIRAT, DAN SECARA NYATA MENAFIKAN SEMUA WARANTI, MENGENAI KEBOLEHNIAGAAN ATAU KESESUAIAN BAGI TUJUAN DAN KEGUNAAN TERTENTU ATAU BERHUBUNG DENGAN KEPUTUSAN YANG AKAN DIPEROLEH OLEH PENGURUS, PEMILIK-PEMILIK DANA, ATAU MANA-MANA ORANG ATAU ENTITI LAIN DARIPADA PENGGUNAAN PENANDA ARAS ATAU BERHUBUNG DENGAN APA-APA DATA YANG BERKAITANNYA. TANPA MEMBATASKAN MANA-MANA DARIPADA YANG DI ATAS, TIDAK DALAM APA-APA CARA SEKALIPUN *S&P DOW JONES INDICES* ATAU PEMBERI LESEN PIHAK KETIGA AKAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI APA-APA GANTI RUGI SECARA TIDAK LANGSUNG, KHAS, PUNITIF ATAU BERBANGKIT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, KEHILANGAN KEUNTUNGAN, KERUGIAN PERDAGANGAN, KEHILANGAN MASA ATAU MUHIBAH, WALAUPUN MEREKA DIMAKLUMKAN MENGENAI KEMUNGKINAN GANTI RUGI SEDEMIKIAN, SAMA ADA DALAM KONTRAK, TORT, LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA. TIDAK ADA BENEFISIARI PIHAK KETIGA AKAN MANA-MANA PERJANJIAN ATAU PENGATURAN DI ANTARA *S&P DOW JONES INDICES* DAN PENGURUS, SELAIN DARIPADA PEMBERI LESEN *S&P DOW JONES INDICES*.

Sila rujuk kepada Seksyen 3.5 serta seksyen bertajuk “Risiko-risiko Berkaitan dengan Penanda Aras” dalam Seksyen 2.2 bagi maklumat lanjut mengenai Penanda Aras.

# JADUAL KANDUNGAN

<b>SINGKATAN/ DEFINISI .....</b>	<b>VI</b>
<b>JADUAL WAKTU INDIKATIF .....</b>	<b>XII</b>
<b>PANDUAN KORPORAT .....</b>	<b>XIII</b>
<b>KELULUSAN &amp; SYARAT-SYARAT .....</b>	<b>XV</b>
<b>1. DATA PENTING.....</b>	<b>1</b>
1.1. Dana .....	1
1.2. Yuran, Caj dan Perbelanjaan .....	3
1.3. Lain-lain Maklumat .....	4
1.4. Tempat bagi Mendapat Nasihat .....	4
<b>2. FAKTOR-FAKTOR RISIKO .....</b>	<b>5</b>
2.1. Risiko Am Melabur dalam Dana.....	5
2.2. Risiko-Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana.....	6
<b>3. MENGENAI VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF.....</b>	<b>14</b>
3.1. Objektif Pelaburan .....	14
3.2. Profil Pelabur .....	14
3.3. Peruntukan Aset .....	14
3.4. Strategi Pelaburan.....	14
3.5. Penanda Aras.....	14
3.6. Garis Panduan Pelaburan Syariah.....	18
3.7. Ralat Penjejakkan & Strategi untuk Meminimumkan Ralat Penjejakkan.....	19
3.8. Strategi & Teknik Pengurusan Risiko.....	20
3.9. Polisi mengenai Pengimbangan Semula Portfolio Pelaburan.....	20
3.10. Pelaburan yang Dibenarkan & Sekatan Pelaburan.....	20
3.11. Pemberian Pinjaman & Peminjaman Sekuriti .....	21
3.12. Dasar Pengagihan.....	21
3.13. Penilaian Aset-aset Dana .....	21
3.14. Masa Penilaian bagi Dana .....	22
3.15. Penyenaraian Dana.....	22
<b>4. YURAN &amp; CAJ .....</b>	<b>23</b>
4.1. Caj secara langsung ditanggung oleh pelabur .....	23
4.2. Yuran dan perbelanjaan secara tidak langsung ditanggung oleh pelabur .....	24
4.3. Kos Penubuhan Dana .....	24
4.4. Perbelanjaan yang Dibenarkan .....	24
4.5. Polisi mengenai Rebat dan Komisen Ringan .....	25
<b>5. MAKLUMAT URUS NIAGA.....</b>	<b>26</b>
5.1. Permohonan bagi Pembelian dan Jualan Unit-unit.....	26
5.2. Prosedur bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran primer) .....	27
5.3. Pengiraan NAV .....	31
5.4. Pengiraan Harga Pembentukan dan Harga Penebusan .....	31
5.5. Penggantungan Penentuan Nilai Aset Bersih dan Urus Niaga dalam Unit-unit Dana .....	31
5.6. IOPV .....	32
5.7. Memperoleh maklumat mengenai NAV dan IOPV .....	32
5.8. Perdagangan Unit-unit pada <i>Bursa Securities</i> (pasaran sekunder).....	32
5.9. Harga Dagangan Unit .....	33
5.10. Penentu Pasaran .....	33
<b>6. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN .....</b>	<b>34</b>
6.1. Hak-hak Pemegang Unit .....	34
6.2. Liabiliti dan Batasan Pemegang Unit .....	34
6.3. Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.....	35
6.4. Perbelanjaan dibenarkan oleh Surat Ikatan .....	35
6.5. Persaraan Pengurus .....	36
6.6. Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau mengganti Pengurus .....	37
6.7. Persaraan Pemegang Amanah .....	37
6.8. Kuasa Pengurus untuk memecat atau mengganti Pemegang Amanah .....	38
6.9. Penamatan Dana .....	38
6.10. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit .....	39

<b>7. MENGENAI PENGURUS.....</b>	<b>41</b>
7.1. Maklumat Korporat .....	41
7.2. Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus.....	41
7.3. Lembaga Pengarah .....	41
7.4. Personel Penting & Pengurus yang Dilantik .....	43
7.5. Litigasi dan Timbang Tara Material .....	44
7.6. Pemegang Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana .....	44
7.7. Pengurus sub-pelaburan .....	44
<b>8. MENGENAI PEMEGANG AMANAH.....</b>	<b>45</b>
8.1. Maklumat Korporat .....	45
8.2. Pengalaman Pemegang Amanah .....	45
8.3. Tugas dan Tanggungjawab.....	45
8.4. Wakil Pemegang Amanah.....	45
8.5. Litigasi dan Timbang Tara Material .....	45
8.6. Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah.....	45
<b>9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN .....</b>	<b>46</b>
9.1. Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi .....	46
9.2. Percanggahan Kepentingan.....	46
9.3. Polisi-polisi mengenai Berurusan dengan Keadaan Percanggahan Kepentingan .....	46
9.4. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa.....	47
9.5. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang-pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa .....	47
9.6. Perisytiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD.....	47
<b>10. PENGUMUMAN SYARIAH.....</b>	<b>48</b>
<b>11. PERCUKAIAN.....</b>	<b>54</b>
<b>12. MAKLUMAT BERKENAAN.....</b>	<b>58</b>
12.1. Mengikuti perkembangan dengan pembangunan Dana .....	58
12.2. Perjanjian Material.....	58
12.3. Dokumen tersedia untuk Pemeriksaan .....	58
12.4. Penyata Kebenaran.....	59

# SINGKATAN/ DEFINISI

Dalam Prospektus ini, melainkan konteks memerlukan di sebaliknya, perkataan-perkataan dan singkatan-singkatan berikut akan mempunya maksud berikut: -

<b>Jumlah Pembentukan Sebenar</b>	Jumlah yang dibayar bagi pembelian Aset-aset Dana, berhubung dengan Permohonan Pembentukan termasuk Kos Urus Niaga, Yuran Permohonan dan/atau sebarang caj yang dikenakan.
<b>Jumlah Penebusan Sebenar</b>	Jumlah tunai untuk diserahkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Penebusan Tunai, bersih daripada Kos Urus Niaga, Yuran Permohonan dan/atau sebarang caj yang dikenakan.
<b>Selepas Penyenaraian</b>	Tempoh yang bermula pada Tarikh Penyenaraian dan berterusan sehingga Dana ditamatkan.
<b>Permohonan</b>	Permohonan Pembentukan dan/atau Permohonan Penebusan, mengikut keadaan.
<b>Yuran Pembatalan Permohonan</b>	Yuran yang mungkin, mengikut budi bicara Pengurus, dikenakan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian atas pembatalan setiap Permohonan.
<b>Tarikh Akhir Permohonan</b>	bermaksud masa tamat yang ditetapkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pengemukaan Permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus, atau lain-lain masa sebagaimana Pengurus mungkin, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, dari masa ke masa tentukan dan maklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
<b>Yuran Permohonan</b>	Yuran yang mungkin dikenakan oleh Pengurus kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian (i) ke atas setiap Permohonan Pembentukan atau (ii) ke atas setiap Permohonan Penebusan, selain daripada Kos Urus Niaga dan lain-lain jumlah sebagaimana dikemukakan dalam Prospektus ini atau dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian, mengikut keadaan.
<b>Saham-A</b>	Saham-saham yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang diperbadankan di PRC dan tersenarai pada Bursa Saham Shanghai atau Bursa Saham Shenzhen, dan didagangkan dalam RMB.
<b>Sekuriti yang Dibenarkan</b>	Mana-mana daripada atau kesemua yang berikut: (i) Sekuriti Indeks; (ii) Sekuriti bukan Indeks yang pada pendapat Pengurus mempunyai hubung kait yang tinggi (iaitu koefisien hubung kait positif sekurang-kurangnya 0.7) kepada satu atau lebih Sekuriti Indeks yang ia gantikan dan yang mematuhi Syariah; dan (iii) sekiranya Pengurus berpendapat wujud kekangan mudah tunai dengan Sekuriti Indeks dan/atau Sekuriti bukan Indeks, satu atau lebih skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing yang berkemungkinan bertindak dalam cara yang konsisten dengan objektif pelaburan Dana sebagaimana ditentukan oleh Pengurus.
<b>Penanda Aras</b>	<i>DJIM China A-Shares 100 Index</i> (atau nama lain tertentu melalui mana indeks mungkin dikenali) disediakan oleh Pemberi Lesen Indeks atau indeks penggantian tersebut sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus, selaras dengan Surat Ikatan dan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.5 Prospektus ini.
<b>BNM</b>	Bank Negara Malaysia.
<b>Bursa Depository</b>	Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 198701006854 (165570-W)).
<b>Bursa Securities</b>	Bursa Malaysia Securities Berhad (No. Pendaftaran: 200301033577 (635998-W)).
<b>Laman web Bursa Securities</b>	Laman web Bursa Malaysia Securities Berhad merupakan <a href="http://www.bursamalaysia.com">www.bursamalaysia.com</a> .
<b>Hari (hari-hari) Perniagaan</b>	Hari (selain daripada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum di Kuala Lumpur) bila mana Bursa Securities dibuka bagi perdagangan sekuriti; atau lain-lain hari sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
<b>Pembentukan Tunai</b>	Pembentukan Unit-unit dalam Blok (blok-blok) Unit sebagai tukaran bagi Jumlah Pembentukan Sebenar yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.
<b>Penebusan Tunai</b>	Penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok (blok-blok) Unit yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan Sebenar.
<b>CCASS</b>	Sistem Penyelesaian dan Penjelasan Berpusat yang dikendalikan oleh HKSCC.

<b>Akaun CDS</b>	Akaun Sistem Depository Pusat yang diwujudkan di <i>Bursa Depository</i> untuk merekodkan deposit sekuriti dan bagi urus niaga dalam sekuriti-sekuriti tersebut oleh pendeposit.
<b>Akta Depositori Pusat</b>	Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
<b>ChinaClear</b>	<i>China Securities Depository and Clearing Corporation Limited.</i>
<b>CMSA</b>	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
<b>Orang yang Berhubung Kait</b>	<p>Berhubung dengan syarikat, bermaksud:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) mana-mana orang atau syarikat yang memiliki secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung, 20% atau lebih modal saham biasa syarikat tersebut atau dapat melaksanakan secara langsung atau tidak langsung, 20% atau lebih daripada jumlah undian dalam syarikat tersebut;</li> <li>(b) mana-mana orang atau syarikat yang dikawal oleh seseorang atau yang memenuhi satu atau kedua-dua keterangan yang diberikan dalam (a);</li> <li>(c) mana-mana ahli kumpulan yang mana syarikat membentuk sebahagian daripadanya; atau</li> <li>(d) mana-mana pengarah atau pegawai syarikat tersebut atau mana-mana orang yang berhubung kait dengannya sebagaimana ditakrifkan dalam (a), (b) atau (c).</li> </ul>
<b>Permohonan Pembentukan</b>	Permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian (selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian) kepada Pengurus bagi pembentukan Unit-unit baru dalam Blok Unit (atau gandaan genapnya).
<b>Harga Pembentukan</b>	Jumlah Pembentukan Sebenar dibahagi dengan bilangan Unit yang dibentuk.
<b>CSRC</b>	<i>China Securities Regulatory Commission.</i>
<b>Hari Urus Niaga</b>	<p>Hari (selain daripada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum di Hong Kong atau Kuala Lumpur atau hari bila mana SEHK tidak dibuka untuk dagangan <i>Stock Connect Northbound</i>) bila mana:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) (a) Bursa Berkaitan dalam mana Dana dilaburkan adalah dibuka untuk perdagangan biasa; dan</li> <li>     (b) pasaran sekuriti yang berkenaan pada mana Indeks Sekuriti yang terdapat dalam Penanda Aras diniagakan adalah dibuka bagi perdagangan biasa atau sekiranya terdapat lebih daripada satu pasaran sekuriti sedemikian, pasaran sekuriti yang ditetapkan oleh Pengurus dibuka untuk perdagangan biasa; dan</li> <li>(ii) Penanda Aras disusun dan disiarkan; atau</li> </ul> <p>hari atau hari-hari lain tertentu sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin persetujui dari masa ke masa dengan syarat bahawa sekiranya pada mananya hari tersebut, tempoh bila mana pasaran sekuriti yang berkenaan dibuka untuk perdagangan biasa dikurangkan akibat daripada Isyarat Taufan Nombor 8, amaran <i>Black Rainsom</i> atau peristiwa serupa yang lain, hari tersebut tidak akan menjadi Hari Urus Niaga melainkan Pengurus dan Pemegang Amanah bersetuju sebaliknya.</p>
<b>Surat Ikatan</b>	Surat ikatan bertarikh 8 Oktober 2020 yang ditandatangai di antara Pengurus dan Pemegang Amanah membentuk Dana sebagaimana dipinda, diubahsuai atau ditambah dari masa ke masa selaras dengan peruntukan yang terkandung di dalamnya dan akan, termasuk apa-apa surat ikatan tambahan kepadanya yang telah selesai dilaksanakan selaras dengan peruntukannya.
<b>eDividen</b>	Perkhidmatan yang ditubuhkan untuk membolehkan Pengurus dan/atau Pemegang Amanah untuk membayar pengagihan tunai secara elektronik terus ke dalam akaun bank Pemegang-pemegang Unit.
<b>Prospektus Elektronik</b>	Salinan Prospektus ini yang dikeluarkan, diedarkan atau disebarluaskan melalui internet, dan/atau medium penstoran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROM.
<b>Anggaran Jumlah Pembentukan</b>	Jumlah tunai untuk diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Pembentukan Tunai yang bersamaan dengan NAV setiap Unit Dana pada satu (1) Hari Urus Niaga sebelum Tarikh Dagangan didarabkan dengan bilangan Unit yang akan dipohon, campur tambahan 10% daripada jumlah yang dinyatakan di atas atau lain-lain jumlah tambahan sebagaimana mungkin dipersetujui secara bersama di antara Pengurus dan Peniaga yang Mengambil Bahagian dari masa ke masa.
<b>Anggaran Jumlah Penebusan</b>	NAV setiap Unit Dana pada satu (1) Hari Urus Niaga sebelum Tarikh Dagangan didarabkan dengan bilangan Unit.
<b>ETF</b>	Dana dagangan bursa.

<b>Garis Panduan ETF</b>	Garis Panduan Dana Dagangan Bursa dikeluarkan oleh SC dan apa-apa pindaan selepas itu.
<b>Institusi Kewangan</b>	<p>Sekiranya –</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Institusi-institusi berada di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau</li> <li>(ii) institusi terletak di luar Malaysia, mana-mana institusi yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan atau dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan.</li> </ul>
<b>Dana</b>	VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF.
<b>Aset-aset Dana</b>	<p>Kesemua aset (termasuk tunai) Dana yang dipegang atau dianggap sebagai dipegang atas amanah oleh Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan termasuk pendapatan Dana tetapi tidak termasuk mana-mana jumlah yang telah diperuntukkan bagi pengagihan kepada Pemegang-pemegang Unit.</p> <p><i>Nota: Pendapatan di sini bermaksud pendapatan direalisasi bersih Dana terdiri daripada semua keuntungan, dividen dan lain-lain pengagihan atau pendapatan yang terakru berhubung dengan Aset-aset Dana selepas mengambil kira kesemua atau mana-mana bahagian lain keuntungan dan kerugian modal yang direalisasi ke atas jualan atau pelupusan Aset-aset Dana sebagaimana Pengurus dengan kebenaran Pemegang Amanah mungkin, dari masa ke masa, tentukan untuk dianggap sebagai pendapatan daripada Dana.</i></p>
<b>Laman web Dana</b>	Laman web Dana merupakan <a href="http://www.valuepartners-group.com.my">www.valuepartners-group.com.my</a> .
<b>HKSCC</b>	Hong Kong Securities Clearing Company Limited atau pengantinya.
<b>Pemberi Lesen Indeks</b>	S&P Opcos, LLC, pemberi lesen Penanda Aras, yang mempunyai hak untuk memberi Pengurus penggunaan Penanda Aras.
<b>Sekuriti Indeks</b>	Sekuriti atau kepentingan yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang dimasukkan dalam Penanda Aras dari masa ke masa atau penerimaan depositori yang mungkin dikeluarkan terhadap sekuriti-sekuriti atau kepentingan tersebut.
<b>IOPV</b>	Nilai Portfolio Optimum Indikatif yang bertindak sebagai anggaran kepada NAV setiap Unit Dana di antara Masa Penilaian sebagaimana dikemukakan dalam Seksyen 5.6 Prospektus ini.
<b>ETF Islam</b>	ETF yang mematuhi dengan prinsip Syariah.
<b>Liabiliti</b>	<p>Liabiliti, kos dan perbelanjaan Dana yang belum dijelaskan termasuk tanpa had:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) yuran dan perbelanjaan pentadbiran yang belum dibayar termasuk yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah;</li> <li>(b) semua yuran dan perbelanjaan dan semua duti, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, yuran pemindahan, atau lain-lain caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berkaitan dengan atau berhubung dengan, secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pelaburan yang berkaitan dengan urus niaga dan urusan, atau akibat daripada urus niaga dan urusan tersebut;</li> <li>(c) caj yang terakru berhubung dengan atau terhutang berkaitan dengan apa-apa pelaburan yang dibenarkan;</li> <li>(d) apa-apa peruntukan bagi cukai yang pada pendapat Pengurus hendaklah diambil kira dan jumlah tersebut (sekiranya ada) sebagaimana yang dianggarkan oleh Pengurus untuk dibayar atau dituntut semula berhubung dengan cukai yang berkaitan dengan pendapatan dan urus niaga sebelum tarikh berkenaan;</li> <li>(e) jumlah yang belum dijelaskan berhubung dengan apa-apa pembiayaan yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai dan jumlah mana-mana keuntungan dan perbelanjaan yang belum dibayar berhubung dengannya;</li> <li>(f) apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar yang secara nyata dibenarkan oleh mana-mana peruntukan Surat Ikatan untuk dibayar daripada Aset-aset Dana; dan</li> <li>(g) apa-apa jumlah lain yang diperlukan untuk memenuhi liabiliti atau lain-lain perbelanjaan yang pada pendapat Pengurus, dengan kelulusan Pemegang Amanah, haruslah diambil kira dan yang tidak sebaliknya diambil kira dalam menentukan jumlah liabiliti dalam mana-mana perenggan sebelum definisi ini.</li> </ul> <p>Liabiliti akan dianggap sebagai terakru dari hari ke hari di mana berkenaan.</p>

<b>Bank Berlesen</b>	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
<b>Bank Pelaburan Berlesen</b>	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
<b>Bank Islam Berlesen</b>	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
<b>Penyenaraian</b>	Kemasukkan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada <i>Bursa Securities</i> .
<b>LPD</b>	30 April 2021, merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum pendaftaran Prospektus ini.
<b>Pengurus</b>	Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P)).
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan PRC.
<b>MYR</b>	Ringgit Malaysia, mata wang Malaysia yang sah.
<b>NAV setiap Unit</b>	Nilai Aset Bersih Dana pada Masa Penilaian tertentu dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan, pada Masa Penilaian yang sama.
<b>Nilai Aset Bersih atau NAV</b>	Nilai kesemua Aset Dana tolak nilai kesemua Liabiliti Dana, pada Masa Penilaian.
<b>Senarai Rasmi</b>	Senarai yang menyatakan semua sekuriti tersenarai pada <i>Bursa Securities</i> .
<b>Resolusi Biasa</b>	Resolusi yang diluluskan pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan melalui majoriti mudah undi yang dibuat secara sah oleh Pemegang-pemegang Unit yang hadir (secara sendiri atau melalui proksi) pada mesyuarat.
<b>Peniaga yang Mengambil Bahagian</b>	Kenanga Investment Bank Berhad, Malacca Securities Sdn Bhd dan akan termasuk mana-mana peniaga lain yang layak menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam bentuk dan isi yang boleh diterima oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.
<b>Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian</b>	Perjanjian yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Pemegang Amanah menyatakan, antara lain, pengaturan berhubung dengan pembentukan dan terbitan Unit-unit dan penebusan dan pembatalan Unit-unit.
<b>Pelaburan yang Dibenarkan</b>	Aset-aset dan surat cara yang Dana adalah dibenarkan untuk melabur sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 3.10 Prospektus ini.
<b>PRC atau China</b>	Republik Rakyat China, tidak termasuk untuk tujuan pentafsiran Prospektus ini sahaja, Hong Kong, Macau dan Taiwan.
<b>Prospektus</b>	Prospektus ini berhubung dengan Dana, sebagaimana dipinda dan/atau ditambah dari masa ke masa.
<b>Permohonan Penebusan</b>	Permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus bagi penebusan Unit-unit sedia ada dalam Blok Unit (atau gandaan genapnya).
<b>Harga Penebusan</b>	Jumlah Penebusan Sebenar dibahagi dengan bilangan Unit yang ditebus.
<b>Daftar</b>	Daftar Pemegang-pemegang Unit yang disimpan dan dikekalkan oleh Pengurus atau ejen yang dilantiknya.
<b>Pendaftar</b>	Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P)) atau pihak lain sebagaimana mungkin dilantik oleh Pengurus dari masa ke masa.
<b>Bursa Berkenaan</b>	Bursa saham dalam mana Dana boleh didagangkan, yang termasuk SSE, SZSE dan bursa lain sebagaimana mungkin berkenaan dengan Dana.
<b>RMB</b>	Renminbi, mata wang yang sah bagi masa dan dari masa ke masa PRC. Bagi tujuan pentafsiran Prospektus ini sahaja, RMB merujuk kepada kadar CNH.
<b>SAC</b>	Majlis Penasihat Syariah.
<b>SAFE</b>	<i>State Administration of Foreign Exchange PRC.</i>
<b>SAT</b>	<i>State Administration of Taxation PRC.</i>

<b>SC</b>	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
<b>SEHK</b>	<i>Stock Exchange of Hong Kong Limited.</i>
<b>Tarikh Penyelesaian</b>	<p>Hari Urus Niaga bila mana:</p> <p>(a) berhubung dengan Permohonan Pembentukan yang telah selesai dilaksanakan, Unit-unit telah diserahkan ke Akaun CDS Peniaga yang Mengambil Bahagian dan Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menerima lebihan dana yang dijelaskan daripada Anggaran Jumlah Pembentukan (selepas penolakan Jumlah Pembentukan Sebenar), sekiranya berkenaan; dan</p> <p>(b) berhubung dengan Permohonan Penebusan yang telah selesai dilaksanakan, Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menerima dana yang dijelaskan daripada Jumlah Penebusan Sebenar.</p>
<b>Syariah</b>	Undang-undang Islam berasal dari Quran (kitab suci Islam), dan amalan dan penjelasannya yang disampaikan oleh nabi Muhammad (saw) dan ijihad ulamak (usaha peribadi oleh cendekiawan Syariah yang berkelayakan untuk menentukan fatwa yang sebenarnya mengenai undang-undang tuhan mengenai perkara-perkara yang pendedahannya adalah tidak nyata).
<b>Penasihat Syariah</b>	Amanie Advisors Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 200501007003 (684050-H)), merupakan penasihat Syariah bagi Dana.
<b>Garis Panduan Pelaburan Syariah</b>	Garis panduan pelaburan Syariah dikeluarkan untuk Dana dan diendors oleh Penasihat Syariah.
<b>Resolusi Khas</b>	Satu resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang daripada 75% daripada jumlah hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang berhak untuk mengundi ke atas resolusi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dengan syarat bahawa bagi tujuan penamatkan Dana, resolusi khas diluluskan oleh majoriti dalam bilangan yang mewakili sekurang-kurangnya 75% daripada hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang mengundi pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit.
<b>SSE</b>	Bursa Saham Shanghai.
<b>Stock Connects</b>	<i>Shanghai-Hong Kong Stock Connect</i> dan <i>Shenzhen-Hong Kong Stock Connect</i> .
<b>Pengurus Sub-pelaburan</b>	Value Partners Hong Kong Limited.
<b>SZSE</b>	Bursa Saham Shenzhen.
<b>Tarikh Dagangan</b>	<p>Hari Urus Niaga bila mana:</p> <p>(a) berhubung dengan Permohonan Pembentukan, Pemegang Amanah akan menerima, dana yang dijelaskan, Anggaran Jumlah Pembentukan dan sebarang caj yang dikenakan yang perlu dibayar kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah; dan</p> <p>(b) berhubung dengan Permohonan Penebusan, Unit-unit yang telah diserahkan ke Akaun CDS Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah akan menerima dana yang dijelaskan daripada sebarang caj yang dikenakan yang perlu dibayar kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah.</p>
<b>Tarikh Akhir Dagangan</b>	<p>Masa tamat pada mana-mana Hari Urus Niaga tertentu:</p> <p>(a) berhubung dengan Permohonan Pembentukan, bagi bayaran kepada Pemegang Amanah, dalam dana yang dijelaskan, Anggaran Jumlah Pembentukan dan sebarang caj yang dikenakan yang perlu dibayar kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah; dan</p> <p>(b) berhubung dengan Permohonan Penebusan, bagi penyerahan Unit-unit ke Akaun CDS Pemegang Amanah dan bagi bayaran kepada Pemegang Amanah dalam dana yang dijelaskan akan sebarang caj yang dikenakan yang perlu dibayar kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah,</p> <p>dengan syarat bahawa sekiranya bayaran dan/atau Unit-unit diterima selepas Tarikh Akhir Dagangan, Hari Urus Niaga akan datang adalah Tarikh Dagangan.</p>
<b>Kos Urus Niaga</b>	Kesemua duti setem dan lain-lain duti, cukai, caj kerajaan, yuran pemberokeran, caj bank, yuran pemindahan, yuran pendaftaran, levi urus niaga, kos pertukaran asing dan duti-duti dan caj-caj lain sama ada berhubung dengan pembentukan Aset-aset Dana atau pembentukan, terbitan, pemindahan, pembatalan atau penebusan Unit-unit atau pembelian atau pelupusan Aset-aset Dana atau sebaliknya, yang mungkin menjadi atau telah menjadi perlu dibayar berhubung dengan (sama ada sebelum pada, sebaik sahaja atau selepas setiap kejadian) apa-apa urus niaga atau urusan dan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, berhubung dengan terbitan Unit-unit atau

penebusan Unit-unit, caj (sekiranya ada) jumlah tertentu atau kadar tertentu sebagaimana ditentukan oleh Pengurus akan dibuat untuk tujuan memampasi atau membayar balik Dana bagi perbezaan di antara:

- (a) harga yang digunakan apabila menilai Aset-aset Dana untuk tujuan terbitan atau penebusan Unit-unit tertentu; dan
- (b) (dalam hal terbitan Unit-unit) harga yang digunakan atau yang akan digunakan, mengikut keadaan, apabila membeli Aset-aset Dana yang sama dengan jumlah tunai yang diterima oleh Dana semasa terbitan Unit-unit, dan
  - (dalam hal penebusan Unit-unit) harga yang digunakan atau yang akan digunakan, mengikut keadaan, apabila menjual Aset-aset Dana yang sama sekiranya ia telah dijual oleh Dana untuk merealisasikan jumlah tunai yang diperlukan yang akan dibayar daripada Dana semasa penebusan Unit-unit tersebut.

**Pemegang Amanah** CIMB Islamic Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 198801000556 (167913-M)).

<b>Unit</b>	Kepentingan benefisial yang tidak dibahagi di dalam dan pemilikan Dana.
<b>Blok Unit</b>	Sebahagian besar Unit mengandungi blok yang diuruskan secara keseluruhan, dalam pasaran primer apabila Permohonan berjaya. Saiz Blok Unit mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
<b>Pemegang Unit</b>	Mana-mana orang yang didaftarkan sebagai memegang Unit selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.
<b>USD</b>	Dolar Amerika Syarikat, mata wang Amerika Syarikat yang sah.
<b>Masa Penilaian</b>	Masa yang dinyatakan dalam Seksyen 3.14 Prospektus ini.

## JADUAL WAKTU INDIKATIF

Tarikh & Masa	Peristiwa
12 Julai 2021	: Pengeluaran Prospektus ini
14 Julai 2021	: Peruntukan Unit
28 Julai 2021	: Penyenaraian Dana pada <i>Bursa Securities</i>

Tidak akan ada Unit yang diketepikan untuk langganan oleh orang awam sebelum Penyenaraian. Pengurus akan melaksanakan pembentukan awal sehingga 6,000,000 Unit. Orang awam hanya boleh membeli Unit-unit pada *Bursa Securities* atau membentuk Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian Selepas Penyenaraian.

Selepas Penyenaraian Dana pada *Bursa Securities*, Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh meminta bagi pembentukan Unit-unit tambahan selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

**PEMASAAN INDIKATIF SEBAGAIMANA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN YANG MUNGKIN MENJADI PERLU UNTUK MEMUDAHKAN PROSEDUR PELAKSANAAN. PARA PENGARAH PENGURUS (SELEPAS BERUNDING DENGAN PEMEGANG AMANAH), BOLEH MENGIKUT BUDI BICARA MUTLAK MEREKA, MEMUTUSKAN UNTUK MELANJUTKAN TARikh PENYENARAIAN DANA TERTAKLUK KEPADA KELULUSAN PIHAK BERKUASA BERKENAAN, SEKIRANYA DIPERLUKAN. NOTIS MENGENAI SEBARANG LANJUTAN AKAN DIBUAT PADA LAMAN WEB DANA DAN MELALUI CARA PENGUMUMAN MELALUI LAMAN WEB BURSA SECURITIES.**

# PANDUAN KORPORAT

## PENGURUS

**Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd**  
(No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P))

*Pejabat Berdaftar:*

Tingkat 10, Menara Hap Seng  
No. 1 & 3, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03-2382 4343  
No. Faks: 03-2382 4170/ 71

*Pejabat Perniagaan:*

Aras 28.03, Integra Tower, The Intermark  
No. 348, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03-2775 7688  
No. Faks: 03-2775 7687  
E-mel: [vpmy-enquiry@valuepartners-group.com](mailto:vpmy-enquiry@valuepartners-group.com)  
Laman web: [www.valuepartners-group.com.my](http://www.valuepartners-group.com.my)

## PENGURUS SUB-PELABURAN

**Value Partners Hong Kong Limited**

43rd Floor, The Center  
99 Queen's Road Central  
Hong Kong  
No. Tel: (852) 2880 9263  
No. Faks: (852) 2564 8487

## PEMEGANG AMANAH

**CIMB Islamic Trustee Berhad**

(No. Pendaftaran: 198801000556 (167913-M))

*Pejabat Berdaftar:*

Aras 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel. No.: 03 - 2261 8888  
No. Faks: 03 - 2261 0099

*Pejabat Perniagaan:*

Aras 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 - 2261 8888  
No. Faks: 03 - 2261 9889  
Laman web: [www.cimb.com](http://www.cimb.com)

## WAKIL PEMEGANG AMANAH (KUSTODIAN)

**CIMB Islamic Bank Berhad**

(No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H))

*Pejabat Berdaftar:*

Aras 13, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 - 2261 8888  
No. Faks: 03 - 2261 8889

*Pejabat Perniagaan:*

Aras 21, Menara CIMB  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 - 2261 8888  
No. Faks: 03 - 2261 9892  
Laman web: [www.cimb.com](http://www.cimb.com)

## PENASIHAT SYARIAH

**Amanie Advisors Sdn Bhd**

(No. Pendaftaran: 200501007003 (684050-H))

*Pejabat Berdaftar:*

Unit 11-3A,  
3rd Mile Square, No. 151,  
Jalan Klang Lama Batu 3 ½,  
58100 Kuala Lumpur

*Pejabat Perniagaan:*

Aras 13A-2  
Menara Tokio Marine Life  
189 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03 - 2161 0260  
No. Faks: 03 - 2161 0262  
Laman web: [www.amanieadvisors.com](http://www.amanieadvisors.com)

## JURUAUDIT DANA DAN PENGURUS

**PricewaterhouseCoopers PLT**

Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat  
Kuala Lumpur Sentral  
50706 Kuala Lumpur

## PENASIHAT CUKAI

**PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd**

Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat  
Kuala Lumpur Sentral  
Peti Surat 10192  
50706 Kuala Lumpur

## **PENGUAM CARA**

**Messrs Wei Chien & Partners**  
D-20-02, Menara Suezcap 1  
No. 2, Jalan Kerinchi  
Gerbang Kerinchi Lestari  
59200 Kuala Lumpur

## **PENIAGA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN**

**Kenanga Investment Bank Berhad**  
(No. Pendaftaran: 197301002193 (15678-H))  
Aras 12, Kenanga Tower  
237, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

**Malacca Securities Sdn Bhd**  
(No. Pendaftaran: 197301002760 (16121-H))  
No. 1, 3 & 5, Jalan PPM9  
Plaza Pandan Malim Business Park  
Balai Panjang  
75250 Melaka

## **PENENTU PASARAN**

Maklumat berhubung dengan penentu pasaran boleh diperoleh daripada laman web Dana.

## **PENDAFTAR**

**Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd**  
(No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P))  
Aras 28.03, Integra Tower, The Intermark  
No. 348, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

## **PEMBERI LESEN INDEKS**

**S&P Opco, LLC**  
55 Water Street, New York  
New York 10041  
United States of America

## **PENYENARAIAN DIPOHON**

Pasaran Utama *Bursa Securities*

## **KELULUSAN & SYARAT-SYARAT**

SC telah pada 25 September 2020, meluluskan cadangan berikut tertakluk kepada terma-terma berikut: -

- (i) penubuhan Dana dengan saiz dana awal sehingga 4 bilion Unit; dan
- (ii) Penyenaraian dan sebut harga sehingga 4 bilion Unit bagi Dana pada Pasaran Utama *Bursa Securities*.

# 1. DATA PENTING

Maklumat yang dikemukakan dalam seksyen ini hanyalah ringkasan maklumat penting mengenai Dana. Pelabur-pelabur hendaklah membaca dan memahami keseluruhan Prospektus sebelum membuat keputusan melabur.

## 1.1. Dana

Perkara	Keterangan Ringkas	Seksyen
<b>Nama Dana</b>	VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF	-
<b>Kategori Dana</b>	Dana dagangan bursa ekuiti Islam	-
<b>Jenis Dana</b>	Dana penjejakan indeks	-
<b>Saiz Dana Awal Diluluskan</b>	4,000,000,000 Unit	3.15
<b>Harga Pembentukan</b>	MYR2.00	-
<b>Mata Wang Asas</b>	MYR	-
<b>Mata Wang Dagangan pada Bursa Securities</b>	MYR  Nota: Pengurus mungkin memperkenalkan kaunter didenominasi dalam mata wang lain untuk didagangkan di Bursa Securities pada masa depan dan prospektus tambahan untuk menunjukkan tersedianya kaunter dagangan sebegini akan dikeluarkan. Anda akan dimaklumkan melalui pengumuman di Bursa Securities dan di laman web Dana.	5.1.2
<b>Objektif Pelaburan</b>	Dana bertujuan untuk memberikan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Penanda Aras.	3.1
<b>Strategi Pelaburan</b>	Pengurus berhasrat terutamanya untuk menggunakan strategi replikasi penuh melalui pelaburan dalam Saham-A patuh Syariah yang dimasukkan dalam Penanda Aras dalam pewajaran yang sebahagian besarnya sama dalam mana ianya dimasukkan dalam Penanda Aras untuk menjelak prestasi Penanda Aras.	3.4
<b>Peruntukan Aset</b>	➤ Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Sekuriti yang Dibenarkan. ➤ NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.	3.3
<b>Penanda Aras</b>	<i>DJIM China A-Shares 100 Index</i>	3.5
<b>Profil Pelabur</b>	Dana adalah sesuai untuk pelabur-pelabur yang: ➤ Berhasrat untuk mempunyai pendedahan kepada syarikat-syarikat tersenarai China; dan ➤ Mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi.	3.2
<b>Dasar Pengagihan</b>	Dana mungkin mengagihkan pendapatan atas dasar sampingan.	3.12
<b>Akhir Tahun Kewangan Dana</b>	30 Jun	-
<b>Ringkasan Faktor-Faktor Risiko</b>	<b>(i) Risiko-risiko Am Melabur dalam Dana</b> ➤ Risiko Pasaran ➤ Modal dan Pulangan Tidak Dijamin ➤ Risiko Inflasi ➤ Risiko Kecairan ➤ Risiko Perdagangan, Pembentukan dan Penebusan ➤ Perdagangan dalam Unit-unit pada Bursa Securities mungkin Digantung atau Unit-unit mungkin Dinyahsenaraikan ➤ Penggantungan Pembentukan dan/atau Penebusan ➤ Risiko Undang-undang dan Berperaturan ➤ Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian	2.1

Perkara	Keterangan Ringkas	Seksyen
	<p><b>(ii) Risiko-risiko Khusus Melabur dalam Dana</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Risiko Pelaburan Ekuiti</li> <li>➤ Risiko Dikaitkan dengan Pelaburan dalam PRC</li> <li>➤ Risiko Dikaitkan dengan Stock Connects</li> <li>➤ Risiko Negara</li> <li>➤ Risiko Mata Wang</li> <li>➤ Risiko Mata Wang RMB</li> <li>➤ Risiko Penumpuan</li> <li>➤ Saiz Penebusan Minimum</li> <li>➤ Pengelasan Semula Sekuriti mematuhi Syariah</li> <li>➤ Risiko Ralat Penjejakkan</li> <li>➤ Risiko-risiko Berkaitan dengan Penanda Aras</li> <li>➤ Pengurusan Pelaburan yang Pasif</li> </ul>	2.2
<b>Pengunaan Perolehan</b>	Pelaburan dalam aset-aset yang dibenarkan sebagaimana dikemukakan dalam Seksyen 3.10 Prospektus ini.	5.1.1
<b>Penawaran Unit-unit:</b>		
➤ <b>Sebelum Penyenaraian</b>	Tidak akan ada Unit yang diketepikan untuk langganan oleh orang awam sebelum Penyenaraian. Pengurus akan melaksanakan pembentukan awal sehingga 6,000,000 Units. Orang awam hanya boleh membeli Unit-unit pada <i>Bursa Securities</i> atau membentuk Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian selepas Penyenaraian.	5.1.1
➤ <b>Selepas Penyenaraian</b>	<p>Unit-unit boleh dibeli dan dijual dalam dua cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <b>Melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian</b> Dalam pasaran primer, Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bertindak bagi pihak dirinya sendiri atau untuk pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit dalam Blok Unit (atau gandaan genapnya). Permohonan hanya boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam terma MYR.</li> <li>➤ <b>Melalui Bursa Securities</b> Dalam pasaran sekunder, pelabur-pelabur boleh membeli dan menjual Unit-unit dalam lot-lot niaga sebanyak 100 Unit (atau gandaannya) pada <i>Bursa Securities</i>. Pada masa ini, Dana boleh didagangkan dalam denominasi MYR sahaja.</li> </ul>	5.1.2 5.2 5.8
<b>Pasaran primer:</b>		
➤ <b>Pembentukan/ Penebusan Unit-unit</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <b>Pembentukan Unit-unit</b> Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaunnya sendiri atau bagi akaun pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi Pembentukan Tunai Unit-unit baru melalui bayaran Anggaran Jumlah Pembentukan.</li> <li>➤ <b>Penebusan Unit-unit</b> Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaunnya sendiri atau bagi akaun pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan Sebenar.</li> </ul>	5.2.1 5.2.2 5.2.3 5.2.4
➤ <b>Blok Unit</b>	2,000,000 Unit Kuantiti ini mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga-peniaga yang Mengambil Bahagian. Pembentukan atau penebusan Unit-unit mestilah dalam Blok Unit (atau gandaan genapnya).	5.2.1 5.2.3
<b>Pasaran sekunder:</b>		
➤ <b>Dagangan Unit-unit pada Bursa Securities</b>	Pelabur-pelabur boleh berdagang (membeli atau menjual) Unit-unit pada <i>Bursa Securities</i> Selepas Penyenaraian.	5.8
➤ <b>Saiz Lot Niaga Perdagangan</b>	100 Unit	5.8

## 1.2. Yuran, Caj dan Perbelanjaan

Berikut adalah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung **secara langsung** apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

### ➤ Melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pembentukan dan penebusan Unit-unit mestilah dilaksanakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran dan caj (tidak termasuk perbelanjaan hangus) untuk dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah:

Yuran & Caj	Butir-butir	Seksyen
<b>Yuran Permohonan</b>	<p>MYR100 setiap Blok Unit (dan tertakluk kepada maksimum sebanyak MYR1,000) perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.</p> <p>Pada masa ini, Pengurus telah mengenepikan Yuran Permohonan. Walaubagaimanpun, Pengurus mungkin memperkenalkan semula yuran pada bila-bila masa dengan tempoh satu (1) bulan notis terdahulu kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pelabur-pelabur.</p>	4.1.1
<b>Yuran Pembatalan Permohonan</b>	MYR500 setiap Permohonan perlu dibayar kepada Pengurus atau lain-lain jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.	4.1.1
<b>Kos Urus Niaga</b>	Pengurus mungkin mengenakan Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana) untuk menghalang NAV Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga.	4.1.1
<b>Lain-lain Yuran</b>	Jumlah (selain daripada Kos Urus Niaga yang diterangkan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dicajkan oleh <i>Bursa Depository</i> .	4.1.1

Yuran dan caj di atas mungkin sama ada dikenakan kepada pelabur oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian atau mungkin ditanggung oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian berkenaan mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

### ➤ Melalui *Bursa Securities*

Jadual di bawah menerangkan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh *Bursa Securities* pada tarikh Prospektus ini caj-caj yang mana mungkin diubah dari masa ke masa) apabila pelabur membeli atau menjual Unit-unit Dana pada *Bursa Securities*:

Yuran & Caj	Butir-butir	Seksyen
<b>Yuran Pembrokeran</b>	Sebagaimana ditetapkan oleh <i>Bursa Securities</i> .	4.1.2
<b>Yuran Penjelasan <i>Bursa Securities</i></b>	0.03% daripada nilai urus niaga, tertakluk kepada maksimum MYR1,000 setiap urus niaga. Yuran minimum sebanyak MYR10 setiap urus niaga adalah terpakai untuk kontrak perniagaan langsung.	4.1.2

Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan broker-broker mereka mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung. Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur-pelabur akan tanggung apabila berdagang Unit-unit boleh didapatkan pada laman web *Bursa Securities*.

Berikut adalah caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung **secara tidak langsung** apabila mereka melabur dalam Unit-unit Dana.

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Butir-butir</b>	<b>Seksyen</b>
<b>Yuran Pengurusan Tahunan</b>	Sehingga 0.60% setahun daripada NAV Dana.	4.2
<b>Yuran Pemegang Amanah Tahunan</b>	Sehingga 0.06% setahun daripada NAV Dana tertakluk kepada minimum sebanyak MYR12,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj sub-kustodian asing).	4.2
<b>Yuran Lesen Indeks Tahunan</b>	Sehingga 0.04% setahun daripada NAV Dana, tertakluk kepada minimum sebanyak USD10,000 bagi dua belas (12) bulan pertama dan USD15,000 setahun selepas itu.	4.2

#### **Kos Penubuhan Dana**

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana yang termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- kos penyediaan dan penerbitan Prospektus ini;
- yuran profesional dan penasihat; dan
- yuran berperaturan.

(secara kolektif, "**Kos Penubuhan**").

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus bila dan apabila ditanggung. Pengurus dibenarkan untuk mengenakan Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR300,000 sepanjang tempoh tiga (3) tahun untuk mengurangkan kesan kecairan ke atas pulangan Dana.

#### **1.3. Lain-lain Maklumat**

Surat Ikatan bertarikh 8 Oktober 2020 dan telah ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah.

#### **1.4. Tempat bagi Mendapat Nasihat**

Pelabur-pelabur boleh menghubungi Pengurus melalui telefon di 03-2775 7688 atau faks kepada 03-2775 7687 atau e-mel kepada [vpmy-enquiry@valuepartners-group.com](mailto:vpmy-enquiry@valuepartners-group.com) bagi maklumat dan nasihat berkaitan dengan Dana. Pengurus boleh dihubungi dari hari Isnin hingga Jumaat (kecuali pada cuti am) dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang.

Pelabur-pelabur boleh mendapatkan maklumat berhubung dengan Dana daripada laman web Dana.

## 2. FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Pelaburan dalam Unit-unit melibatkan risiko. Bakal-bakal pelabur harus bergantung pada penilaian mereka sendiri dan menimbangkan dengan teliti faktor-faktor risiko berikut selain daripada maklumat lain di bahagian lain Prospektus ini sebelum melabur dalam Dana.

### 2.1. Risiko Am Melabur dalam Dana

#### ➤ Risiko Pasaran

Pergerakan am dalam pasaran tempatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi suasana pelaburan dan sentimen pelabur boleh mempengaruhi tahap perdagangan dan dengan itu harga pasaran Unit-unit, yang harganya boleh turun serta naik. Risiko-risiko ini pada amnya terpakai bagi sebarang pelaburan dalam sekuriti tersenarai. Risiko-risiko ini termasuk naik turun pasaran yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti perkembangan ekonomi dan politik.

#### ➤ Modal dan Pulangan Tidak Dijamin

Pelabur-pelabur hendaklah menyedari bahawa dengan melabur dalam Dana, tidak ada jaminan bagi sebarang pulangan atau peningkatan modal. Tidak seperti deposit tetap yang ditempatkan terus oleh pelabur dalam mana-mana institusi kewangan yang membawa kadar pulangan khusus, Dana ini tidak memberikan kadar pulangan tetap. Tidak ada jaminan bahawa para pelabur akan menikmati peningkatan modal atau tidak akan mengalami apa-apa kerugian modal yang dilaburkan dalam Dana.

#### ➤ Risiko Inflasi

Inflasi adalah salah satu risiko jangka panjang memandangkan ia mewujudkan ketidakpastian mengenai nilai masa hadapan pelaburan. Apa-apa pelaburan adalah tertakluk kepada risiko bahawa pelaburan mungkin tidak meningkat mengikut perkadarannya kadar inflasi. Pulangan ke atas pelaburan yang lebih rendah daripada kadar inflasi akan mengurangkan kuasa membeli Pemegang-pemegang Unit setiap MYR walaupun nilai pelaburan dari segi monetari telah meningkat.

#### ➤ Risiko Kecairan

Walaupun Unit-unit disenaraikan bagi perdagangan di *Bursa Securities*, tidak ada jaminan bahawa pasaran dagangan aktif bagi Unit tersebut akan berkembang atau dikekalkan. Tidak ada asas tertentu untuk meramalkan tahap harga sebenar, atau jumlah dalam mana, Unit-unit boleh didagang. Selaras dengan itu, sekiranya Pemegang Unit perlu menjual Unit-unitnya pada masa apabila tidak ada pasaran aktif baginya wujud, harga yang beliau terima bagi Unit-unitnya (mengandaikan beliau boleh menjualnya) berkemungkinan lebih rendah daripada harga yang diterima sekiranya pasaran aktif memang wujud. Biarpun penentu pasaran telah dilantik oleh Pengurus, tidak ada jaminan bahawa risiko kecairan sedemikian akan dikurangkan sepenuhnya.

Pelabur-pelabur harus ambil maklum bahawa, kecairan dalam pasaran bagi Unit-unit mungkin terjejas sekiranya penentu pasaran gagal atau tidak lagi memenuhi peranannya sebagai penentu pasaran. Adalah menjadi hasrat Pengurus agar akan sentiasa ada sekurang-kurangnya satu penentu pasaran bagi Dana.

#### ➤ Risiko Perdagangan, Pembentukan dan Penebusan

##### Risiko pada pasaran sekunder

Harga perdagangan Unit-unit pada *Bursa Securities* naik turun secara berterusan sepanjang waktu perdagangan berdasarkan penawaran dan permintaan pasaran dan keadaan ekonomi di Malaysia, dan bukannya Nilai Aset Bersih. Harga perdagangan juga boleh menyimpang dengan ketara daripada NAV setiap Unit terutamanya dalam tempoh kemeruapan pasaran atau apabila terdapat penggantungan pembentukan atau penebusan Unit-unit. NAV setiap Unit Dana dikira pada penghujung setiap Hari Urus Niaga dan naik turun seiring dengan perubahan dalam nilai pasaran Aset-aset Dana. Mana-mana daripada faktor ini boleh membawa kepada perdagangan Unit-unit pada premium atau diskau kepada NAV setiap Unitnya. Peranan penentu pasaran adalah dihasratkan untuk meminimumkan perbezaan antara harga dagangan pada *Bursa Securities* dan NAV setiap Unit Dana.

##### Risiko pada pasaran primer

Sekiranya Pengurus menggantung pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit dalam pasaran primer, penyimpangan kepada NAV setiap Unit adalah dijangka.

Dalam keadaan biasa, Anggaran Jumlah Pembentukan seperti yang ditakrifkan, adalah lebih daripada cukup untuk menanggung (i) kos pembelian Sekuriti yang Dibenarkan berhubung dengan Permohonan Pembentukan, (ii) pergerakan dalam kadar pertukaran wang asing, dan (iii) mana-mana yuran/ caj lain yang perlu dibayar kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang luar biasa seperti kenaikan dalam pasaran Saham-A China bertepatan dengan

kenaikan nilai RMB yang ketara, ada kemungkinan bahawa Anggaran Jumlah Pembentukan mungkin tidak mencukupi iaitu kekurangan. Dalam hal ini, Peniaga yang Mengambil Bahagian akan perlu membayar kekurangan ini.

Anggaran Jumlah Penebusan kekal menjadi angka rujukan bagi pelabur-pelabur. Jumlah Penebusan Sebenar akan berbeza daripada Anggaran Jumlah Penebusan akibat daripada potensi pergerakan pasaran, potensi pergerakan forex dan lain-lain caj terpakai.

➤ **Perdagangan dalam Unit-unit pada *Bursa Securities* mungkin Digantung atau Unit-unit mungkin Dinyahsenaraikan**

Pemegang-pemegang Unit dan Pemegang-pemegang Unit berpotensi tidak akan dapat membeli, tidak juga Pemegang-pemegang Unit akan dapat menjual Unit-unit di *Bursa Securities* semasa mana-mana tempoh dalam mana dagangan Unit-unit digantung. *Bursa Securities* mungkin menggantung dagangan Unit-unit selaras dengan peraturan dan dasar *Bursa Securities* bila-bila masa *Bursa Securities* menentukan bahawa ia adalah sesuai demi kepentingan pasaran saksama dan teratur untuk melindungi Pemegang-pemegang Unit. Pembentukan dan penebusan Unit-unit juga boleh digantung sekiranya dagangan Unit-unit di *Bursa Securities* digantung.

Selanjutnya, *Bursa Securities* mengenakan syarat-syarat tertentu bagi penyenaraian berterusan sekuriti, termasuk Unit-unit di *Bursa Securities*. Pelabur-pelabur tidak boleh diberi jaminan bahawa Dana akan terus memenuhi syarat-syarat yang diperlukan untuk mengekalkan penyenaraian Unit-unit di *Bursa Securities* atau bahawa *Bursa Securities* tidak akan mengubah Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utamanya. Dana boleh ditamatkan sekiranya Unit-unitnya dinyahsenaraikan daripada *Bursa Securities*.

➤ **Penggantungan Pembentukan dan/atau Penebusan**

Urus niaga Unit-unit di *Bursa Securities* tidak semestinya digantung sekiranya pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit digantung buat sementara oleh Pengurus selaras dengan terma-terma Surat Ikatan. Sekiranya pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit digantung buat sementara, harga dagangan Unit-unit mungkin terjejas dan berbeza daripada nilai pasaran aset-aset mendasari Dana.

➤ **Risiko Undang-undang dan Berperaturan**

Dana hendaklah mematuhi kekangan peraturan atau perubahan dalam undang-undang yang melibatkannya atau sekatan pelaburannya yang mungkin memerlukan perubahan dalam dasar dan objektif pelaburan yang diikuti oleh Dana. Selanjutnya, perubahan dalam undang-undang sedemikian mungkin memberi kesan kepada sentimen pasaran yang boleh sebaliknya menjelaskan prestasi Dana. Adalah mustahil untuk meramalkan sama ada kesan yang disebabkan oleh sebarang perubahan undang-undang akan menjadi positif atau negatif kepada Dana. Dalam senario kes terburuk, Pemegang Unit mungkin kehilangan semua pelaburan beliau dalam Dana.

➤ **Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian**

- Pembentukan dan penebusan Unit-unit hanya boleh dilakukan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pada tarikh Prospektus ini, Pengurus telah menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian. Ini membolehkan Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk memohon pembentukan Unit-unit baru dan/atau memerlukan penebusan Unit-unit sedia ada. Sekiranya peniaga yang mengambil bahagian sedia ada menarik diri pada bila-bila masa dan tidak ada peniaga yang mengambil bahagian yang baru atau tambahan dilantik dan/atau menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Pengurus, tidak ada Unit baru boleh kemudiannya dibentuk atau ditebus.
- Walaupun Peniaga yang Mengambil Bahagian telah bersetuju, selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan Pengurus, bahawa ia akan membentuk dan menebus bagi pelabur-pelabur, sama ada atau tidak Peniaga yang Mengambil Bahagian bersetuju dengan pelabur-pelabur untuk membentuk atau menebus Unit-unit bagi mereka perlu dipersetujui antara pelabur yang berkenaan dan peniaga yang mengambil bahagian tersebut. Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh mengenakan yuran bagi penyediaan perkhidmatan ini. Peniaga yang Mengambil Bahagian tidak akan dapat membentuk atau menebus Unit-unit semasa tempoh penggantungan.

## 2.2. Risiko-Risiko Khusus Pelaburan dalam Dana

➤ **Risiko Pelaburan Ekuiti**

Pembelian dan penjualan ekuiti membawa beberapa risiko. Yang paling penting adalah kemeruapan pasaran modal di mana sekuriti tersebut didagangkan dan risiko ketaksovenan am yang berkait dengan penerbit ekuiti. Nilai pelaburan ekuiti bergantung pada potensi perolehannya, pengurusan yang baik, pengolahan pemegang-pemegang saham minoriti, serta pelbagai faktor lain. Kegagalan untuk mencapai perolehan yang dijangkakan akan mengakibatkan penurunan nilai pelaburan yang seterusnya menjelaskan prestasi Dana.

➤ **Risiko yang Berkaitan Pelaburan di PRC**

Pengenaan sekat tambahan kerajaan di PRC boleh menjelaskan beberapa atau semua pelaburan yang dipegang oleh Dana di PRC.

Pelabur-pelabur juga harus perhatikan bahawa apa-apa perubahan dalam dasar PRC mungkin memberi kesan kurang baik ke atas pasaran sekuriti di PRC serta sekuriti mendasari Dana, yang mungkin mengakibatkan kesan kurang baik ke atas prestasi Dana.

Sistem Undang-undang PRC

Sistem undang-undang PRC adalah berdasarkan undang-undang dan peraturan bertulis. Kerajaan PRC membuat penambahbaikan secara berterusan ke atas undang-undang dan peraturan perdagangannya. Walau bagaimanapun, banyak undang-undang dan peraturan ini masih di peringkat eksperimen dan kebolehkuatkuasaan undang-undang dan peraturan tersebut masih kurang jelas. Sebarang perubahan dalam undang-undang dan peraturan sedemikian dari masa ke masa boleh menjelaskan pelaburan Dana di PRC yang seterusnya boleh menjelaskan NAV Dana.

Potensi Kemeruapan Pasaran PRC

Pelabur-pelabur perlu perhatikan bahawa kemeruapan pasaran dan potensi kekurangan kecairan dalam pasaran Saham-A boleh mengakibatkan harga sekuriti yang didagangkan di pasaran tersebut naik turun dengan ketara akibat perubahan besar dalam harga Unit Dana.

Susut Nilai Renminbi

Dana boleh melabur dalam pelaburan yang berkaitan dengan PRC dan pelaburan yang nilainya Pengurus percaya akan dirangsang oleh peningkatan nilai Renminbi. Sebaliknya, nilai Dana mungkin terjejas sekiranya berlaku susut nilai Renminbi. Pelabur-pelabur mungkin kehilangan wang dalam keadaan apabila naik turun Renminbi terhadap MYR menyebabkan kerugian terjemahan mata wang dalam NAV Dana dalam MYR yang mungkin memberi kesan kepada mata wang dagangan Dana dalam MYR.

Risiko Cukai PRC

Dengan melabur dalam sekuriti yang diterbitkan oleh perusahaan residen cukai PRC, tidak kira sama ada sekuriti sedemikian diterbitkan atau diagih di pesisir atau luar pesisir (“**Sekuriti PRC**”), Dana mungkin tertakluk kepada cukai PRC.

Kerajaan PRC telah melaksanakan beberapa dasar pembaharuan cukai pada tahun-tahun kebelakangan ini. Undang-undang dan peraturan cukai semasa mungkin disemak atau dipinda pada masa hadapan. Apa-apa semakan atau pindaan dalam undang-undang dan peraturan cukai boleh menjelaskan keuntungan selepas cukai syarikat-syarikat PRC dan pelabur asing dalam syarikat tersebut.

• *Cukai Pendapatan Korporat (“CIT”)*

Sekiranya Dana dianggap sebagai perusahaan residen cukai PRC ia akan tertakluk kepada CIT pada 25% ke atas pendapatan boleh dicukai di seluruh dunianya. Sekiranya Dana dianggap sebagai perusahaan bukan residen cukai dengan penubuhan atau tempat perniagaan (“E&P”) di PRC, keuntungan dan laba boleh dikaitkan kepada E&P tersebut akan tertakluk kepada CIT PRC pada 25%. Sekiranya Dana dianggap sebagai perusahaan residen bukan cukai tanpa E&P di PRC, ia akan tertakluk kepada CIT atas asas tahanan (“WIT”), biasanya pada kadar 10%, setakat mana ia secara langsung memperoleh pendapatan pasif disumber PRC, melainkan pengecualian atau pengurangan tertentu tersedia di bawah undang-undang dan peraturan cukai atau perjanjian cukai PRC semasa berkenaan.

Pengurus berhasrat untuk mengurus dan mengendalikan Dana dalam cara tertentu agar Dana tidak harus dianggap sebagai perusahaan residen cukai PRC atau perusahaan bukan residen cukai dengan E&P di PRC untuk tujuan CIT, walaupun ini tidak dapat dijamin. Oleh itu, adalah dijangkakan bahawa Dana tidak sepatutnya menjadi tertakluk kepada CIT atas asas taksiran dan akan hanya tertakluk kepadap WIT sehingga tahap yang Dana secara langsung memperoleh pendapatan disumber PRC berhubung dengan pelaburannya dalam Sekuriti PRC.

• *Dividen dan Keuntungan*

Pendapatan Dana daripada dividen dan pengagihan keuntungan daripada perusahaan cukai PRC yang diterima oleh Dana adalah pada amnya tertakluk kepada WIT PRC pada kadar 10%, melainkan WIT tersebut adalah tertakluk kepada pengurangan atau pengecualian selaras dengan undang-undang dan peraturan cukai PRC atau perjanjian cukai terpakai yang ditandatangani dengan PRC.

- *Keuntungan Modal*

(i) Keuntungan modal direalis daripada perdagangan Saham-A melalui *Stock Connects*

Pekeliling cukai PRC Caishui [2014] No. 81 (“**Notis No. 81**”) dan Caishui [2016] No. 127 (“**Notis No. 127**”) memperuntukkan bahawa CIT PRC akan dikecualikan buat sementara waktu ke atas keuntungan modal yang direalis oleh pelabur-pelabur Hong Kong dan pelabur-pelabur luar negara (termasuk Dana) atas perdagangan Saham-A melalui *Stock Connects*. Berdasarkan Notis No. 81 dan Notis No. 127, dan setelah meminta nasihat daripada penasihat cukai profesional dan bebas, tidak ada peruntukan WIT bagi keuntungan modal kasar direalis atau tidak direalis yang diperoleh daripada perdagangan Saham-A melalui *Stock Connects* dibuat oleh Pengurus bagi pihak Dana.

Harus diambil perhatian bahawa pengecualian cukai pendapatan korporat di bawah Notis No. 81 dan Notis No. 127 adalah sementara. Oleh itu, bila dan apabila pihak berkuasa PRC mengumumkan tarikh tamat pengecualian, Dana mungkin pada masa hadapan perlu membuat peruntukan untuk menunjukkan cukai perlu dibayar, yang mungkin mempunyai kesan negatif yang ketara ke atas NAV Dana.

(ii) Peruntukan Cukai

Harus diambil perhatian bahawa undang-undang, peraturan dan amalan cukai sedia ada mungkin disemak atau dipinda pada masa hadapan, dengan kemungkinan bahawa perubahan sedemikian akan dipakai dengan kesan retrospektif. Untuk memenuhi apa-apa liabiliti cukai berpotensi bagi keuntungan modal atau pendapatan, Pengurus merizabkan hak untuk memperuntukkan bagi WIT ke atas keuntungan atau pendapatan sedemikian dan menahan cukai untuk akaun Dana.

Oleh itu, sekiranya ia diketahui bahawa Dana adalah tertakluk kepada liabiliti sebenar, berhubung dengan mana Pengurus tidak membuat apa-apa peruntukan, pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa NAV Dana mungkin diturunkan, memandangkan Dana akan pada akhirnya menanggung jumlah penuh liabiliti cukai. Harus juga diperhatikan bahawa tahap peruntukan (sekiranya ada) mungkin tidak mencukupi atau berlebihan untuk memenuhi liabiliti cukai PRC sebenar ke atas pelaburan yang dibuat oleh Dana. Akibatnya, Pemegang-pemegang Unit mungkin tidak beruntung atau beruntung bergantung pada liabiliti cukai akhir, tahap peruntukan dan bila mereka melanggan dan/atau menebus Unit-unit mereka. Sekiranya cukai sebenar dikenakan oleh SAT adalah lebih tinggi daripada yang diperuntukkan oleh Pengurus hingga terdapat kekurangan dalam jumlah peruntukan cukai (atau sekiranya Pengurus tidak membuat sebarang peruntukan cukai), pelabur harus perhatikan bahawa NAV Dana mungkin terjejas, memandangkan Dana pada akhirnya akan menanggung jumlah penuh liabiliti cukai. Dalam hal ini, liabiliti cukai tambahan hanya akan menjelaskan Unit-unit dalam terbitan pada masa berkenaan, dan Pemegang-pemegang Unit sedia ada ketika itu dan Pemegang-pemegang Unit berikutnya tidak akan beruntung memandangkan Pemegang-pemegang Unit akan menanggung, melalui Dana, jumlah liabiliti cukai yang secara tidak seimbang lebih tinggi berbanding dengan yang ditanggung oleh orang yang telah menebus Unit-unit mereka dalam Dana. Sebaliknya, liabiliti cukai sebenar mungkin lebih rendah daripada peruntukan cukai yang dibuat. Dalam hal tersebut, orang-orang yang telah pun menebus Unit-unit mereka sebelum liabiliti cukai sebenar ditentukan tidak akan berhak atau mempunyai apa-apa hak untuk menuntut mana-mana bahagian daripada terlebih peruntukan tersebut dan oleh itu mungkin tidak menguntungkan.

Apabila tersedianya penilaian cukai muktamad atau pengeluaran pengumuman atau peraturan oleh pihak berkuasa yang kompeten yang mengisyiharkan peraturan taksiran cukai muktamad, Pengurus akan, dengan seberapa segera yang boleh, membuat pelarasian berkenaan kepada jumlah peruntukan cukai sebagaimana ia fikirkan perlu.

- *Cukai Nilai Ditambah (“VAT”) dan lain-lain cukai tokok*

MOF dan SAT mengeluarkan “Notis mengenai Pelancaran Komprehensif Program Pilot Transformasi B2V (“**Program Pilot B2V**”)” (Caishui [2016] No. 36) (“**Notis No. 36**”) pada 23 Mac 2016. Notis No. 36 menyatakan Program Pilot B2V yang meliputi semua industri program selebihnya, termasuk perkhidmatan kewangan. Notis No. 36 telah berkuat kuasa dari 1 Mei 2016, melainkan dinyatakan sebaliknya di dalamnya.

Notis No. 36 memperuntukkan bahawa VAT pada 6% akan dikenakan ke atas perbezaan antara harga jualan dan belian sekuriti boleh dipasarkan, sebagai contoh Saham-A.

Berdasarkan peraturan VAT lazim, keuntungan modal yang diperoleh oleh pelabur asing melalui *Stock Connects* adalah dikecualikan daripada VAT. Oleh itu, setakat yang pelaburan utama Dana (seperti Saham-A melalui *Stock Connects*) dijalankan melalui saluran ini, keuntungan modal harus dikecualikan daripada VAT.

Pendapatan dividen atau pengagihan keuntungan ke atas pelaburan ekuiti yang diperoleh dari PRC tidak dimasukkan dalam skop boleh dicukai VAT.

Cukai penyelengaraan dan pembinaan bandar (pada masa ini pada kadar berkisar daripada 1 peratus hingga 7 peratus), caj tokok pendidikan (pada masa ini pada kadar 3 peratus) dan caj tokok pendidikan tempatan (pada masa ini pada kadar 2 peratus) dikenakan berdasarkan liabiliti VAT. Levi yang terpakai bergantung pada lokasi di mana pemfailan VAT (sekiranya diperlukan) dilakukan.

- **Duti Setem**

Duti setem di bawah undang-undang PRC pada amnya terpakai kepada penyempurnaan dan penerimaan semua dokumen boleh dicukai yang disenaraikan dalam Peraturan Sementara PRC mengenai Duti Setem. Duti setem dikenakan ke atas dokumen boleh dicukai tertentu yang disempurnakan atau diterima di PRC, termasuk kontrak bagi jualan Saham-A yang didagangkan di bursa saham PRC. Dalam hal kontrak bagi jualan Saham-A, duti setem sedemikian pada masa ini dikenakan ke atas penjual tetapi bukan ke atas pembeli, pada kadar 0.1%.

- **Am**

Harus diambil perhatian bahawa kadar cukai terpakai sebenar yang dikenakan oleh SAT mungkin berubah dari masa ke masa. Harus diambil perhatian juga bahawa peraturan cukai PRC lazim menyatakan bahawa pengecualian cukai ke atas keuntungan modal yang diperoleh daripada perdagangan Saham-A mulai 17 November 2014 dan seterusnya adalah sementara. Terdapat kemungkinan undang-undang, peraturan dan amalan cukai PRC diubah dan cukai dipakai secara retrospektif. Oleh itu, sebarang peruntukan bagi cukai yang dibuat oleh Pengurus mungkin berlebihan atau tidak mencukupi untuk memenuhi liabiliti cukai PRC akhir. Akibatnya, Pemegang-pemegang Unit mungkin tidak beruntung bergantung kepada liabiliti cukai akhir, tahap peruntukan dan apabila mereka melanggan dan/atau menebus Unit-unit mereka.

Sekiranya kadar cukai terpakai sebenar yang dikenakan oleh SAT adalah lebih tinggi daripada yang diperuntukkan oleh Pengurus hinggakan terdapat kekurangan dalam jumlah peruntukan cukai, pelabur harus perhatikan bahawa NAV Dana mungkin menanggung lebih daripada jumlah peruntukan cukai memandangkan Dana pada akhirnya akan menanggung liabiliti cukai tambahan. Dalam hal ini, Pemegang-pemegang Unit sedia ada dan baru akan menjadi tidak beruntung. Sebaliknya, sekiranya kadar cukai terpakai sebenar yang dikenakan oleh SAT adalah lebih rendah daripada yang diperuntukkan oleh Pengurus hinggakan terdapat lebihan dalam jumlah peruntukan cukai, Pemegang-pemegang Unit yang telah menebus Unit-unit mereka sebelum peraturan, keputusan atau garis panduan SAT berhubung dengan ini tidak akan beruntung memandangkan mereka akan menanggung kerugian daripada terlebih peruntukan Pengurus. Dalam hal ini, Pemegang-pemegang Unit sedia ada ketika itu dan yang baru mungkin mendapat faedah sekiranya perbezaan di antara peruntukan cukai dan liabiliti percukaian sebenar di bawah kadar cukai yang lebih rendah itu boleh dikembalikan kepada akaun Dana sebagai asetnya. Tanpa mengambil kira peruntukan di atas, Pemegang-pemegang Unit yang telah pun menebus Unit-unit mereka dalam Dana sebelum pemulangan mana-mana terlebih peruntukan kepada akaun Dana tidak akan berhak atau mempunyai apa-apa hak untuk menuntut mana-mana bahagian daripada terlebih peruntukan tersebut.

Pemegang-pemegang Unit perlu mendapatkan nasihat cukai mereka sendiri mengenai kedudukan cukai mereka berkaitan dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Adalah mungkin bahawa undang-undang, peraturan dan amalan cukai semasa di PRC akan berubah, termasuk kemungkinan cukai dipakai secara retrospektif, dan bahawa perubahan tersebut boleh mengakibatkan cukai yang lebih tinggi ke atas pelaburan PRC daripada yang pada masa ini dibayangkan.

➤ **Risiko yang Berkaitan dengan Stock Connects**

Dana boleh melabur melalui *Stock Connects*. Selain daripada faktor-faktor risiko di bawah bertajuk “Risiko-risiko Dikaitkan dengan Pelaburan dalam PRC”, “Sistem Undang-undang PRC”, “Kemeruapan Pasaran Berpotensi PRC”, “Susut Nilai Renminbi” dan “Risiko Cukai PRC”, ia juga tertakluk kepada risiko-risiko tambahan berikut:

- **Had kuota - Stock Connects** adalah tertakluk kepada had kuota. Khususnya, sebaik sahaja baki selebihnya daripada *Northbound Daily Quota* jatuh kepada sifar atau *Northbound Daily Quota* adalah dilebihi semasa sesi panggilan pembukaan, pesanan belian baru akan ditolak (walaupun pelabur akan dibenarkan untuk menjual sekuriti rentas sempadan mereka tanpa mengira baki kuota). Oleh itu, had kuota mungkin menyekat keupayaan Dana untuk melabur dalam Saham-A melalui *Stock Connects* tepat pada masa, dan Dana mungkin tidak dapat meneruskan strategi pelaburan secara berkesan.
- **Risiko penggantungan** - Setiap daripada SEHK, SSE dan SZSE merizabkan hak untuk menggantung perdagangan *Northbound* dan/atau *Southbound* sekiranya perlu untuk memastikan pasaran teratur dan adil dan risiko tersebut diuruskan secara berhemah. Kebenaran daripada pengawal atur

berkenaan akan diminta sebelum pengantungan dicetuskan. Di mana pengantungan dalam perdagangan *Northbound* melalui *Stock Connects* dilaksanakan, keupayaan Dana untuk melabur dalam Saham-A atau mengakses pasaran PRC akan terjejas teruk. Dalam hal sedemikian, keupayaan Dana untuk mencapai objektif pelaburannya mungkin terjejas secara negatif.

- *Perbezaan dalam hari dagangan - Stock Connects* hanya beroperasi pada hari-hari apabila pasaran saham PRC dan Hong Kong dibuka untuk perdagangan dan apabila bank-bank di kedua-dua pasaran dibuka pada hari penyelesaian sepadan. Oleh itu, ada kemungkinan bahawa terdapat hari perdagangan biasa untuk pasaran saham PRC tetapi pelabur Hong Kong (seperti Dana) tidak dapat menjalankan sebarang perdagangan Saham-A. Disebabkan perbezaan dalam hari perdagangan, Dana mungkin tertakluk kepada risiko naik turun harga dalam Saham-A pada hari pasaran saham PRC dibuka untuk dagangan tetapi pasaran saham Hong Kong ditutup.
- *Risiko operasi - Stock Connects* menyediakan saluran bagi pelabur Hong Kong dan luar negara untuk mengakses pasaran saham PRC secara langsung. *Stock Connects* adalah berdasarkan pada fungsi sistem operasi peserta pasaran berkenaan. Peserta pasaran boleh menyertai program ini tertakluk kepada memenuhi beberapa keupayaan teknologi maklumat, pengurusan risiko dan keperluan lain sebagaimana ditentukan oleh bursa berkenaan dan/atau rumah penjelasan.

Peserta pasaran pada amnya telah mengkonfigurasikan dan menyesuaikan sistem operasi dan teknikal mereka untuk tujuan perdagangan Saham-A melalui *Stock Connects*. Walau bagaimanapun, ia hendaklah difahami bahawa rejim sekuriti dan sistem perundangan kedua-dua pasaran berbeza dengan ketara dan untuk program itu beroperasi, peserta pasaran mungkin perlu menangani isu-isu yang timbul daripada perbezaan atas dasar berterusan.

Tambahan pula, "ketersambungan" dalam *Stock Connects* memerlukan penghalaan pesanan merentasi sempadan. SEHK telah menujuhkan sistem penghalaan pesanan ("**Sistem Stock Connect PRC**") untuk mendapatkan, menyatukan dan menghalakan input pesanan rentas sempadan oleh peserta bursa. Tidak ada jaminan bahawa sistem-sistem SEHK dan peserta pasaran akan berfungsi dengan baik atau akan terus disesuaikan mengikut perubahan dan perkembangan di kedua-dua pasaran. Dalam keadaan di mana sistem berkenaan gagal berfungsi dengan baik, dagangan di kedua-dua pasaran melalui program boleh terganggu. Keupayaan Dana untuk mengakses pasaran Saham-A (dan dengan itu untuk meneruskan strategi pelaburannya) akan terjejas dengan ketara.

- *Sekatan ke atas penjualan yang dikenakan oleh pemantauan bahagian hadapan - Peraturan PRC* memerlukan agar sebelum pelabur menjual sebarang saham, harus ada saham yang mencukupi dalam akaun; jika tidak SSE atau SZSE akan menolak pesanan jualan yang berkenaan. SEHK akan menjalankan semakan pra-dagangan ke atas pesanan jualan Saham-A pesertanya (iaitu broker saham) untuk memastikan tidak ada terlebih jualan.

Pada amnya, sekiranya Dana berhasrat untuk menjual Saham-A yang ia pegang, ia hendaklah memindahkan Saham-A tersebut ke akaun broker masing-masing sebelum pasaran dibuka pada hari jualan ("**hari dagangan**"). Sekiranya ia gagal memenuhi tarikh akhir ini, ia tidak akan dapat menjual saham tersebut pada hari dagangan. Disebabkan keperluan ini, Dana mungkin tidak dapat melupuskan pemegangan Saham-A secara tepat pada masanya.

Walau bagaimanapun, Dana boleh meminta kustodian untuk membuka akaun diasingkan khusus ("**SPSA**") dalam CCASS untuk mengekalkan pemegangannya dalam Saham-A di bawah model penyemakan pra-dagangan yang dipertingkatkan. Setiap SPSA akan diberi "ID Pelabur" unik oleh CCASS untuk tujuan memudahkan Sistem *Stock Connect PRC* untuk mengesahkan pemegangan pelabur seperti Dana. Dengan syarat bahawa terdapat pemegangan yang mencukupi dalam SPSA apabila broker memasukkan pesanan jualan Dana, Dana akan dapat melupuskan pemegangannya akan Saham-A (berbanding dengan amalan memindahkan Saham-A ke akaun broker di bawah model penyemakan pra-dagangan semasa untuk akaun bukan SPSA). Pembukaan akaun SPSA bagi Dana akan membolehkannya melupuskan pemegangan Saham-A secara tepat pada masanya.

- *Penarikkan balik stok yang layak -* Apabila stok ditarik balik daripada skop yang layak bagi perdagangan melalui *Stock Connects*, stok hanya boleh dijual tetapi disebat daripada dibeli. Ini boleh menjelaskan portfolio pelaburan atau strategi Dana, sebagai contoh, apabila Pengurus berhasrat untuk membeli stok yang ditarik balik daripada skop stok yang layak.
- *Risiko penjelasan dan penyelesaian - HKSCC dan ChinaClear* telah menujuhkan pautan penjelasan dan setiap satu adalah peserta antara satu sama lain untuk memudahkan penjelasan dan penyelesaian dagangan rentas sempadan. Bagi perdagangan rentas sempadan yang dimulakan dalam suatu pasaran, rumah penjelasan pasaran itu akan di satu pihak menjelaskan dan menyelesaikan dengan peserta penjelasannya sendiri, dan di pihak lain mengaku janji untuk memenuhi obligasi penjelasan dan penyelesaian peserta penjelasannya dengan rumah penjelasan kaunterparti.

Sekiranya peristiwa kemungkinan kecil pemungkiran *ChinaClear* berlaku dan *ChinaClear* diisyiharkan sebagai pihak yang mungkir, liabiliti HKSCC dalam perdagangan *Northbound* di bawah kontrak pasarnya dengan peserta penjelasan akan terhad kepada membantu peserta penjelasan dalam membuat tuntutan mereka terhadap *ChinaClear*. HKSCC akan dengan suci hati, memohon mendapat semula stok dan wang belum dijelaskan daripada *ChinaClear* melalui saluran undang-undang yang tersedia atau melalui pembubaran *ChinaClear*. Jika berlaku sedemikian, Dana mungkin mengalami kelewatan dalam proses mendapat semula atau mungkin tidak mendapat semula sepenuhnya kerugiannya daripada *ChinaClear*.

- *Penyertaan dalam tindakan korporat dan mesyuarat pemegang-pemegang saham* - HKSCC akan memaklumkan kepada peserta CCASS mengenai tindakan korporat sekuriti SSE dan sekuriti SZSE. Di mana tataurusan pertubuhan syarikat tersenarai tidak melarang pelantikan proksi/proksi berbilang oleh pemegang sahamnya, HKSCC akan membuat pengaturan untuk melantik seorang atau lebih pelabur sebagai proksi atau wakilnya untuk menghadiri mesyuarat pemegang-pemegang saham apabila diarahkan. Selanjutnya, pelabur (dengan pemegangan mencapai ambang yang diperlukan di bawah peraturan PRC dan tataurusan pertubuhan syarikat tersenarai) boleh, melalui peserta CCASS mereka, meluluskan resolusi yang dicadangkan kepada syarikat tersenarai melalui HKSCC di bawah peraturan CCASS. HKSCC akan menyampaikan resolusi sedemikian kepada syarikat-syarikat sebagai pemegang saham pada rekod sekiranya dibenarkan di bawah peraturan dan keperluan berkenaan. Pelabur-pelabur Hong Kong dan luar negara (termasuk Dana) adalah memegang sekuriti SSE dan sekuriti SZSE yang didagangkan melalui *Stock Connects* melalui broker atau kustodian mereka, dan mereka perlu mematuhi pengaturan dan tarikh akhir yang ditetapkan oleh broker atau kustodian mereka masing-masing (iaitu peserta CCASS). Masa untuk mereka mengambil tindakan bagi beberapa jenis tindakan korporat sekuriti SSE dan sekuriti SZSE mungkin sangat singkat. Oleh itu, adalah berkemungkinan bahawa Dana mungkin tidak dapat mengambil bahagian dalam beberapa tindakan korporat tepat pada masanya.
- *Risiko mata wang* - Memandangkan Dana didenominasikan dalam MYR, prestasi Dana mungkin terjejas oleh pergerakan dalam kadar pertukaran antara RMB (iaitu mata wang dalam mana sekuriti SSE dan sekuriti SZSE didagangkan dan diselesaikan) dan MYR.
- *Tiada Perlindungan oleh Dana Pampasan Pelabur Hong Kong* - Pelaburan melalui *Stock Connects* dijalankan melalui broker, dan tertakluk kepada risiko mungkir oleh broker tersebut dalam obligasi mereka.

Pelaburan Dana menerusi dagangan *Northbound* di bawah *Stock Connects* tidak dilindungi oleh Dana Pampasan Pelabur Hong Kong. Oleh itu, Dana terdedah kepada risiko mungkir oleh broker yang ia lantik dalam perdagangan dalam Saham-A melalui *Stock Connects*. Selanjutnya, memandangkan Dana menjalankan dagangan *Northbound* melalui broker sekuriti di Hong Kong tetapi bukan broker PRC, ia tidak dilindungi oleh Dana Perlindungan Pelabur Sekuriti China di PRC.

- *Risiko berperaturan* - *Stock Connects* adalah bersifat baru, dan *Stock Connects* akan tertakluk kepada peraturan yang diisyiharkan oleh pihak berkuasa berperaturan dan peraturan pelaksanaan yang dibuat oleh bursa saham di PRC dan Hong Kong. Tambahan lagi, peraturan baru mungkin diisyiharkan dari masa ke masa oleh pengawal atur berhubung dengan operasi dan penguatkuasaan undang-undang rentas sempadan berhubung dengan dagangan rentas sempadan di bawah *Stock Connects*.

Peraturan semasa adalah tertakluk kepada perubahan yang mungkin mempunyai kesan retrospektif berpotensi. Tidak akan ada jaminan bahawa *Stock Connects* tidak akan dimansuhkan. Dana, yang boleh melabur di pasaran saham PRC melalui *Stock Connects*, mungkin terjejas akibat perubahan sedemikian.

#### ➤ **Risiko Negara**

Pelaburan Dana dalam mana-mana negara mungkin terjejas oleh perubahan dalam suasana ekonomi dan politik, sekatan ke atas penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan-peraturan negara-negara di mana Dana melabur. Sebagai contoh, kerosotan keadaan ekonomi negara-negara sedemikian boleh menjelaskan nilai pelaburan yang dibuat oleh Dana di negara-negara yang terlibat. Ini sebaliknya boleh menyebabkan NAV Dana atau harga Unit jatuh.

#### ➤ **Risiko Mata Wang**

Memandangkan pelaburan Dana boleh didenominasikan dalam mata wang selain daripada Mata Wang Asas, apa-apa naik turun dalam kadar pertukaran antara Mata Wang Asas dan mata wang dalam mana pelaburan tersebut didenominasi mungkin memberi kesan ke atas nilai pelaburan ini. Pelabur harus perhatikan bahawa apa-apa keuntungan atau kerugian yang timbul daripada naik turun dalam kadar pertukaran boleh meningkat atau mengurangkan selanjutnya pulangan pelaburan.

- **Risiko mata wang di peringkat Dana**

Kesan pergerakan kadar pertukaran antara Mata Wang Asas dan mata wang pelaburan mendasari boleh mengakibatkan susut nilai kepada nilai pelaburan sebagaimana dinyatakan dalam Mata Wang Asas.

- **Risiko Dagangan Dwi Mata Wang**

Pelabur boleh berdagang Unit-unit Dana dalam MYR dan/atau kaunter didenominasikan dalam mata wang lain di *Bursa Securities*. Harga yang didagangkan dalam dua (2) kaunter mata wang secara teorinya bersamaan atau hampir sama antara satu sama lain, dengan mengambil kira kadar tukaran asing lazim. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes tertentu, disebabkan faktor penawaran dan permintaan pasaran di kaunter masing-masing dan aktiviti pasaran penentu pasaran, hubungan harga dan perbezaan di antara dua (2) kaunter tersebut mungkin tidak semestinya merupakan kadar pertukaran asing antara kedua-dua kaunter.

Kesan pergerakan kadar pertukaran antara Mata Wang Asas dan mata wang dagangan dana dalam pasaran sekunder boleh mengakibatkan susut nilai dalam pemegangan pelabur sebagaimana dinyatakan dalam Mata Wang Asas.

➤ **Risiko Mata Wang RMB**

- *RMB tidak boleh ditukar secara bebas dan tertakluk kepada kawalan pertukaran dan sekatan*

Harus diambil perhatian bahawa RMB pada masa ini bukan mata wang yang boleh ditukarkan secara bebas memandangkan ia adalah tertakluk kepada polisi kawalan pertukaran asing dan sekatan penghantaran balik yang dikenakan oleh kerajaan PRC. Sejak 1994, penukaran RMB kepada USD telah didasarkan pada kadar yang ditetapkan oleh People's Bank of China ("PBOC"), yang ditetapkan setiap hari berdasarkan kadar pasaran pertukaran asing antara bank PRC pada hari sebelumnya. Pada 21 Julai 2005, kerajaan PRC telah memperkenalkan sistem kadar pertukaran mata wang terapung terurus untuk membolehkan nilai RMB naik turun dalam lingkungan yang dikawal selia berdasarkan penawaran dan permintaan pasaran dan dengan merujuk kepada *basket* mata wang. Selain itu, sistem penentu pasaran diperkenalkan ke pasaran pertukaran asing *spot* antara bank. Pada Julai 2008, China mengumumkan bahawa rejim kadar pertukarannya ditransformasi selanjutnya kepada mekanisme terapung terurus berdasarkan penawaran dan permintaan pasaran. Mengambil kira perkembangan ekonomi domestik dan luar negara, PBOC memutuskan untuk memperbaiki lagi rejim kadar pertukaran RMB pada Jun 2010 untuk mempertingkatkan kefleksibelan kadar pertukaran RMB. Walau bagaimanapun, harus diambil perhatian bahawa dasar kerajaan PRC mengenai kawalan pertukaran dan sekatan penghantaran balik adalah tertakluk kepada perubahan, dan apa-apa perubahan sedemikian boleh menjelaskan Dana. Tidak ada jaminan bahawa kadar pertukaran RMB tidak akan naik turun secara meluas terhadap USD atau mana-mana mata wang asing lain pada masa hadapan. Apa-apa susut nilai RMB akan mengurangkan nilai aset didenominasikan RMB yang Dana mungkin pegang dan sebarang dividen yang Dana mungkin terima daripada pelaburan sedemikian, yang mungkin mempunyai kesan kurang baik ke atas Nilai Aset Bersih Dana, dan sebaliknya. Urus niaga pertukaran asing di bawah akaun modal, termasuk bayaran pokok berhubung dengan obligasi didenominasikan mata wang asing, pada masa ini terus menjadi tertakluk kepada kawalan pertukaran asing yang ketara dan memerlukan kelulusan SAFE. Sebaliknya, peraturan pertukaran asing PRC sedia ada telah secara ketara mengurangkan kawalan pertukaran asing kerajaan bagi urus niaga di bawah akaun semasa, termasuk urus niaga pertukaran asing yang berkaitan perdagangan dan perkhidmatan, dan bayaran dividen. Namun begitu, Pengurus tidak dapat meramalkan sama ada kerajaan PRC akan meneruskan dasar pertukaran asing sedia ada atau bila kerajaan PRC akan membenarkan penukaran bebas RMB kepada mata wang asing.

- *Pelabur-pelabur mungkin terjejas oleh pergerakan kadar pertukaran antara RMB dan mata wang lain*

Selain itu, di bawah peraturan semasa, kadar di mana RMB boleh ditukar di luar PRC (dalam hal Malaysia, kadar "CNH") mungkin berbeza daripada kadar pertukaran dalam PRC (kadar "CNY") dan perbezaan tersebut mungkin meningkat disebabkan oleh penawaran dan permintaan. Apabila mengira nilai RMB, rujukan kepada kadar CNH dan bukannya kadar CNY akan dibuat dan nilai RMB dikira sedemikian akan terjejas oleh naik turun dalam kadar CNH. Manakala kadar CNH dan kadar CNY mewakili mata wang yang sama, ianya didagangkan pada kadar yang berbeza dan dalam pasaran berbeza dan berasingan yang beroperasi secara bebas. Oleh itu, kadar CNH tidak semestinya mempunyai kadar pertukaran yang sama dan mungkin tidak bergerak dalam arah yang sama seperti kadar CNY. Apa-apa perbezaan di antara kadar CNH dan kadar CNY boleh menjelaskan pelabur-pelabur Dana.

➤ **Risiko Penumpuan**

Memandangkan Dana menumpukan pelaburannya ke atas syarikat syarikat Saham-A China, ia adalah tertakluk kepada risiko penumpuan. Dana mungkin menjadi lebih tidak menentu daripada dana berasas meluas seperti dana pelaburan global atau serantau memandangkan ia lebih mudah terdedah kepada

naik turun nilai yang disebabkan oleh keadaan kurang baik dalam sesebuah negara. Nilai Dana mungkin lebih mudah terdedah kepada peristiwa ekonomi, politik, polisi, pertukaran asing, kecairan, cukai, undang-undang atau berperaturan yang kurang baik yang menjelaskan pasaran di PRC.

➤ **Saiz Penebusan Minimum**

Unit-unit hanya boleh ditebus dalam bentuk Blok Unit (atau gandaan genapnya). Pelabur yang tidak memegang Blok Unit hanya akan dapat merealisasikan nilai Unit mereka dengan menjual Unit mereka pada *Bursa Securities* pada harga pasaran dagangan. Sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, harga pasaran Unit-unit yang didagangkan pada *Bursa Securities* mungkin melenceng daripada NAV setiap Unit.

➤ **Pengklasifikasi semula Sekuriti Patuh Syariah**

Pengklasifikasi semula mungkin berlaku sekiranya sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana diklasifikasikan semula sebagai bukan patuh Syariah dalam kajian berkala sekuriti oleh Penasihat Syariah atau lembaga Syariah bagi indeks Islam berkenaan. Sekiranya ini berlaku, Pengurus terpaksa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut. Mungkin terdapat kerugian peluang kepada Dana akibat daripada Dana tidak dibenarkan untuk mengekalkan dividen yang diterima dan keuntungan modal yang berlebihan yang diperoleh daripada pelupusan sekuriti bukan patuh Syariah. Nilai Dana juga mungkin terjejas sekiranya berlaku pelupusan sekuriti bukan patuh Syariah pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan. Sila rujuk kepada Garis Panduan Pelaburan Syariah dalam Seksyen 3.6 Prospektus ini untuk butir-butir lanjut.

➤ **Risiko Ralat Penjejakan**

Mungkin tidak terdapat hubung kait yang sempurna antara NAV dengan Penanda Aras. Faktor-faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, Kos Urus Niaga, kecairan pasaran, hubung kait pulangan yang tidak sempurna di antara Aset-aset Dana dan sekuriti yang membentuk Penanda Aras, penggenapan harga saham, kos pertukaran asing, perubahan kepada indeks-indeks mendasari dan polisi berperaturan mungkin menjelaskan keupayaan Pengurus untuk mencapai hubung kait yang dekat dengan Penanda Aras dan mengimbangi semula pemegangan Sekuriti Indeks dan/atau Sekuriti bukan Indeks Dana sebagai tindak balas kepada perubahan dalam konstituen Penanda Aras. Selanjutnya, Dana boleh menerima pendapatan (seperti keuntungan dan dividen) daripada asetnya manakala Penanda Aras tidak mempunyai sumber pendapatan sedemikian. Tidak ada gerenti atau jaminan replikasi yang tepat atau serupa pada bila-bila masa mengenai prestasi Penanda Aras.

Walaupun Pengurus kerap mengawasi ralat penjejakan Dana, tidak ada jaminan bahawa Dana akan mencapai tahap tertentu ralat penjejakan relatif kepada Penanda Arasnya.

➤ **Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras**

Mungkin terdapat perubahan dalam sekuriti konstituen Penanda Aras dari masa ke masa. Sebagai contoh, sekuriti konstituen mungkin dinyahsenaraikan atau sekuriti baru yang layak mungkin ditambah kepada Penanda Aras. Dalam keadaan sedemikian, untuk mencapai objektif pelaburan Dana, Pengurus mungkin menyeimbangkan semula komposisi Dana. Harga Unit mungkin naik atau turun akibat daripada perubahan ini. Oleh itu, pelaburan dalam Unit pada amnya akan menunjukkan Penanda Aras kerana konstituenya berubah dari masa ke masa, dan tidak semestinya cara ia terbentuk pada masa pelaburan dalam Unit.

Proses dan asas pengiraan dan pengumpulan Penanda Aras dan mana-mana formula berkaitannya, syarikat dan faktor konstituen juga boleh diubah atau dipinda oleh Pemberi Lesen Indeks pada bila-bila masa tanpa notis. Tidak juga ada waranti, representasi atau jaminan yang diberikan kepada pelabur-pelabur mengenai ketepatan atau kelengkapan Penanda Aras, pengiraannya atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengannya.

Pengurus telah diberikan lesen oleh Pemberi Lesen Indeks untuk menggunakan Penanda Aras berkaitan dengan Dana. Pengurus tidak berkemungkinan dapat memenuhi objektif pelaburan sekiranya lesen itu ditamatkan atau sekiranya Dana tidak dapat menggunakan Penanda Aras atas sebarang alasan sekalipun. Lesen sah sehingga ditamatkan selaras dengan terma-terma lesen. Sila rujuk kepada Pengganti Penanda Aras di Seksyen 3.5 Prospektus ini untuk butir-butir lanjut.

➤ **Pengrusan Pelaburan Pasif**

Dana tidak diuruskan secara aktif. Dana melabur dalam Sekuriti Indeks dan/atau Sekuriti bukan Indeks yang dimasukkan dalam atau menunjukkan Penanda Aras tanpa mengambil kira merit pelaburannya. Pengurus tidak cuba memilih sekuriti secara individu atau mengambil kedudukan defensif dalam pasaran menurun. Selaras dengan itu, ketidaaan budi bicara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran disebabkan oleh sifat pelaburan sedia ada Dana bermaksud bahawa kejatuhan dalam Indeks Sekuriti dan/atau Sekuriti bukan Indeks dijangka akan mengakibatkan kejatuhan sepadan dalam NAV Dana.

### **3. MENGENAI VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF**

#### **3.1. Objektif Pelaburan**

Dana bertujuan untuk memberikan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan Penanda Aras.

*Apa-apa perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang-pemegang Unit.*

#### **3.2. Profil Pelabur**

Dana adalah sesuai untuk pelabur-pelabur yang:

- berhasrat untuk mempunyai pendedahan kepada syarikat-syarikat tersenarai China; dan
- mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi.

#### **3.3. Peruntukan Aset**

- Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Sekuriti yang Dibenarkan; dan
- NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.

#### **3.4. Strategi Pelaburan**

Untuk mencapai objektif pelaburan Dana, Pengurus akan menggunakan strategi utama berbentuk replikasi penuh melalui pelaburan dalam Saham-A patuh Syariah yang dimasukkan dalam Penanda Aras dalam pewajaran yang sebahagian besarnya sama dalam mana ianya dimasukkan dalam Penanda Aras melalui Stock Connects.

Walau bagaimanapun, sekiranya Pengurus percaya bahawa teknik replikasi penuh bukan kaedah yang paling cekap untuk menjelaki Penanda Aras, Pengurus boleh menggunakan strategi pensampelan representatif. Di bawah strategi pensampelan representatif, Pengurus akan melabur dalam sampel perwakilan sekuriti mematuhi Syariah yang terdiri daripada Sekuriti Indeks dan Sekuriti bukan Indeks yang dipilih oleh Pengurus menggunakan, antara lain, model analisis kuantitatif dalam teknik yang dikenali sebagai “pensampelan portfolio”. Sekuriti bukan Indeks terpilih akan mempunyai hubung kait yang tinggi (iaitu koefisien hubung kait positif sekurang-kurangnya 0.7) dengan satu atau lebih daripada Sekuriti Indeks untuk digantikan, dan dimana ia dijangka menggambarkan prestasi Sekuriti Indeks untuk diganti, Pengurus akan memastikan Sekuriti bukan Indeks untuk dipilih telah melepas saringan Syariah yang perlu.

NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam untuk memenuhi keperluan kecairan.

Dana akan diuruskan secara pasif, dengan membiarkan pelaburan Dana pada tahap yang tinggi pada sepanjang masa, tanpa mengambil kira tinjauan dan unjuran terhadap aset-aset mendasari.

#### **3.5. Penanda Aras**

##### **Pengenalan**

*DJIM China A-Shares 100 Index* adalah penanda aras pulangan harga patuh Syariah bagi pasaran saham-A China yang lulus penyaringan berdasarkan peraturan bagi pematuhan dengan garis panduan pelaburan Syariah. Penanda Aras terdiri daripada 100 stok saham-A patuh Syariah terbesar yang disaring daripada *Dow Jones Islamic Market China A* sejagat yang layak bagi Stock Connects.

Pemberi Lesen Indeks bukan syarikat berkaitan dengan Pengurus.

## **Pembentukan Penanda Aras**

Konstituen Penanda Aras hendaklah dipilih daripada sekuriti sejagat yang membentuk indeks mendasari (*Dow Jones Islamic Market China A Index*), kedua-dua yang mana adalah tertakluk pada Metodologi Indeks Pasaran Islam Dow Jones.

### **(i) Kriteria Kelayakan & Pembentukan Index**

**Pemilihan Konstituen:** Syarikat-syarikat adalah terpilih kepada Penanda Aras seperti berikut:

- (a) Syarikat-syarikat dalam indeks mendasari (*Dow Jones Islamic Market China A Index*) adalah layak untuk dimasukkan sebagai konstituen Penanda Aras berdasarkan kriteria berikut:
- (1) Konstituen mestilah layak untuk *Stock Connects*;
  - (2) Syarikat dengan Olahan Khas Bursa (iaitu ST atau \*ST) tidak dimasukkan dalam Penanda Aras.

*Nota:*

*"ST" merujuk kepada syarikat-syarikat dengan isu-isu kewangan atau lain-lain keadaan luar biasa syarikat-syarikat tersenarai yang mengakibatkan pelabur-pelabur tidak dapat menilai masa hadapan syarikat-syarikat dan mungkin membahayakan kepentingan pelabur-pelabur, di mana syarikat-syarikat ditetapkan sebagai "olahan khas" atau ST.*

*"\*ST" merujuk kepada syarikat-syarikat yang berada di bawah risiko penamatian/dinyahsenaraikan apabila berlaku mana-mana daripada keadaan berikut, antara lain:*

- (1) Keuntungan bersih teraudit dinyatakan dalam laporan tahunan adalah negatif bagi 2 tahun yang lepas berturut-turut sebelum atau selepas pelarasan retroaktif;
  - (2) Nilai aset bersih akan berakhir teraudit dinyatakan dalam laporan tahunan adalah negatif bagi 1 tahun yang lepas sebelum atau selepas pelarasan retroaktif tersebut;
  - (3) Pendapatan kendalian teraudit yang dinyatakan dalam laporan tahunan terkini adalah di bawah RMB10 juta sebelum atau selepas pelarasan retroaktif;
  - (4) Laporan kewangan syarikat bagi tahun kewangan terkini dikeluarkan dengan penafian pendapat atau pendapat kurang baik oleh firma akauntan awam yang bertauliah;
  - (5) Syarikat telah diarahkan oleh CSRC untuk membetulkan kesilapan atau kepalsuan yang serius dalam laporan kewangannya tetapi gagal untuk memperbaiki caranya dalam had masa yang ditentukan, dan stok syarikat telah digantung daripada dagangan selama dua bulan;
  - (6) Syarikat gagal untuk menyatakan laporan tahunannya atau laporan interim dalam tempoh berkanun dan stok syarikat telah digantung daripada dagangan untuk tempoh 2 bulan;
  - (7) Di mana pengagihan ekuiti menjadikan syarikat tidak sesuai bagi penyenaraian, syarikat mengemukakan kepada bursa rancangan bagi menangani masalah struktur ekuiti dalam masa 1 bulan dan mendapat kelulusan daripada bursa;
  - (8) Syarikat menggunakan rekod palsu, pernyataan mengelirukan atau peninggalan utama dalam dokumen permohonan penawaran awam awal untuk mendapatkan kelulusan terbitan atau mengguna pengaruh yang besar ke atas peletakan harga penawaran awam awal dan menerima penalti pentadbiran oleh CSRC atau dipindahkan ke badan keselamatan awam (selepas ini, terbitan penipuan);
  - (9) Syarikat menerima penalti pentadbiran daripada CSRC untuk rekod palsu, pernyataan yang mengelirukan atau peninggalan utama dalam pendedahan dokumen berterusan dan disebabkan keseriusan pelanggaran itu ditakrifkan sebagai pelanggaran undang-undang yang ketara dalam keputusan hukuman pentadbiran atau dipindahkan kepada bahagian keselamatan awam atas syak wasangka jenayah membuat pendedahan palsu maklumat penting (selepas ini, pelanggaran ketara maklumat pendedahan);
  - (10) Syarikat berkemungkinan menghadapi pembubaran bukan sukarela;
  - (11) Mahkamah telah menerima permohonan syarikat bagi penyusunan semula, penyelesaian atau pembubaran kebankrapan; atau
  - (12) Lain-lain keadaan seperti yang diiktiraf oleh bursa.
- (b) Syarikat-syarikat dalam indeks mendasari (*Dow Jones Islamic Market China A Index*) adalah dipilih sebagai konstituen Penanda Aras berdasarkan langkah-langkah berikut:
- (1) Syarikat-syarikat Saham-A China dalam kelayakan sejagat ditarafkan mengikut jumlah permodalan pasaran bagi lapan puluh (80) stok teratas, yang terdiri daripada kedua-dua konstituen semasa dan yang baru ditambah.
  - (2) Bagi dua puluh (20) stok terbahawal selebihnya, konstituen semasa yang ditarafkan di antara lapan puluh satu (81) dan seratus dua puluh (120) adalah pertama sekali dipilih dalam susunan jumlah permodalan pasaran. Kemudiannya, dalam hal kiraan jumlah konstituen sasaran adalah kurang daripada 100 stok, konstituen yang baru ditambah yang ditarafkan selepas lapan puluh (80) adalah dipilih mengikut susunan jumlah permodalan pasaran sehingga kiraan konstituen sasaran dicapai.

**Pewajaran:** Penanda Aras menggunakan skim pewajaran permodalan pasaran penyelaras terapung. Pewajaran adalah disemak secara suku tahunan.

## (ii) Saringan Pematuhan Syariah

Selaras dengan Metodologi Indeks Pasaran Islam Dow Jones, *S&P Dow Jones Indices* akan menyaring konstituen Penanda Aras berdasarkan kriteria berikut:

### (a) Saringan Berasaskan Sektor

- Pendapatan syarikat-syarikat (terkumpul) daripada sumber tidak suci berikut tidak boleh melebihi 5% daripada perolehan pendapatan:
  - Alkohol;
  - Tembakau;
  - Produk-produk berkaitan babi;
  - Perkhidmatan kewangan konvensional (perbankan, insuran, dll.);
  - Senjata dan pertahanan; dan/atau
  - Hiburan (hotel, kasino/ perjudian, panggung wayang, bahan lucah, musik, dll.).
- Syarikat-syarikat yang diklasifikasikan sebagai Kewangan (berdasarkan Sistem Klasifikasi Sektor Proprietari Dow Jones) adalah dianggap layak sekiranya syarikat diperbadankan sebagai institusi kewangan Islam, seperti:
  - Bank-bank Islam; dan/atau
  - Syarikat-syarikat insurans Takaful.
- Syarikat-syarikat yang diklasifikasikan sebagai Harta Tanah (berdasarkan Sistem Klasifikasi Sektor Proprietari Dow Jones) adalah dianggap layak sekiranya operasi dan harta tanah syarikat melakukan perniagaan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

### (b) Saringan Berasaskan Perakaunan

- Syarikat-syarikat dengan tahap hutang yang tidak boleh diterima atau pendapatan faedah tidak suci dianggap tidak patuh Syariah dan akan dikeluarkan daripada Penanda Aras. Bagi syarikat untuk dianggap patuh Syariah, setiap daripada tiga (3) nisbah kewangan berikut bagi syarikat tersebut mestilah kurang daripada 33%:
  - Jumlah hutang dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan;
  - Jumlah tunai syarikat dan sekuriti menanggung faedah dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan; dan
  - Akaun penghutang dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan.

Syarikat-syarikat dianggap patuh Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melebihi nisbah maksimum bagi mana-mana saringan berdasarkan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal patuh sekiranya nisbah adalah dalam dua (2) mata peratusan maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya ia adalah di antara 33% hingga 35%). Walau bagaimanapun, sekiranya had maksimum tidak dipatuhi bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut syarikat-syarikat akan dianggap tidak patuh Syariah. Sekiranya mana-mana nisbah adalah di atas had penimbal dua (2) mata peratusan (iaitu lebih daripada 35%), syarikat dianggap tidak patuh Syariah dengan serta merta.

Syarikat-syarikat yang dianggap tidak patuh Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melepassi semua saringan berdasarkan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal tidak patuh Syariah sekiranya mana-mana nisbah adalah dalam dua (2) mata peratusan maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya ia adalah di antara 31% hingga 33%). Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat-syarikat memenuhi semua saringan berdasarkan perakaunan bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut syarikat-syarikat akan dianggap patuh Syariah. Sekiranya semua saringan berdasarkan perakaunan adalah di bawah had penimbal dua (2) mata peratusan (iaitu lebih rendah daripada 31%), syarikat dianggap patuh Syariah dengan serta merta.

### **Konstituen Penanda Aras**

Jadual di bawah memperincikan sepuluh (10) konstituen teratas Penanda Aras dan pewajaran masing-masing, pada LPD:

No.	Nama Syarikat	Replikasi Penuh	Pensampelan representatif*
		Pewajaran (%)	Pewajaran (%)
1	Contemporary Amperex Technology Co Ltd A	6.46	6.46
2	China Tourism Group Duty Free Corp Ltd A	4.35	4.35
3	Shenzhen Mindray Bio-Medical Electronics Co Ltd A	4.05	4.05
4	Midea Group Co., Ltd. A	4.03	4.03
5	Foshan Haitian Flavouring and Food Company Ltd. A	3.79	3.79
6	China Yangtze Power Co A	3.24	3.26
7	Jiangsu Hengrui Medicine Co A	3.20	3.20
8	Xi'an LONGi Silicon Materials Company Limited A	2.68	2.68
9	Chongqing Zhifei Biological Products Company Ltd A	2.58	2.58
10	WuXi AppTec Co Ltd A	2.42	2.42

\*Pengurus terutamanya akan menggunakan strategi replikasi penuh. Walau bagaimanapun, sekiranya keadaan ekstrem (contohnya ketidakcairan beberapa sekuriti) menghalang penyempurnaan replikasi penuh, Pengurus kemudiannya akan mengambil pensampelan representatif.

Sumber: S&P Dow Jones Indices.

Tidak ada jaminan atau asurans replikasi tepat atau serupa prestasi Penanda Aras pada bila-bila masa. Komposisi Penanda Aras mungkin berubah, dan sekuriti-sekuriti mungkin dinyahsenaraikan.

Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri kepada perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan sedia ada dana yang didagangkan pada bursa dan kejatuhan dalam Penanda Aras adalah dijangka untuk mengakibatkan kejatuhan yang sepadan dalam nilai Dana.

**Pelaburan Dana mungkin tertumpu dalam pasaran atau sektor tertentu.**

### **Kajian dan Pengimbangan Semula Penanda Aras**

Komposisi Penanda Aras dikaji semula setiap suku tahunan, pada Mac, Jun, September dan Disember, menggunakan indeks mendasari diimbangi semula (*Dow Jones Islamic Market China A Index*) sebagai rujukan sangat. Sebagai sebahagian daripada proses pengimbangan semula, saham-saham konstituen, wajaran dan apa-apa faktor pewajaran dikemas kini. Selain itu, faktor wajaran boleh dilabur (IWF)<sup>^</sup> bagi setiap stok dikaji dan dikemas kini sebagaimana diperlukan atas dasar tahunan pada September. Perubahan diumumkan pada hari Jumaat kedua bulan kajian dan dilaksanakan pada pembukaan perdagangan pada hari Isnin berikutnya hari Jumaat ketiga bulan kajian.

Indeks dikaji semula atas dasar berterusan bagi peristiwa luar biasa seperti penyahsenaraian, kebankrakan, penggabungan dan pengambilalihan. Perubahan kepada komposisi indeks dan pelarasan wajaran berkaitan adalah dibuat sebaik sahaja ia menjadi berkuat kuasa. Perubahan ini biasanya diumumkan dua hingga lima hari perniagaan sebelum tarikh pelaksanaan.

<sup>^</sup>IWF stok adalah berdasarkan apungan bebasnya. Apungan bebas boleh ditakrifkan sebagai peratusan setiap saham syarikat yang tersedia bebas untuk dagangan dalam pasaran.

Bagi setiap stok IWF yang dikira adalah seperti berikut:

$$IWF = \frac{\text{saham terapung tersedia}}{\text{jumlah saham yang ada}}$$

di mana saham terapung tersedia ditakrifkan sebagai jumlah saham yang ada tolak saham-saham yang dipegang oleh pemegang-pemegang strategik.

*Selain itu, IWF bagi stok saham-A adalah lebih rendah daripada Had Pemilikan Asing (FOL) sebanyak 30%, atau faktor wajaran boleh dilabur setiap konstituen. Agregat had pemilikan asing adalah ditentukan oleh CSRC dan tertakluk kepada perubahan.*

### **Penggantian Penanda Aras**

Selaras dengan Surat Ikatan, Pengurus boleh selepas mengambil kira kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan tertakluk kepada kelulusan SC, mengganti Penanda Aras dengan indeks lain sekiranya berlaku yang berikut:

- Penanda Aras tidak lagi wujud;
- Penyiaran indeks baru menggantikan Penanda Aras;
- Pemberi Lesen Indeks menaikkan yuran lesennya yang dianggap terlalu tinggi oleh Pengurus; atau
- Semua atau sebahagian daripada sekuriti yang membentuk Penanda Aras telah menjadi sukar, tidak cair atau tidak mungkin bagi Pengurus untuk melabur.

Pengurus boleh mengubah nama Dana sekiranya Penanda Aras digantikan. Penggantian Penanda Aras akan memerlukan kelulusan SC terlebih dahulunya.

### **Penanda Aras boleh digantikan dalam hal pemberhentian ketersediaan Penanda Aras.**

#### **Maklumat Lanjut mengenai Penanda Aras**

Maklumat terkini dan lain-lain berita penting mengenai Penanda Aras akan disiarkan pada laman web S&P Dow Jones Indices di [https://us.spindices.com/documents/methodologies/methodology-dj-islamic-market-indices.pdf?force\\_download=true](https://us.spindices.com/documents/methodologies/methodology-dj-islamic-market-indices.pdf?force_download=true) (bagi peraturan asas indeks dan metodologi) dan laman web Dana (bagi nilai indeks pada penghujung hari).

## **3.6. Garis Panduan Pelaburan Syariah**

Berikut adalah Garis Panduan Pelaburan Syariah bagi Dana, di mana Pengurus, hendaklah patuh dengan ketat atas dasar berterusan. Garis Panduan Pelaburan Syariah meliputi pelaburan Dana serta perkara-perkara operasi dan pentadbirannya berkaitan dengan perkara-perkara Syariah.

Sebagai peraturan am, Dana hanya boleh melabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan di bawah Pelaburan yang Dibenarkan sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 3.10 Prospektus ini.

### **3.6.1 Sekuriti Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk Penanda Aras.

### **3.6.2 Sekuriti bukan Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk indeks mendasari.

Walau bagaimanpun, bagi syarikat-syarikat yang bukan konstituen Penanda Aras dan/atau indeks mendasari, metodologi Saringan Pematuhan Syariah sebagaimana dikemukakan dalam Seksyen 3.5 (ii) adalah diterima pakai oleh Penasihat Syariah dalam menentukan status Syariah pelaburan Dana. Dalam hal ianya tidak berkenaan untuk berbuat demikian atau apabila timbul batasan, Penasihat Syariah, selepas berbincang dan berunding dengan Pengurus, akan mengkaji semula dan menentukan status Syariah sekuriti-sekuriti tersebut selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah.

### **3.6.3 Skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing sebagaimana diperakui oleh lembaga Syariah atau penasihat Syariah yang dilantik bagi skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing.

### **3.6.4 Instrumen pasaran wang Islam**

Dana juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diklasifikasikan sebagai mematuhi Syariah oleh SAC BNM atau Penasihat Syariah.

### **3.6.5 Deposit Islam**

Dana dilarang melabur dalam deposit berfaedah dan mengiktiraf sebarang pendapatan faedah.

### **3.6.6 Proses Penyucian bagi Dana**

#### **(a) Pelaburan yang Salah**

Ini merujuk kepada pelaburan yang tidak patuh Syariah yang dibuat oleh Pengurus. Pelaburan tersebut akan dilupuskan/ ditarik balik berkuatkuasa serta merta atau dalam tempoh sebulan selepas mengetahui status Syariah pelaburan. Sebarang keuntungan yang dibuat dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan instrumen perlu disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan-badan kebajikan sebagaimana dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Sekiranya pelupusan pelaburan mengakibatkan kerugian kepada Dana, kerugian hendaklah ditanggung oleh Pengurus.

#### **(b) Pengklasifikasi semula Status Syariah Pelaburan Dana**

Pengklasifikasi semula status Syariah merujuk kepada sekuriti-sekuriti yang diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh Syariah oleh Penasihat Syariah atau lembaga Syariah indeks Islam berkenaan. Sekuriti-sekuriti tersebut akan dilupuskan secepat mungkin.

Sebarang dividen yang diterima dan keuntungan modal yang timbul daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah yang dibuat ketika tarikh pengumuman/ kajian boleh disimpan oleh Dana. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan selepas tarikh pengumuman/ kajian pada harga pasaran yang adalah lebih tinggi daripada harga penutupan pada tarikh pengumuman/ kajian hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana dinasihatkan oleh Penasihat Syariah.

### **3.6.7 Zakat bagi Dana**

Dana tidak membayar zakat bagi pihak individu Muslim dan entiti undang-undang Islam yang merupakan pelabur dalam Dana. Dengan itu, pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk membayar zakat mereka sendiri.

### **3.6.8 Penyucian Pendapatan**

Sebarang pendapatan daripada pelaburan tidak patuh Syariah seperti pendapatan faedah, atau pengagihan dividen yang diterima oleh Dana daripada portfolio pelaburannya yang berkaitan dengan kegiatan berkebetulan dianggap sebagai pendapatan tidak suci. Pendapatan tidak suci ini tertakluk kepada proses penyucian pendapatan seperti yang ditentukan oleh Penasihat Syariah dari masa ke masa tanpa batasan. Pendapatan tidak suci harus disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

Sebarang dividen tunai yang diterima daripada konstituen Penanda Aras akan menjadi tertakluk kepada proses penyucian sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus selepas perundingan dan pengesahan oleh Penasihat Syariah dari masa ke masa.

### **3.6.9 Kajian Semula Berkala**

Penasihat Syariah akan mengkaji semula Dana atas dasar suku tahunan untuk memastikan prosedur dan pelaburan kendalian Dana mematuhi Syariah. Apabila selesai setiap kajian, Penasihat Syariah akan menyampaikan pendapatnya mengenai pematuhan Dana dengan Syariah. Selanjutnya, laporan mengenai status pematuhan Dana bagi tempoh kewangan berkenaan akan disediakan oleh Penasihat Syariah dan akan dimasukkan dalam laporan tahunan Dana.

**Penasihat Syariah mengesahkan bahawa portfolio pelaburan Dana akan merangkumi sekuriti yang telah diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh lembaga Syariah DJIM, SAC SC, SAC BNM atau Penasihat Syariah. Bagi sekuriti yang bukan konstituen Penanda Aras dan/atau indeks mendasari Penanda Aras atau tidak dapat ditentukan oleh metodologi Syariah Penanda Aras atau tidak diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh SAC SC atau SAC BNM, Penasihat Syariah, selepas perbincangan dan perundingan dengan Pengurus, akan mengkaji dan menentukan status Syariah sekuriti tersebut selaras dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah.**

## **3.7. Ralat Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Ralat Penjejakan**

**Pelabur-pelabur hendaklah mengambil perhatian bahawa tidak ada jaminan atau asurans bahawa keputusan pelaburan Dana akan betul-betul sepadan dengan prestasi Penanda Aras.**

Ralat penjejakan mungkin berlaku apabila membandingkan prestasi Dana terhadap Penanda Aras. Walaupun strategi pelaburan Dana adalah untuk menerima pakai strategi replikasi penuh, tidak ada jaminan bahawa replikasi boleh menjadi sempurna. Dana mungkin juga menerima pakai strategi

pensampelan representatif sekiranya Pengurus percaya bahawa teknik replikasi penuh bukan kaedah paling cekap untuk menjelaki Penanda Aras. Dengan yang demikian, perbezaan di antara komposisi portfolio Dana dengan komposisi Penanda Aras akan mengakibatkan ralat penjejak yang tinggi. NAV Dana mungkin tidak berhubung kait dengan tepat dengan Penanda Aras. Faktor-faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, hubung kait tidak sempurna di antara portfolio Dana dan konstituen Penanda Aras, ketidakupayaan untuk mengimbangi semula pemegangan Dana bagi Saham-A sebagai tindak balas kepada perubahan dalam konstituen Penanda Aras boleh menyumbang kepada ralat penjejak.

Untuk meminimumkan ralat penjejak, Pengurus akan mengawasi prestasi Dana dengan teliti, hubung kaitnya dengan Penanda Aras dan portfolio Dana dengan konstituen Penanda Aras dan akan membuat pelarasan untuk mengimbangi semula portfolio Dana apabila perlu.

### **3.8. Strategi & Teknik Pengurusan Risiko**

Strategi dan teknik pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus termasuk penggunaan strategi replikasi penuh atau strategi pensampelan representatif, serta mengimbangi semula portfolio Dana apabila diperlukan, untuk mencapai objektif pelaburan Dana untuk meminimumkan ralat penjejak. Strategi pensampelan representatif juga digunakan oleh Pengurus dalam keadaan ekstrem, seperti ketidakcairan sekuriti-sekuriti tertentu yang membentuk Penanda Aras yang mungkin menjadi halangan utama kepada Pengurus dalam melaksanakan strategi replikasi penuh.

### **3.9. Polisi mengenai Pengimbangan Semula Portfolio Pelaburan**

Pengimbangan semula portfolio Dana akan terutamanya dilaksanakan semasa tempoh pengimbangan semula yang dijadualkan. Walau bagaimanpun, pengimbangan semula portfolio Dana juga boleh dilaksanakan apabila terdapat pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit atau apabila Pengurus percaya bahawa terdapat keperluan untuk membetulkan penyimpangan dalam ralat penjejak.

### **3.10. Pelaburan yang Dibenarkan & Sekatan Pelaburan**

#### **Pelaburan yang Dibenarkan:**

- Sekuriti yang Dibenarkan;
- Skim pelaburan kolektif Islam;
- Instrumen pasaran wang Islam;
- Deposit Islam dengan Institusi Kewangan; dan
- Mana-mana pelaburan patuh Syariah lain yang dibenarkan oleh SAC SC, SAC BNM atau Penasihat Syariah dari masa ke masa.

#### **Sekatan Pelaburan:**

- Nilai pelaburan Dana dalam unit-unit/ saham-saham mana-mana skim pelaburan kolektif Islam tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
- Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh penerbit tunggal tidak boleh melebihi 15% daripada NAV Dana.
- Nilai penempatan Dana dalam deposit Islam dengan Institusi Kewangan tunggal tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.
- Nilai pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang Islam yang diterbitkan oleh mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana.

Dana boleh memasuki sebarang bentuk pelaburan patuh Syariah lain sebagaimana mungkin dibenarkan oleh SC dari masa ke masa yang sejajar dengan objektif Dana.

Sekatan dan had yang dinyatakan di atas akan dipatuhi pada sepanjang masa berdasarkan nilai terkini Dana, dan nilai pelaburan dan instrumennya. Pengurus mesti memaklumkan SC, dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan, mengenai apa-apa pelanggaran had dan sekatan pelaburan dengan langkah-langkah diambil untuk membetulkan dan mencegah pelanggaran tersebut daripada berulang.

Walau bagaimanapun, apa-apa pelanggaran akibat daripada mana-mana:

- (a) peningkatan atau penyusutan nilai dalam nilai pelaburan mendasari Dana;
- (b) penebusan Unit-unit atau bayaran yang dibuat daripada Dana;
- (c) perubahan dalam modal syarikat dalam mana Dana dilaburkan; atau

- (d) penurunan taraf atau pemberhentian penarafan kredit,  
tidak perlu dilaporkan kepada SC tetapi mesti diperbetulkan secepat mungkin selaras dengan Garis Panduan ETF. Pemegang Amanah boleh memutuskan untuk melanjutkan tempoh sekiranya ia adalah demi kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit dan lanjutan tersebut mestilah tertakluk kepada semakan sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh Pemegang Amanah.

### **3.11. Pemberian Pinjaman & Peminjaman Sekuriti**

#### **Pemberian Penjaman Sekuriti**

Dana tidak akan terlibat dalam apa-apa pemberian pinjam sekuriti, urus niaga belian balik atau urus niaga lain di kaunter yang serupa. Apa-apa perubahan dalam hubungan ini adalah tertakluk kepada kelulusan terdahulu SC.

#### **Peminjaman**

Dana tidak dibenarkan meminjam wang tunai atau aset-aset lain (termasuk pinjaman sekuriti mengikut maksud Garis Panduan SBL) berkaitan dengan kegiatannya.

### **3.12. Dasar Pengagihan**

Dana boleh mengagihkan pendapatan atas dasar sampingan.

Pengagihan pendapatan Dana, sekiranya ada, adalah tidak dijamin dan mungkin tidak sama dengan kadar hasil Penanda Aras.

Butir-butir tarikh kelayakan, jumlah pengagihan, tarikh tanpa kelayakan dan tarikh bayaran bagi pengagihan akan disiarkan di laman web *Bursa Securities*.

Pengagihan pendapatan (sekiranya ada) akan dibuat dalam cara berikut:

- melalui eDividen;
- melalui cek yang dihantar ke alamat surat menyurat Pemegang Unit; atau
- kaedah lain yang akan ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, dan dibenarkan di bawah kaedah dan peraturan yang berkaitan di Malaysia.

Sila ambil perhatian bahawa semua pengagihan pendapatan akan dibayar dalam MYR sahaja.

### **3.13. Penilaian Aset-aset Dana**

Pengurus akan memastikan bahawa penilaian Dana dijalankan dalam cara yang adil selaras dengan undang-undang dan Garis Panduan ETF berkenaan. Asas penilaian bagi pelaburan yang dibenarkan Dana adalah seperti berikut:

#### **Sekuriti patuh Syariah Tersenarai**

Penilaian sekuriti patuh Syariah tersenarai akan dibuat berdasarkan harga pasaran.

Walau bagaimanapun, sekiranya:

- (a) penilaian berdasarkan harga pasaran tidak mewakili nilai saksama sekuriti patuh Syariah tersenarai, contohnya dalam keadaan pasaran tidak normal; atau
- (b) tidak ada harga pasaran tersedia, termasuk jika sekiranya berlaku penggantungan dalam sebut harga sekuriti patuh Syariah tersenarai bagi tempoh melebihi empat belas (14) hari, atau tempoh yang lebih singkat seperti yang dipersetujui oleh Pemegang Amanah,

maka sekuriti patuh Syariah tersenarai akan dinilai pada nilai saksama, sebagaimana ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus, berdasarkan kaedah atau asas yang diluluskan oleh Pemegang Amanah selepas perundingan teknikal yang sesuai.

#### **Instrumen Pasaran Wang Islam**

Penilaian instrumen pasaran wang Islam yang didenominasikan MYR akan dilakukan menggunakan harga yang disebut harga oleh *Bond Pricing Agency* yang didaftarkan dengan SC.

#### **Deposit Islam**

Deposit Islam yang ditempatkan dengan institusi kewangan adalah dinilai melalui rujukan kepada nilai pokok pelaburan tersebut dan keuntungan terakru ke atasnya bagi tempoh berkenaan.

#### **Skim pelaburan Kolektif Islam Tidak Tersenarai**

Penilaian skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai akan dibuat berdasarkan harga belian balik terkini yang disiarkan.

#### **Mana-mana Pelaburan patuh Syariah Lain**

Penilaian akan dibuat pada nilai saksama sebagaimana ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus, mengenai kaedah atau asas yang telah ditentusahkan oleh juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

### **3.14. Masa Penilaian bagi Dana**

Dana akan dinilai pada penutupan dagangan rasmi pada pasaran di mana sekuriti yang membentuk Penanda Aras disenaraikan pada setiap Hari Urus Niaga atau sekiranya terdapat lebih daripada satu pasaran, penutupan rasmi perdagangan pada pasaran berkenaan terakhir untuk tutup atau masa atau masa-masa lain sebagaimana ditentukan oleh Pengurus selepas berunding dengan Pemegang Amanah dari masa ke masa dengan syarat bahawa sentiasa ada Masa Penilaian pada setiap Hari Urus Niaga selain daripada di mana terdapat penggantungan pembentukan dan penebusan Unit-unit.

### **3.15. Penyenaraian Dana**

Kelulusan bagi kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga sehingga 4,000,000,000 Unit pada *Bursa Securities* yang diperoleh daripada *Bursa Securities* pada 26 November 2020 dan 27 April 2021.

Unit-unit akan dimasukkan ke Senarai Rasmi dan sebut harga rasmi bagi Unit-unit pada *Bursa Securities* akan bermula selepas menerima pengesahan daripada *Bursa Depository* bahawa Akaun CDS Pengurus masing-masing telah dibentuk sewajarnya.

**Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, *Bursa Securities* telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit yang ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan terus dengan *Bursa Depository* dan sebarang urus niaga dalam Unit-unit ini akan dijalankan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan *Bursa Depository*.**

## 4. YURAN & CAJ

### 4.1. Caj secara langsung ditanggung oleh pelabur

#### 4.1.1. Caj bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian

Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pembentukan dan penebusan Unit-unit hendaklah dilaksanakan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran dan caj (tidak termasuk perbelanjaan hangus) untuk dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah.

Yuran & Caj	Butir-butir
<b>Yuran Permohonan</b>	MYR100 setiap Blok Unit (dan tertakluk kepada maksimum sebanyak MYR1,000) perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu yang lain sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.  Pada masa ini, Pengurus telah mengenepikan Yuran Permohonan. Walau bagaimanapun, pengurus mungkin memperkenalkan semula yuran pada bila-bila masa dengan tempoh satu (1) bulan notis terdahulu kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pelabur-pelabur.
<b>Yuran Pembatalan Permohonan</b>	MYR500 setiap Permohonan perlu dibayar kepada Pengurus atau lain-lain jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, selepas berunding dengan Pemegang Amanah.
<b>Kos Urus Niaga</b>	Pengurus mungkin mengenakan Kos Urus Niaga (ditanggung oleh Dana) untuk menghalang NAV Dana daripada dicairkan oleh Kos Urus Niaga.
<b>Lain-lain Yuran</b>	Jumlah (selain daripada Kos Urus Niaga yang diterangkan di atas) yang mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, yang dicajkan oleh <i>Bursa Depository</i> .

Yuran dan caj di atas mungkin sama ada dikenakan kepada pelabur oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian atau mungkin ditanggung oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian berkenaan mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung.

Selain daripada itu, pelabur-pelabur hendaklah perhatikan bahawa mereka mungkin perlu membayar yuran dan perbelanjaan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi perkhidmatannya untuk dan berhubung dengan permohonan bagi pembentukan dan penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Yuran dan perbelanjaan ini adalah dikenakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kerana menyediakan perkhidmatannya dan untuk memenuhi perbelanjaan berhubung dengannya.

#### 4.1.2. Caj bagi Membeli dan Menjual Unit-unit pada *Bursa Securities*

Jadual di bawah menerangkan caj-caj yang pelabur-pelabur mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh *Bursa Securities* pada tarikh Prospektus ini yang mana caj-caj mungkin diubah dari masa ke masa) apabila pelabur membeli atau menjual Unit-unit Dana pada *Bursa Securities*.

Yuran & Caj	Butir-butir
<b>Yuran Pembrokeran</b>	Sebagaimana ditetapkan oleh <i>Bursa Securities</i> .
<b>Yuran Penjelasan <i>Bursa Securities</i></b>	0.03% daripada nilai urus niaga tertakluk kepada maksimum MYR1,000 setiap urus niaga. Yuran minimum sebanyak MYR10 setiap urus niaga adalah terpakai untuk kontrak perniagaan langsung.

Pelabur-pelabur hendaklah menyemak dengan broker-broker mereka mengenai yuran dan caj sebenar yang mungkin ditanggung. Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur-pelabur akan tanggung apabila berdagang Unit-unit boleh didapati pada laman web *Bursa Securities*.

## **4.2. Yuran dan perbelanjaan secara tidak langsung ditanggung oleh pelabur**

<b>Yuran &amp; Caj</b>	<b>Details</b>
<b>Yuran Pengurusan Tahunan<sup>^</sup></b>	Sehingga 0.60% setahun daripada NAV Dana
<b>Yuran Pemegang Amanah Tahunan<sup>^</sup></b>	Sehingga 0.06% setahun daripada NAV Dana tertakluk kepada minimum sebanyak MYR12,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj sub-kustodian asing)
<b>Yuran Lesen Indeks Tahunan</b>	Sehingga 0.04% setahun daripada NAV Dana, tertakluk kepada minimum sebanyak USD10,000 bagi dua belas (12) bulan pertama dan USD15,000 setahun selepas itu.

*Nota:*

*<sup>^</sup>Dikira berdasarkan NAV Dana (termasuk Tarikh Dagangan pembentukan dan/atau penebusan), diakrukan secara harian dan perlu dibayar secara bulanan dalam Mata Wang Asas. Yuran ini adalah tertakluk kepada kenaikan/ variasi sebagaimana dibenarkan oleh Surat Ikatan.*

Akan ada lain-lain yuran atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, pencetakan dan alat tulis, caj bank, yuran penyerahan simpan bagi laporan tahunan dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan. Selain itu, akan terdapat perbelanjaan pelbagai seperti yuran profesional dan undang-undang dan yuran kepada pihak berkuasa yang akan ditanggung dalam menukuhan Dana.

Kesemua yuran dan perbelanjaan yang dinyatakan di atas akan ditolak daripada Aset-aset Dana.

## **4.3. Kos Penubuhan Dana**

Kos penubuhan dan Penyenaraian Dana yang termasuk perbelanjaan berikut akan ditanggung oleh Dana:

- kos penyediaan dan penerbitan Prospektus ini;
  - yuran profesional dan penasihat; dan
  - yuran berperaturan.
- (secara kolektif, "**Kos Penubuhan**").

Kos Penubuhan yang dinyatakan di atas akan dibiayai terlebih dahulu oleh Pengurus bila dan apabila ditanggung. Pengurus dibenarkan untuk mengenakan Kos Penubuhan, yang tidak akan melebihi MYR300,000 sepanjang tempoh tiga (3) tahun untuk mengurangkan kesan kecairan ke atas pulangan Dana.

## **4.4. Perbelanjaan yang Dibenarkan**

Pemegang Amanah dan/atau Pengurus adalah berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana setakat mana ia ditanggung berkaitan dengan operasi dan pentadbiran Dana:

- apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana;
- yuran pemprosesan atau pengendalian yang dilevikan oleh mana-mana orang kerana memberi perkhidmatan untuk melaksanakan apa-apa pemerolehan, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset-aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat Syariah, penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juraudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan kewajipan dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan, atau sebaliknya berhubung dengan Dana;
- kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, pemerolehan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana pelaburan asing Aset-aset Dana dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urus niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset-aset Dana;

- kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau menyelenggarakan penyenaraian dan sebut harga Unit-unit pada *Bursa Securities*, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan *Bursa Depository* dan Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- Kos Penubuhan Dana;
- kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkenaan dengan penyelenggaraan laman web atau halaman web (mengikut keadaan) didedikasikan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, Pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berhubung dengan Dana kepada *Bursa Securities*, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan mana-mana perjanjian berkaitan dengan Dana selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berkaitan dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan persetujuan liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk penentuan sah semula atau pengeluaran semula apa-apa cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana; dan
- caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan lain-lain pihak berkuasa) sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang mana Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana.

#### **4.5. Polisi mengenai Rebat dan Komisen Ringan**

Pengurus tidak akan menyimpan apa-apa rebat daripada, atau sebaliknya berkongsi dalam apa-apa komisen dengan, mana-mana broker/ peniaga sebagai balasan urusan langsung (sekiranya ada) dalam pelaburan Dana. Selaras dengan itu, apa-apa rebat atau komisen dikongsi hendaklah disalurkan secara langsung kepada akaun Dana.

Komisen ringan boleh disimpan oleh Pengurus dengan syarat bahawa:

- Pengurus tidak menggunakan komisen ringan bagi tujuan membayar kos berkaitan dengan penubuhan atau penyelenggaraan infrastruktur, rangka kerja atau sistemnya;
- Pengurus memastikan bahawa barang dan perkhidmatan adalah dalam bentuk perkhidmatan penyelidikan dan nasihat yang membantu dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan pelaburan Dana; dan
- amalan Pengurus berkaitan dengan komisen ringan didekahkan secukupnya dalam Prospektus dan laporan tahunan, termasuk keterangan mengenai barang dan perkhidmatan yang diterima oleh Pengurus.

**Kesemua yuran dan caj yang perlu dibayar oleh pelabur-pelabur adalah tertakluk kepada semua cukai dan/atau duti yang terpakai sebagaimana mungkin dikenakan oleh kerajaan dan/atau pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa.**

## **5. MAKLUMAT URUS NIAGA**

Pengurus boleh menerbitkan kelas-kelas baru Unit-unit atau memperkenalkan mata wang dagangan baru dari masa ke masa.

### **5.1. Permohonan bagi Pembelian dan Jualan Unit-unit**

#### **5.1.1. Sebelum Penyenaraian**

Sebelum Penyenaraian, Unit-unit tidak akan diketepikan bagi langganan oleh orang awam melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian. Pengurus akan melaksanakan pembentukan awal sehingga 6,000,000 Unit.

Perolehan yang diterima oleh Dana daripada Pengurus akan digunakan untuk pelaburan dalam Pelaburan yang Dibenarkan. Rangka masa bagi penggunaan penuh perolehan adalah dalam tempoh lima (5) Hari Perniagaan selepas penerimaan perolehan.

Unit-unit Dana akan hanya disediakan kepada orang awam melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian Selepas Penyenaraian. Lihat Seksyen 5.1.2 bagi butir-butir terperinci mengenai permohonan bagi Unit-unit Selepas Penyenaraian.

#### **5.1.2. Selepas Penyenaraian**

Unit-unit boleh dibeli dan dijual dalam dua cara:

##### **i) Pembentukan/ Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran primer)**

Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bertindak untuk dirinya sendiri atau bagi pelabur sebagai kliennya) boleh memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit dalam termasuk MYR. Pelabur-pelabur yang ingin memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit hanya boleh berbuat demikian melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pembentukan Unit-unit boleh dilakukan melalui Pembentukan Tunai dalam Blok Unit (atau gandaan genap). Penebusan Unit-unit boleh dilakukan melalui Penebusan Tunai dalam Blok Unit (atau gandaan genap).

Lihat Seksyen 5.2 bagi butir-butir terperinci mengenai permohonan bagi prosedur pembentukan dan penebusan Unit-unit.

##### **ii) Membeli/ Menjual Unit-unit pada Bursa Securities (pasaran sekunder)**

Dana boleh didagangkan dalam MYR sahaja. Pelabur-pelabur boleh membeli Unit-unit dalam MYR melalui broker-broker atau mana-mana perkhidmatan urus niaga saham yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan atau lain-lain penasihat kewangan.

Butir-butir lanjut dikemukakan dalam Seksyen 5.8 Prospektus ini.

#### **5.1.3. Pelabur-pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian**

Di mana pelabur-pelabur memilih untuk memohon bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran primer) dalam cara yang diterangkan di atas, yang berikut harus diperhatikan –

- (i) Permohonan bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit hanya boleh dibuat melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- (ii) Pelabur-pelabur yang memohon bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian hendaklah mengambil perhatian bahawa Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh, bagi akaunnya sendiri, mengenakan yuran dan perbelanjaan yang tidak dinyatakan dalam Prospektus ini bagi penyediaan perkhidmatannya dan mengenakan syarat-syaratnya sendiri bagi permohonan untuk atau penebusan Unit-unit selain daripada yang dinyatakan dalam Prospektus ini.
- (iii) Pelabur-pelabur hendaklah menghubungi Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi butir-butir lanjut, prosedur dan syarat-syarat sebelum mengemukakan permohonan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- (iv) Peniaga yang Mengambil Bahagian telah bersetuju dengan Pengurus bahawa ia akan menerima permintaan yang diterima daripada pelabur-pelabur, tertakluk kepada keadaan pasaran biasa, perjanjian mengenai yuran dan penyelesaian prosedur penerimaan klien, untuk membentuk dan/atau menebus Unit-unit bagi pihak pelabur-pelabur tersebut. Pelabur-pelabur perlu mengambil perhatian bahawa walaupun Pengurus mempunyai kewajipan untuk mengawasi dengan ketat operasi Dana, sama ada Pengurus maupun Pemegang Amanah tidak diberi kuasa untuk

memaksa Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk mendedahkan yurannya yang dipersetujui dengan pelabur-pelabur tertentu atau maklumat persendirian atau sulit lain kepada Pengurus atau Pemegang Amanah, atau untuk menerima apa-apa permintaan permohonan yang diterima daripada pelabur-pelabur.

- (v) Pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa pengaturan yang dinyatakan di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian dan pelabur adalah semata-mata pengaturan kontrak di antara pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian dan tidak ada kaitan dengan Pengurus, Pemegang Amanah atau Dana. Pemegang Amanah dan Pengurus bukan pihak-pihak kepada pengaturan ini yang di luar bidang Dana. Dengan itu, sama ada Pemegang Amanah mahupun Pengurus tidak akan bertanggungjawab kepada pelabur masing-masing bagi pengaturan ini. Pelabur hendaklah menghubungi Peniaga yang Mengambil Bahagian dan mendapatkan butir-butir lanjut sebelum memasuki mana-mana pengaturan sedemikian.

## **5.2. Prosedur bagi Pembentukan dan Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian (pasaran primer)**

Prosedur yang dikemukakan dalam seksyen ini adalah berhubung dengan pembentukan dan penebusan Unit-unit Selepas Penyenaraian.

Dalam tempoh ini:

- (i) Kedua-dua Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian pada mana-mana Hari Urus Niaga. Sekiranya Permohonan diterima pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau diterima selepas Tarikh Akhir Permohonan, Permohonan sedemikian akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Urus Niaga yang berikutnya;
- (ii) Permohonan hanya boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam MYR;
- (iii) Permohonan Pembentukan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian hendaklah dibuat melalui Pembentukan Tunai dalam Blok Unit (atau gandaan genap) sahaja;
- (iv) Permohonan Penebusan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian hendaklah dibuat melalui Penebusan Tunai dalam Blok Unit (atau gandaan genap); dan
- (v) Tarikh Dagangan akan menjadi Hari Urus Niaga di mana Anggaran Jumlah Pembentukan atau Unit-unit yang akan ditebuskan telah diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pemegang Amanah bersama dengan apa-apa caj yang dikenakan sebelum Tarikh Akhir Perdagangan.

Harga Pembentukan dan Harga Penebusan bagi Unit-unit Selepas Penyenaraian hendaklah dipastikan selaras dengan peruntukan Seksyen 5.4 Prospektus ini.

Unit-unit yang diterbitkan Selepas Penyenaraian, selaras dengan Permohonan Pembentukan yang dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian, akan didaftarkan atas nama Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam Daftar dan akan didepositkan dengan *Bursa Depository* pada Hari Perniagaan Pertama (1) selepas Tarikh Dagangan. Tertakluk kepada persetujuan di antara pelabur dan Peniaga yang Mengambil Bahagian, Unit-unit yang dipohon untuk atau bagi pihak pelabur akan selepas itu dikreditkan ke dalam Akaun CDS pelabur.

### **5.2.1. Prosedur bagi Pembentukan Tunai**

- (i) Anggaran Jumlah Pembentukan akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Urus Niaga dan disiarkan pada laman web Dana dan laman web *Bursa Securities* sebelum pembukaan pasaran pada Hari Perniagaan berikutnya.
- (ii) Untuk Permohonan Pembentukan menjadi sah, ia mesti:
  - dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - termasuk sijil-sijil yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - menyatakan bilangan Blok Unit (saiz semasa satu (1) Blok Unit adalah 2,000,000 Unit) bagi Permohonan Pembentukan; dan
  - nyatakan orang yang membuat Permohonan Pembentukan atau bagi siapa Permohonan Pembentukan dibuat.
- (iii) Atas penerimaan Anggaran Jumlah Pembentukan dan sebarang caj yang dikenakan oleh Pemegang Amanah dalam dana-dana penuh dan dana-dana yang dijelaskan sebelum Tarikh Akhir Perdagangan, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah untuk membentuk dan menerbitkan Unit-unit baru, yang akan diselesaikan secara tunai.

- (iv) Sekiranya Anggaran Jumlah Pembentukan dan sebarang caj yang dikenakan diterima oleh Pemegang Amanah selepas Tarikh Akhir Perdagangan, Tarikh Dagangan akan menjadi Tarikh Urus Niaga berikutnya.
- (v) Sekiranya Jumlah Pembentukan Sebenar kurang daripada Anggaran Jumlah Pembentukan, sebarang lebihan jumlah tunai akan dikembalikan oleh Pemegang Amanah kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian atas arahan bertulis Pengurus, menjelang Tarikh Penyelesaian. Sebaliknya, sekiranya Jumlah Pembentukan Sebenar melebihi Anggaran Jumlah Pembentukan, apa-apa defisit jumlah tunai perlu dibayar balik oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pemegang Amanah menjelang Tarikh Penyelesaian.
- (vi) Unit-unit baru akan dibentuk dan diterbitkan, dan Daftar akan dikemas kini menjelang Hari Perniagaan Pertama (1) selepas Tarikh Dagangan. Harga Pembentukan akan berdasarkan Jumlah Pembentukan Sebenar dibahagi dengan bilangan Unit yang dibentuk.

#### **5.2.2. Peruntukan yang terpakai bagi Pembentukan Tunai**

- (i) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah merizabkan hak mengikut budi bicara mutlak mereka, dengan syarat bahawa ia adalah munasabah, untuk menolak atau mengantung Permohonan Pembentukan sekiranya:
  - Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, salah atau taksa (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
  - agregat Blok (Blok-blok) Unit berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz yang dibenarkan Dana sebagaimana diluluskan dari masa ke masa oleh SC;
  - Pengurus telah menggantungkan hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan;
  - mana-mana Bursa Berkenaan ditutup; atau
  - pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Pembentukan mungkin melanggar termatama dan syarat-syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, Prospektus ini, dan/atau Surat Ikatan.
- (ii) Selain itu, Pemegang Amanah boleh (melalui notis kepada Pengurus) menolak untuk:
  - membentuk Unit; atau
  - membentuk Unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus;
 sekiranya Pemegang Amanah menganggap bahawa pembentukan tersebut bukan untuk kepentingan Pemegang Unit atau bahawa ianya akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan/atau lain-lain undang-undang terpakai.
- (iii) Jika sekiranya Pemegang Amanah atau nomininya tidak menerima Anggaran Jumlah Pembentukan berhubung dengan Pembentukan Tunai dan sebarang caj yang dikenakan sebagaimana mungkin dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah, dalam dana-dana yang dijelaskan menjelang Tarikh Akhir Perdagangan, Pengurus boleh melanjutkan tarikh akhir bagi bayaran yang dinyatakan di atas sehingga tempoh empat belas (14) hari\* dari tarikh Permohonan Pembentukan (atau tempoh lain sebagaimana mungkin diluluskan oleh Pemegang Amanah) jika lau tidak Pengurus akan menjadi berhak untuk membatal Permohonan Pembentukan. Dalam hal sedemikian:
  - Permohonan Pembentukan akan dianggap tidak pernah dibentuk (melainkan bahawa Yuran Permohonan kekal terhutang dan perlu dibayar); dan
  - Pengurus boleh, tetapi tidak terikat untuk, mencajikan Peniaga yang Mengambil Bahagian Yuran Pembatalan Permohonan sebagaimana mungkin dari masa ke masa dinyatakan dalam Prospektus ini atau dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

\*Dalam tempoh 14-hari tersebut, Anggaran Jumlah Pembentukan akan dikemas kini pada setiap Hari Urus Niaga sehingga Pemegang Amanah menerima dana-dana yang dijelaskan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- (iv) Pembatalan Permohonan Pembentukan bagi Pembentukan Tunai:
  - Peniaga yang Mengambil Bahagian mestilah memaklumkan Pengurus mengenai pembatalan sebelum Tarikh Akhir Perdagangan.
  - Selepas itu, Pengurus boleh mengarahkan Pemegang Amanah untuk memulangkan Anggaran Jumlah Pembentukan tolak Yuran Pembatalan Permohonan dan sebarang caj yang dikenakan.
  - Permohonan Pembentukan tidak boleh dibatalkan sebaik sahaja Seksyen 5.2.1(iii) di atas diselesaikan.

- (v) Sebaik sahaja Permohonan Pembentukan dikemukakan, ia tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus, melainkan tempoh penggantungan telah diisyiharkan oleh Pengurus selaras dengan Surat Ikatan.
- (vi) Apa-apa komisen, imbuhan atau lain-lain jumlah yang perlu dibayar oleh Pengurus berhubung dengan terbitan atau jualan mana-mana Unit tidak akan ditambah kepada Harga Pembentukan Unit tersebut dan tidak akan dibayar daripada Aset-aset Dana.

#### **5.2.3. Prosedur bagi Penebusan Tunai**

- (i) Anggaran Jumlah Penebusan akan ditentukan oleh Pengurus pada setiap Hari Urus Niaga dan disiarkan pada laman web Dana dan laman web *Bursa Securities* sebelum pembukaan pasaran pada Hari Perniagaan berikutnya.
- (ii) Untuk Permohonan Penebusan menjadi sah, ia mesti:
  - dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - mengandungi sijil-sijil yang diperlukan di bawah Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - menyatakan bilangan Blok Unit (saiz semasa satu (1) Blok Unit adalah 2,000,000 Unit) bagi Permohonan Penebusan; dan
  - nyatakan orang yang membuat Permohonan Penebusan atau bagi pihak siapa Permohonan Penebusan dibuat.
- (iii) Atas penerimaan Unit-unit oleh Pemegang Amanah dan sebarang caj yang dikenakan sebelum Tarikh Akhir Perdagangan, Pengurus akan mengarahkan Pemegang Amanah (melalui notis secara bertulis) untuk melaksanakan penebusan, yang akan diselesaikan dengan membatal Unit-unit dan bayaran perolehan secara tunai.
- (iv) Unit-unit akan ditebus dan dibatalkan, dan Daftar akan dikemas kini menjelang Hari Perniagaan pertama (1) selepas Tarikh Dagangan. Harga Penebusan akan berdasarkan pada Jumlah Penebusan Sebenar dibahagi dengan bilangan Unit yang akan dibatalkan.
- (v) Saiz Dana akan dikurangkan dengan bilangan Unit yang dibatalkan.
- (vi) Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian Jumlah Penebusan Sebenar dan mengarahkan Pemegang Amanah untuk membayar Jumlah Penebusan Sebenar daripada Aset-aset Dana kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian menjelang Tarikh Penyelesaian.

#### **5.2.4. Peruntukan yang terpakai bagi Penebusan Tunai**

- (i) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah merizabkan hak mengikut budi bicara mereka, dengan syarat bahawa ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan sekiranya:
  - Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, salah atau taksa (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
  - bilangan Unit berhubung dengan Permohonan Penebusan pada Tarikh Dagangan melebihi 10% (atau peratusan tersebut lebih tinggi sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) NAV Dana atau bilangan Unit, mengikut keadaan, pada Tarikh Dagangan;
  - Pengurus telah menggantungkan hak Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan;
  - mana-mana Bursa Berkenaan ditutup; atau
  - pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan mungkin melanggar terma-terma atau syarat-syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, Prospektus ini dan/atau Surat Ikatan.

- (ii) Selain itu, Pemegang Amanah boleh (melalui notis kepada Pengurus) menolak untuk:
  - menebus Unit-unit; atau
  - menebus Unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus;
 sekiranya Pemegang Amanah menganggap bahawa penebusan tersebut bukan untuk kepentingan Pemegang Unit atau ia akan menyebabkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan/atau lain-lain undang-undang terpakai.
- (iii) Jika sekiranya Unit-unit tidak diserahkan kepada Pemegang Amanah atau nomininya bagi penebusan (termasuk dokumen-dokumen yang diperlukan dan sebarang caj yang dikenakan dalam dana-dana penjelasan) menjelang Tarikh Akhir Perdagangan, Pengurus boleh melanjutkan tarikh akhir bagi penyerahan yang dinyatakan di atas sehingga tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Permohonan Penebusan (atau tempoh lain sebagaimana mungkin diluluskan oleh Pemegang Amanah) jikalau tidak Pengurus akan menjadi berhak untuk membatal Permohonan Penebusan. Dalam hal sedemikian:
  - Permohonan Penebusan akan dianggap tidak pernah dibuat (melainkan bahawa Yuran Permohonan kekal terhutang dan perlu dibayar); dan
  - Pengurus boleh, tetapi tidak terikat untuk, mencajkan Peniaga yang Mengambil Bahagian Yuran Pembatalan Permohonan sebagaimana mungkin dari masa ke masa dinyatakan dalam Prospektus ini atau dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.
- (iv) Bayaran Jumlah Penebusan Sebenar bagi Penebusan Tunai:
 

Jumlah Penebusan Sebenar berhubung dengan penebusan Unit-unit perlu dibayar kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian pada Tarikh Penyelesaian dengan syarat bahawa:

  - Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
  - Unit-unit untuk ditebus telah diserahkan kepada Pemegang Amanah sebelum Tarikh Akhir Perdagangan; dan
  - Yuran Permohonan, Kos Urus Niaga (sekiranya ada) dan sebarang caj yang dikenakan sebagaimana mungkin dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah telah ditolak daripada perolehan jualan sekuriti.
- (v) Had ke atas Penebusan setiap Tarikh Dagangan:
  - Sekiranya jumlah bilangan Unit (untuk yang mana Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus) pada Tarikh Dagangan melebihi 10% (atau peratusan yang lebih tinggi sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) NAV Dana atau bilangan Unit Dana, mengikut keadaan, pada Tarikh Dagangan tersebut, Pengurus akan berhak untuk menghad jumlah bilangan Unit yang Pemegang-pemegang Unit berhak untuk tebus pada hari tersebut kepada 10% (atau peratusan yang lebih tinggi sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) daripada NAV Dana atau bilangan Unit Dana, mengikut keadaan.
  - Mana-mana Unit yang tidak ditebus berhubung dengan Tarikh Dagangan tertentu ("**Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama**") akibat daripada had yang dikenakan oleh Pengurus (sebagaimana dinyatakan di atas) akan dihantar ke depan bagi penebusan pada Hari Urus Niaga berikutnya Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama (Hari Urus Niaga tersebut selepas ini dirujuk sebagai "**Hari Urus Niaga Berkenaan yang Kedua**").
  - Pengurus akan memaklumkan Peniaga yang Mengambil Bahagian mengenai peratusan yang lebih tinggi (sekiranya ada) dan bilangan Unit penebusan yang telah ditunda, dalam satu (1) Hari Urus Niaga selepas Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama dan Unit-unit ini akan ditebus pada Hari Urus Niaga Berkenaan yang Kedua.
  - Sekiranya Permohonan Penebusan dihantar ke depan, apa-apa Permohonan Penebusan lain yang diterima selepas Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama dan sebelum Hari Urus Niaga Berkenaan yang Kedua akan juga dihantar ke depan, dan dianggap sebagai Permohonan Penebusan dikemukakan pada Hari Urus Niaga Berkenaan yang Kedua. Permohonan Penebusan yang dihantar ke depan daripada Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama akan ditebus dengan keutamaan kepada Permohonan Penebusan yang diterima selepas Hari Urus Niaga Berkenaan yang Pertama.
- (vi) Pengurus boleh menolak Yuran Permohonan, Kos Urus Niaga (sekiranya ada) dan lain-lain caj sebagaimana mungkin dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah terhadap apa-apa perolehan daripada sekuriti-sekuriti yang dijual yang perlu dibayar kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

### **5.3. Pengiraan NAV**

Penilaian Dana akan dibuat dalam Mata Wang Asas Dana. Dengan yang demikian, aset-aset dan tunai yang didenominasikan dalam mana-mana mata wang lain akan diterjemahkan kepada Mata Wang Asas Dana bagi tujuan penilaian.

NAV Dana adalah ditentukan dengan menolak nilai kesemua Liabiliti daripada nilai kesemua Aset Dana, pada Masa Penilaian tertentu. Sila rujuk kepada Seksyen 3.14 Prospektus ini mengenai butir-butir masa penilaian bagi Dana.

### **5.4. Pengiraan Harga Pembentukan dan Harga Penebusan**

Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Harga Pembentukan atau Harga Penebusan setiap Unit bagi mana-mana Hari Urus Niaga berkenaan akan, tertakluk kepada syarat di bawah, dikira berdasarkan Jumlah Pembentukan Sebenar atau Jumlah Penebusan Sebenar, mengikut keadaan, dibahagi dengan bilangan Unit yang dibentuk atau akan dibatalkan, mengikut keadaan. Dengan ini, pergerakan pasaran yang disertakan dengan pembentukan atau penebusan akan ditanggung oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian masing-masing.

Anggaran Jumlah Pembentukan dan Anggaran Jumlah Penebusan yang dikira oleh Pengurus akan berdasarjab NAV setiap Unit Dana sebagaimana ditakrifkan dan dibundarkan kepada empat (4) perpuhulan terhampir, atau dalam cara sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa selepas berunding dengan Pemegang Amanah. Manfaat mana-mana pelarasan tersebut akan terakru kepada Dana.

### **5.5. Penggantungan Penentuan Nilai Aset Bersih dan Urus Niaga dalam Unit-unit Dana**

Pengurus boleh, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, pada bila-bila masa menggantung penentuan NAV Dana dan berurus niaga dalam Unit-unit Dana dalam mana-mana tempoh berikut:

- (a) mana-mana tempoh apabila mana-mana Bursa Berkenaan ditutup;
- (b) mana-mana tempoh apabila urus niaga Unit-unit pada *Bursa Securities* adalah disekat atau digantung atas arahan yang dikeluarkan oleh SC atau *Bursa Securities*;
- (c) mana-mana tempoh apabila urus niaga Sekuriti Dibenarkan pada Bursa Berkenaan, atau di mana penyenaraian utama Sekuriti Dibenarkan adalah disekat atau digantung;
- (d) mana-mana tempoh apabila penyelesaian atau penjelasan Sekuriti Dibenarkan dalam depositori penjelasan dan penyelesaian yang berkenaan terganggu;
- (e) mana-mana tempoh apabila berlaku peristiwa gangguan pasaran atau peristiwa gangguan penyelesaian dalam mana-mana Bursa Berkenaan;
- (f) kewujudan apa-apa keadaan akibat daripada yang mana pembelian atau pelupusan Sekuriti yang Dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset Dana tidak boleh, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dilaksanakan secara biasa atau tanpa menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (g) mana-mana tempoh apabila, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dana-dana tidak boleh biasanya dibayar daripada Aset Dana tanpa menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (h) mana-mana tempoh apabila portfolio Dana diimbangi semula;
- (i) apa-apa kerosakan dalam cara yang biasa digunakan dalam menentukan NAV Dana atau NAV setiap Unit atau Liabiliti atau apabila bagi apa-apa alasan lain nilai mana-mana pelaburan yang dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset Dana atau Liabiliti tidak boleh dipastikan dengan segera dan tepat;
- (j) kewujudan mana-mana keadaan yang pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, mungkin menjelaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit dengan serius secara keseluruhan atau Aset Dana;
- (k) mana-mana tempoh empat puluh lapan (48) jam (atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju) sebelum tarikh mana-mana mesyuarat Pemegang Unit (atau mana-mana mesyuarat yang ditangguh);
- (l) mana-mana tempoh apabila operasi Pengurus dan/atau Pemegang Amanah terhenti dan/atau digantung mengikut budi bicara SC; atau

- (m) mana-mana tempoh apabila operasi perniagaan Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan operasi Dana terganggu dengan teruk atau ditutup akibat daripada atau timbul daripada peristiwa *force majeure*.

Apapun penggantungan akan berkuat kuasa atas perisyiharannya dan selepas itu tidak akan ada penentuan NAV Dana dan urus niaga dalam Unit Dana dan Pengurus tidak akan berada di bawah obligasi untuk mengimbangkan semula atau menyelaraskan Aset-aset Dana sehingga penggantungan ditamatkan pada tarikh yang mana lebih awal di antara (i) Pengurus mengisyiharkan penggantungan sudah berakhir; (ii) Hari Urus Niaga berikutnya Hari Urus Niaga yang pertama bila mana (1) syarat yang membawa kepada penggantungan tidak lagi wujud; dan (2) tiada syarat lain di mana penggantungan dibenarkan di bawah Surat Ikatan yang ada; atau (iii) pada Hari Urus Niaga sebaik sahaja selepas portfolio Dana telah diimbangi semula.

Pemegang Amanah akan memaklumkan SC secara bertulis mengenai penggantungan lalu menyatakan alasan bagi penggantungan tersebut. Pengurus akan memaklumkan *Bursa Securities* dan menyiarkan notis penggantungan berikutnya penggantungan, pada laman web Dana atau pada lain-lain penerbitan sebagaimana Pengurus putuskan.

Tiada Unit Dana akan diterbitkan atau ditebus dalam mana-mana tempoh penggantungan penentuan NAV Dana.

## 5.6. IOPV

IOPV setiap Unit akan dikira berdekatan dengan masa nyata (selang masa 15 saat) oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Pengurus pada setiap Hari Perniagaan untuk digunakan sebagai lebih kurang penyamaaan kepada NAV Dana. IOPV setiap Unit, yang merupakan anggaran NAV setiap Unit Dana, dikira seperti berikut:

- (i) harga Aset Dana pada selang masa masing-masing pada Hari Perniagaan, termasuk aset cair Islam (dalam MYR);
- (ii) tolak Liabiliti Dana (dalam MYR); dan
- (iii) membahagi agregat sub perenggan (i) dan (ii) di atas dengan bilangan Unit dalam terbitan.

## 5.7. Memperoleh maklumat mengenai NAV dan IOPV

Butir-butir mengenai NAV Dana dan NAV setiap Unit bagi setiap Hari Urus Niaga akan disediakan pada Hari Perniagaan berikutnya manakala IOPV setiap Unit akan disediakan pada setiap Hari Perniagaan oleh penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Pengurus pada laman web *Bursa Securities*, dan dipautkan kepada laman web *Bursa Securities* pada laman web Dana.

## 5.8. Perdagangan Unit-unit pada *Bursa Securities* (pasaran sekunder)

Selepas Penyenaraian, Unit-unit Dana boleh dibeli dan dijual pada *Bursa Securities* sepanjang hari perdagangan seperti mana-mana saham awam yang didagangkan. Unit-unit biasanya dibeli dan dijual dalam "lot niaga" 100 Unit. Walau bagaimanapun, firma broker boleh membenarkan pelabur-pelabur untuk membeli atau menjual Unit dalam "lot ganjil" yang lebih kecil, walaupun harga Unit yang didagangkan dalam "lot ganjil" mungkin berbeza daripada Unit yang dibeli dan dijual dalam "lot niaga".

**Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa urus niaga dalam pasaran sekunder pada *Bursa Securities* akan berlaku pada harga pasaran yang disebut harga yang mungkin berbeza daripada NAV harian setiap unit disebabkan permintaan dan penawaran pasaran, kecairan dan tebaran dagangan bagi Unit-unit dalam pasaran sekunder. Akibatnya, harga pasaran Unit-unit dalam pasaran sekunder mungkin lebih tinggi atau rendah daripada NAV harian setiap Unit.**

Apabila membeli atau menjual Unit-unit melalui broker, pelabur-pelabur akan menanggung yuran pembrokeran dan penjelasan lazim.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, *Bursa Securities* telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit akan didepositkan terus dengan *Bursa Depository* dan sebarang urus niaga dalam Unit-unit ini akan dijalankan selaras dengan Akta Depositori Pusat dan peraturan-peraturan *Bursa Depository*.

Sebagai pelabur, Pemegang Unit adalah pemilik benefisial Unit-unit sebagaimana ditunjukkan dalam reked *Bursa Depository*. *Bursa Depository* bertindak sebagai depositori sekuriti bagi semua Unit Dana. Pemegang Unit tidak berhak menerima penghantaran fizikal sijil Unit atau untuk mempunyai Unit-unit didaftarkan atas namanya, dan ia tidak dianggap sebagai pemilik berdaftar Unit. Dengan itu, untuk melaksanakan apa-apa hak sebagai pemilik benefisial Unit, Pemegang Unit mesti bergantung kepada prosedur *Bursa Depository*. Prosedur ini adalah sama dengan yang digunakan untuk sekuriti yang tersenarai pada *Bursa Securities*.

### **5.9. Harga Dagangan Unit**

Harga dagangan Unit pada *Bursa Securities* mungkin berbeza daripada NAV harian setiap Unit dan IOPV setiap Unit dan boleh dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti bekalan dan permintaan, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. Pemegang Unit boleh menjelaki harga pasaran semasa Unit-unit melalui laman web *Bursa Securities* atas dasar harian.

### **5.10. Penentu Pasaran**

Adalah menjadi hasrat Pengurus untuk memudahkan penyediaan kecairan bagi Pemegang-pemegang Unit melalui pelantikan penentu pasaran yang diperlukan untuk mengekalkan pasaran bagi Unit-unit. Dalam mengekalkan pasaran bagi Unit-unit, penentu pasaran mungkin merealisasi keuntungan atau menanggung kerugian. Apa-apa keuntungan yang dibuat oleh penentu pasaran boleh disimpan olehnya untuk manfaat mutlaknya dan ia tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengakaun kepada Dana berhubung dengan keuntungan tersebut.

Walaupun penentu pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sama seperti pelabur-pelabur runcit melalui *Bursa Securities*, tidak ada gerenti atau jaminan tentang harga pada mana pasaran bagi Unit-unit akan dibuat. Penentu pasaran tambahan boleh dilantik pada masa hadapan oleh Pengurus. Senarai penentu pasaran yang dilantik oleh Pengurus bagi Dana boleh diperoleh daripada laman web *Bursa Securities* dan di laman web Dana. Pengurus juga akan memaklumkan *Bursa Securities* mengenai apa-apa perubahan kepada senarai penentu pasaran.

## **6. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN**

**Seksyen ini bermaksud untuk mendedahkan terma-terma penting Surat Ikatan dan tidak bermaksud sebagai menyeluruh. Pelabur-pelabur hendaklah merujuk kepada Surat Ikatan itu sendiri untuk mengesahkan maklumat khusus atau bagi pemahaman terperinci Dana. Surat Ikatan boleh didapati untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar Pengurus.**

Surat Ikatan telah ditandatangani di antara Pengurus dan Pemegang Amanah Dana. Dana dibentuk melalui Surat Ikatan dan dikawal atur terutamanya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahannya yang ditandatangani selaras dengan peruntukan Surat Ikatan adalah mengikat ke atas setiap daripada Pemegang-pemegang Unit dan kesemua orang yang menuntut melalui atau di bawah Pemegang-pemegang Unit tersebut seolah-olah mereka telah:

- (i) menjadi pihak kepada dan telah menandatangani Surat Ikatan dan mana-mana surat ikatan tambahan tersebut;
- (ii) dengan itu berwaad untuk diri mereka sendiri dan untuk semua orang tersebut untuk mematuhi dan menjadi terikat oleh semua peruntukannya; dan
- (iii) dengan itu memberi kuasa masing-masing kepada Pemegang Amanah dan Pengurus untuk melakukan semua tindakan dan perkara tertentu sebagaimana Surat Ikatan atau mana-mana surat ikatan tambahan tersebut mungkin perlukan atau memberi kuasa kepada Pemegang Amanah atau Pengurus (mengikut keadaan) untuk berbuat demikian.

### **6.1. Hak-hak Pemegang Unit**

Pemegang Unit mempunyai hak, antara lain, kepada yang berikut:

- (i) untuk memeriksa Daftar, tanpa bayaran, pada bila-bila masa semasa waktu bekerja di pejabat berdaftar Pengurus, dan memperoleh maklumat tertentu berhubung dengan Unit-unitnya sebagaimana dibenarkan di bawah Surat Ikatan dan Garis Panduan ETF;
- (ii) untuk menerima pengagihan yang diisyiharkan oleh Dana (sekiranya ada);
- (iii) untuk melaksanakan apa-apa hak-hak dan keistimewaan lain sebagaimana dinyatakan dalam Surat Ikatan;
- (iv) untuk mengundi bagi pemecatan Pemegang Amanah atau Pengurus melalui Resolusi Khas; dan
- (v) untuk menerima laporan tahunan atau mana-mana laporan lain Dana.

Hak Pemegang Unit boleh diubah melalui perubahan kepada Surat Ikatan, Garis Panduan ETF, atau keputusan atau tafsiran kehakiman.

Bagi butir-butir penuh mengenai hak Pemegang Unit berdaftar Dana, sila rujuk kepada Surat Ikatan.

### **6.2. Liabiliti dan Batasan Pemegang Unit**

#### **6.2.1. Liabiliti**

- (i) Pemegang Unit atas alasan sebagai pemegang unit semata-mata bukan di bawah mana-mana obligasi secara peribadi menanggung rugi Pemegang Amanah atau Pengurus atau mana-mana pembiutang mana-mana satu atau lebih daripada mereka sekiranya terdapat kekurangan Aset-aset Dana apabila dibandingkan dengan Liabiliti.
- (ii) Hak (sekiranya ada) Pemegang Amanah atau Pengurus atau mana-mana pembiutang lain untuk mendapatkan tanggung rugi adalah terhad kepada mempunyai rekursa kepada Dana.

#### **6.2.2. Batasan**

Unit-unit tidak memberi hak Pemegang Unit, selain daripada yang diperlukan oleh undang-undang terpakai, untuk:

- (i) mengganggu hak atau kuasa Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dalam urusan mereka dengan Dana;
- (ii) menuntut kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana;
- (iii) memerlukan pemindahan kepada Pemegang Unit mana-mana bahagian tertentu Aset Dana;
- (iv) menghadiri mesyuarat sama ada mesyuarat pemegang saham, pembiutang, pembayar cukai atau sebaliknya atau untuk mengambil bahagian di dalam atau untuk membenarkan apa-apa tindakan berhubung dengan mana-mana hartaanah, perbadanan atau skim berhubung dengan Aset Dana;
- (v) menjalankan apa-apa hak, kuasa atau keutamaan berhubung dengan mana-mana Aset Dana;

- (vi) menyerah simpan dengan pihak berkuasa kerajaan atau mana-mana orang apa-apa kaveat atau lain-lain notis sama ada di bawah peruntukan mana-mana peraturan, perundangan, kaedah atau sebaliknya;
  - (a) melarang pihak berkuasa kerajaan atau seseorang (sama ada secara bersyarat atau mutlak) daripada mengambil tindakan yang dinyatakan dalam kaveat atau notis atau melarang (sama ada secara bersyarat atau mutlak) pendaftaran mana-mana orang sebagai penerima pindahan atau proprietor, atau mana-mana instrumen atau perkara yang melibatkan mana-mana bahagian tertentu daripada Aset Dana; atau
  - (b) menuntut apa-apa estet atau kepentingan dalam mana-mana bahagian tertentu Aset Dana; atau
- (vii) mengganggu dalam apa-apa cara dengan Dana.

### **6.3. Yuran dan caj maksimum yang dibenarkan oleh Surat Ikatan**

Jadual ini menerangkan yuran maksimum dibenarkan oleh Surat Ikatan dan perlu dibayar secara tidak langsung oleh pelabur-pelabur.

<b>Yuran</b>	<b>Kadar maksimum</b>
<b>Yuran Pengurusan</b>	Sehingga 1.00% setahun, dikira secara harian ke atas NAV Dana.
<b>Yuran Pemegang Amanah</b>	0.10% setahun, dikira secara harian ke atas NAV Dana tertakluk kepada minimum MYR12,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj sub-kustodian asing).

Yuran dan/atau caj yang lebih rendah daripada yang dinyatakan dalam Surat Ikatan boleh dikenakan; semua yuran dan/atau caj semasa akan didekahkan dalam Prospektus.

Apa-apa kenaikan yuran dan/atau caj yang dinyatakan dalam Prospektus semasa boleh dibuat dengan syarat bahawa:

- (i) Berhubung dengan Pengurus,
  - (a) yuran pengurusan yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
  - (b) Pengurus telah memaklumkan Pemegang Amanah secara bertulis mengenai yuran pengurusan yang lebih tinggi dan Pemegang Amanah bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
  - (c) Pengurus telah mengumumkan kepada *Bursa Securities* mengenai yuran pengurusan yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya;
  - (d) tiga puluh (30) hari telah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 6.3(i)(c) di atas; dan
  - (e) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan yuran pengurusan yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya, telah didaftarkan, diserah simpan dan dikeluarkan.
- (ii) Berhubung dengan Pemegang Amanah,
  - (a) yuran pemegang amanah yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
  - (b) Pemegang Amanah telah memaklumkan Pengurus secara bertulis mengenai yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan Pengurus bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
  - (c) Pengurus telah mengumumkan kepada *Bursa Securities* mengenai yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya;
  - (d) tiga puluh (30) hari telah berlalu sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 6.3(ii)(c) di atas; dan
  - (e) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan yuran pemegang amanah yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya, telah didaftarkan, diserah simpan dan dikeluarkan.

Apa-apa kenaikan dalam kadar maksimum bagi yuran pengurusan dan yuran pemegang amanah yang ditetapkan dalam Surat Ikatan dan Seksyen 6.3 ini hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan keperluan CMSA.

### **6.4. Perbelanjaan dibenarkan oleh Surat Ikatan**

Pemegang Amanah dan/atau Pengurus akan berhak membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana setakat mana mereka telah tanggung berhubung dengan operasi dan pentadbiran Dana:

- apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana;
- yuran pemprosesan atau pengendalian yang dilevikan oleh mana-mana orang kerana memberi perkhidmatan untuk melaksanakan apa-apa pembelian, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya, termasuk komisen atau yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat Syariah, penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan kewajipan dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan, atau sebaliknya berhubung dengan Dana;
- semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berkaitan dengan kustodi selamat, pembelian, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana pelaburan asing Aset Dana dan semua yuran urus niaga sebagaimana yang mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urus niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Aset Dana;
- kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi apa-apa mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau menyelenggarakan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada *Bursa Securities*, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai;
- yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan *Bursa Depository* dan Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd (dan dalam mana-mana depositori sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- Kos Penubuhan Dana;
- kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkenaan dengan penyelenggaraan laman web atau halaman web (mengikut keadaan) didedikasikan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, Pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berkaitan Dana pada *Bursa Securities*, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran laporan tahunan dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau juruaudit Dana atau pelantikan syarikat pengurusan baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan persetujuan liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisyiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk penantuansah semula atau pengeluaran semula apa-apa cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana; dan
- caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan lain-lain pihak berkuasa) sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana.

## **6.5. Persaraan Pengurus**

Pengurus boleh bersara daripada pengurusan Dana selepas memberi notis bertulis dua belas (12) bulan kepada Pemegang Amanah mengenai hasratnya untuk berbuat demikian atau masa notis lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju dengannya.

Selepas persaraan tersebut, Pengurus yang akan bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang terpakai, boleh melantik secara bertulis lain-lain syarikat yang layak yang sesuai yang diluluskan oleh Pemegang Amanah dan SC (sekiranya diperlukan) sebagai syarikat pengurusan baru bagi menggantikannya. Sekiranya Pengurus tidak mencadangkan syarikat pengurusan pengganti pada tarikh dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh cadangan persaraannya (atau tarikh terkemudian sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin persetujui), Pemegang Amanah boleh melantik syarikat pengurusan baru pada tarikh cadangan persaraan.

Pemegang Amanah akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memecat dan menggantikan Pengurus dengan seberapa segera yang munasabah selepas menyedari apa-apa keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 6.6 di bawah.

## **6.6. Kuasa Pemegang Amanah untuk memecat atau mengganti Pengurus**

Pengurus boleh dipecat oleh Pemegang Amanah di bawah keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Surat Ikatan yang termasuk peristiwa-peristiwa berikut:

- (i) sekiranya Pengurus dibubarkan atau dibubar secara sementara (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan pembentukan semula atau penggabungan atau beberapa tujuan yang serupa atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pemegang Amanah) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besar hartanah Pengurus dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau sekiranya mana-mana beban telah mengambil milik mana-mana daripada asetnya;
- (ii) sekiranya Pemegang Amanah berpendapat secara munasabah bahawa Pengurus telah, dengan merugikan Pemegang-pemegang Unit, gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan atau waad di bawah Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan CMSA dan dalam tempoh tertentu sebagaimana ditetapkan oleh Pemegang Amanah dalam notis secara bertulis kepada Pengurus, pelanggaran tersebut tidak diremedikan;
- (iii) sekiranya Pengurus telah gagal atau cuai untuk menjalankan tanggungjawabnya hingga memuaskan hati Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah menganggap bahawa ia adalah demi kepentingan Pemegang-pemegang Unit untuk Pemegang Amanah memecat Pengurus dengan syarat bahawa:
  - (a) Pemegang Amanah telah memberi notis kepada Pengurus mengenai pendapat dan alasan-alasan bagi pendapat tersebut dan Pemegang Amanah telah menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh Pengurus berhubung dengan pendapat tersebut;
  - (b) selepas berunding dengan SC; dan
  - (c) Resolusi Khas telah diluluskan sewajarnya oleh Pemegang-pemegang Unit;
- (iv) sekiranya Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pengurus hendaklah dipecat; atau
- (v) sekiranya Pengurus berhenti menjadi syarikat pengurusan yang diluluskan di bawah peruntukan CMSA dan peraturan yang terpakai.

Dalam mana-mana alasan tersebut di atas, Pengurus buat masa ini hendaklah selepas menerima notis bertulis oleh Pemegang Amanah berhenti menjadi syarikat pengurusan dan Pemegang Amanah hendaklah, tertakluk kepada apa-apa kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, berhak melantik secara bertulis beberapa syarikat yang berkelayakan lain yang sesuai untuk menjadi syarikat pengurusan bagi Dana dengan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas yang diluluskan pada mesyuarat yang diadakan selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan syarikat pengurusan baru yang dikatakan tidak mempunyai kesan sehingga syarikat pengurusan baru menandatangani surat ikatan di bawah mana ia berwaad untuk bertindak sebagai syarikat pengurusan selaras dengan Surat Ikatan.

## **6.7. Persaraan Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah boleh bersara sebagai pemegang amanah Dana selepas memberi notis dua belas (12) bulan secara bertulis kepada Pengurus mengenai hasrat untuk berbuat demikian, atau masa notis lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju dengannya.

Selepas persaraan tersebut, Pemegang Amanah yang akan bersara, tertakluk kepada kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, boleh melantik secara bertulis lain-lain syarikat yang layak yang sesuai yang diluluskan oleh Pengurus dan SC (sekiranya diperlukan) sebagai pemegang amanah baru bagi menggantikannya. Sekiranya Pengurus tidak mencadangkan syarikat pengurusan pengganti pada tarikh dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh cadangan persaraannya (atau

tarikh terkemudian sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin persetujui), Pemegang Amanah boleh melantik syarikat pengurusan baru pada tarikh cadangan persaraan.

Pengurus akan mengambil langkah-langkah munasabah untuk memecat dan menggantikan Pemegang Amanah dengan seberapa segera yang boleh selepas menyedari apa-apa keadaan sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 6.8 di bawah.

## **6.8. Kuasa Pengurus untuk memecat atau mengganti Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah boleh dipecat oleh Pengurus di bawah keadaan tertentu sebagaimana dinyatakan dalam Surat Ikatan yang termasuk peristiwa-peristiwa berikut:

- (i) sekiranya Pemegang Amanah tidak lagi wujud;
- (ii) sekiranya Pemegang Amanah dilantik secara tidak sah;
- (iii) sekiranya Pemegang Amanah gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan peruntukan atau waad Surat Ikatan atau mana-mana undang-undang terpakai;
- (iv) sekiranya Pemegang Amanah dibubarkan atau pembubaran sementara (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan pembentukan semula atau penggabungan atau beberapa tujuan yang serupa atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pengurus) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus, dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besar hartaanah Pemegang Amanah dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan atau sekiranya mana-mana beban telah mengambil milik mana-mana daripada asetnya;
- (v) sekiranya Pemegang Amanah berhenti menjadi pemegang amanah yang diluluskan di bawah peruntukan CMSA dan peraturan yang terpakai;
- (vi) sekiranya Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pemegang Amanah hendaklah dipecat;
- (vii) sekiranya Pemegang Amanah telah melanggar obligasinya kepada Pemegang-pemegang Unit dalam cara yang, pada pendapat munasabah Pengurus, merugikan Pemegang-pemegang Unit tersebut dan, dalam tempoh tertentu sebagaimana dinyatakan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pemegang Amanah, pelanggaran tersebut belum diremedikan; atau
- (viii) sekiranya Pemegang Amanah sedang disiasat bagi kelakuan yang bercanggah dengan Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang terpakai.

Dalam mana-mana alasan tersebut di atas, Pemegang Amanah buat masa ini hendaklah selepas menerima notis bertulis oleh Pengurus berhenti menjadi pemegang amanah dan Pengurus, tertakluk kepada apa-apa kelulusan yang diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, adalah berhak untuk melantik secara bertulis beberapa syarikat yang berkelayakan lain yang sesuai untuk menjadi pemegang amanah Dana dengan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas yang diluluskan pada mesyuarat yang diadakan selaras dengan Surat Ikatan.

Pelantikan pemegang amanah baru yang dikatakan tidak mempunyai kesan sehingga pemegang amanah baru menandatangani surat ikatan di bawah mana ia berwaad untuk bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan Surat Ikatan.

## **6.9. Penamatan Dana**

- 6.9.1 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan CMSA apabila berlakunya mana-mana peristiwa berikut:
- (i) sekiranya Pengurus telah dibubarkan, kecuali bagi tujuan pembentukan semula atau penggabungan atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pemegang Amanah dan pihak berkuasa berkenaan;
  - (ii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan; atau
  - (iii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah dengan merugikan Pemegang-pemegang Unit gagal untuk mematuhi peruntukan Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang berkenaan.

Atas Resolusi Khas untuk menamatkan Dana diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dipanggil oleh Pemegang Amanah selaras dengan Seksyen 6.9.1 (i), (ii) atau (iii) di atas, Pemegang Amanah hendaklah memohon kepada mahkamah bagi satu perintah yang mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

- 6.9.2 Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah atau Pengurus melalui notis secara bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit sekiranya Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA.

6.9.3 Tanpa mengambil kira Seksyen 6.9.1 dan 6.9.2 di atas, Dana boleh ditamatkan pada bila-bila masa melalui Resolusi Khas Pemegang-pemegang Unit dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh di mana Resolusi Khas diluluskan atau tarikh terkemudian (sekiranya ada) sebagaimana Resolusi Khas mungkin peruntukan.

## 6.10. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit

6.10.1 Pemegang Amanah atau Pengurus boleh masing-masing pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat Pemegang-pemegang Unit pada masa atau tempat tertentu di Malaysia sebagaimana pihak yang mengadakan mesyuarat mungkin fikirkan sesuai.

6.10.2 Pengurus hendaklah memanggil mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekiranya tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit, yang mana kurang, mengarahkan Pengurus untuk melakukan sedemikian secara bertulis dihantar kepada pejabat berdaftar Pengurus untuk tujuan:

- (i) menimbaangkan pernyataan kewangan terkini Dana;
- (ii) memberi Pemegang Amanah arahan tertentu sebagaimana mesyuarat fikirkan wajar; atau
- (iii) menimbaangkan mana-mana perkara lain yang berkaitan dengan Surat Ikatan.

6.10.3 Di mana mesyuarat diadakan untuk meluluskan:

- (i) Resolusi Biasa, sekurang-kurangnya notis empat belas (14) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan; atau
- (ii) Resolusi Khas, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan; atau
- (iii) di mana resolusi yang memerlukan kelulusan oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) daripada semua Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, sekurang-kurangnya notis dua puluh satu (21) hari (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.

Notis sedemikian hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit dengan cara berikut sebagaimana dibayangkan dalam Surat Ikatan:

- (i) secara bertulis kepada Pemegang Unit melalui surat yang dialamatkan kepada Pemegang Unit di alamat Pemegang Unit yang kelihatan dalam Daftar;
- (ii) melalui penerbitan dalam akhbar harian bahasa kebangsaan nasional dan dalam satu (1) akhbar lain sebagaimana mungkin diluluskan oleh SC; atau
- (iii) melalui lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan atau boleh diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan.

6.10.4 Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan hendaklah menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat am urusan untuk diuruskan dan terma-terma mana-mana resolusi yang akan dicadangkan di situ. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan mesyuarat diadakan oleh Pemegang Amanah. Pengurus atau Pemegang Amanah hendaklah menyiaran iklan yang memberikan notis berkenaan mengenai mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekurang-kurangnya dalam salah satu surat khabar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan dalam negara. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah diadakan tidak melewati (2) bulan selepas notis diberi di tempat dan masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.

6.10.5 Pada mana-mana mesyuarat, sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit hadir sendiri atau melalui proksi akan membentuk kuorum bagi mengurus urusan melainkan untuk tujuan meluluskan Resolusi Khas. Kuorum bagi meluluskan Resolusi Khas hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi yang didaftarkan sebagai memegang tidak kurang daripada dua puluh lima peratus (25%) Unit dalam terbitan dengan syarat bahawa sekiranya terdapat hanya lima (5) atau kurang daripada lima (5) Pemegang Unit, kuorum hendaklah kesemua Pemegang Unit buat masa itu. Tiada urusan boleh diuruskan pada mana-mana mesyuarat melainkan kuorum yang diperlukan hadir pada permulaan urusan.

- 6.10.6 Setiap Pemegang Unit (merupakan seorang individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (merupakan syarikat) hadir melalui salah seorang wakilnya atau melalui proksi, atas pengundian secara pol, akan mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang beliau atau ianya adalah Pemegang Unit dan kesemua undi kepada mana beliau atau ianya adalah berhak tidak perlu dibuang dalam cara yang sama.
- 6.10.7 Setiap Pemegang Unit akan berhak untuk hadir dan mengundi pada mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dan akan berhak untuk melantik orang lain (sama ada Pemegang Unit atau tidak) sebagai proksi beliau untuk hadir dan mengundi. Di mana Pemegang Unit adalah penama dibenarkan sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Depositori Pusat, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang ia pegang dengan Unit-unit berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut. Di mana Pemegang Unit melantik dua (2) proksi selaras dengan peruntukan ini, pelantikan akan menjadi tidak sah melainkan beliau menyatakan perkadaran pemegangan beliau untuk diwakili oleh setiap proksi. Proksi tersebut akan mempunyai hak yang sama seperti ahli untuk mengundi, untuk bercakap dan untuk dihitung dalam korum.
- 6.10.8 Mana-mana Pemegang Unit merupakan syarikat boleh melalui resolusi para pengaruhnya atau badan mentadbir lain memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai wakilnya pada mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan orang yang diberi kuasa sedemikian hendaklah pada mesyuarat tersebut menjadi berhak untuk melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat sebagaimana syarikat mungkin laksanakan seolah-olah ia adalah Pemegang Unit individu.
- 6.10.9 Dalam hal persamaan undi pengurus mesyuarat Pemegang Unit hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya (sekiranya ada) sebagai Pemegang Unit.
- 6.10.10 Setiap soalan yang timbul pada mesyuarat agung Pemegang-pemegang Unit hendaklah diputuskan melalui pengundian secara pol.
- 6.10.11 Ke atas mana-mana soalan yang diputuskan melalui pengundian secara pol, setiap Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan mempunyai satu (1) undi bagi setiap Unit yang dibayar sepenuhnya.

## **7. MENGENAI PENGURUS**

### **7.1. Maklumat Korporat**

Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 201801020486 (1282505-P)) ("Value Partners Malaysia") telah diperbadankan pada 5 Jun 2018 di Kuala Lumpur dan merupakan anak syarikat milik penuh Value Partners Group Limited ("Kumpulan Value Partners"), syarikat pengurusan pelaburan bebas (tidak disokong oleh bank) yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong (kod saham: 806 HK).

Value Partners Malaysia memanfaatkan kepakaran yang cukup lama Kumpulan Value Partners dalam membangunkan produk-produk pelaburan untuk pelabur-pelabur di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara. Ia memegang lesen perkhidmatan pasaran modal bagi pengurusan dana di bawah CMSA dan memberi tumpuan dalam menguruskan aset-aset merentasi strategi-strategi pelaburan terpelbagai meliputi ekuiti, pendapatan tetap, penyelesaian pelaburan kuantitatif, aset-berbilang dan alternatif bagi pelabur-pelabur, kedua-dua institusi dan jualan borong. Ia dilesenkan untuk mengurus portfolio pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada ETF, bagi syarikat insurans, institusi kewangan, dana pencen, syarikat amanah saham, syarikat dan institusi kerajaan di Malaysia. Ia mengkhusus dalam strategi ekuiti di tanah besar China, semua strategi ekuiti China, strategi ekuiti Asia ex Jepun, strategi hasil tinggi China dan dana dagangan bursa yang inovatif.

Kumpulan Value Partners adalah salah satu pengurus aset bebas yang terkemuka di Asia dengan aset di bawah pengurusan sebanyak US\$13.2 bilion (pada LPD) meliputi portfolio ekuiti, pendapatan tetap, ETF, alternatif dan aset-berbilang. Pengurusan pelaburan adalah perniagaan terasnya, beribu pejabat di Hong Kong, dengan pejabat di Shanghai, Shenzhen, Kuala Lumpur, Singapura dan London menyediakan penyelidikan dan pengkhidmatan pelanggan. Kumpulan Value Partners juga mempunyai pejabat perwakilan di Beijing. Kumpulan Value Partners menerima pakai pendekatan pelaburan asas dengan sekitar 70 profesional pelaburan yang memberi tumpuan kepada pelaburan di Tanah Besar China dan Asia ex Jepun, yang mengendalikan lebih 6,500 mesyuarat usaha wajar setahun, yang telah menghasilkan lebih daripada 230 anugerah prestasi yang membanggakan dan hadiah yang dimenangi sejak ditubuhkan pada 1993.

### **7.2. Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Pengurus**

Peranan, tugas dan tanggungjawab Pengurus termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- mematuhi standard integriti yang tinggi dan berurusan secara adil dalam menguruskan Dana demi kepentingan terbaik dan eksklusif Pemegang-pemegang Unit;
- memastikan bahawa pelaburan dan lain-lain aset Dana adalah jelas dikenal pasti, dilindungi secukupnya dan diasangkan dengan betul;
- menguruskan Aset dan Liabiliti Dana bagi faedah Pemegang-pemegang Unit;
- menjalankan dan mengendalikan kegiatan perniagaannya dalam cara yang teratur dan berhemah dan mengurus dan mentadbir Dana dalam cara yang teratur, berhemah dan cekap selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang terpakai pada sepanjang masa;
- mengeluarkan laporan tahunan Dana kepada Pemegang-pemegang Unit dalam tempoh dua (2) bulan dari tempoh yang diliputi;
- memastikan bahawa Dana diurus dalam ruang lingkup Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, Garis Panduan ETF dan lain-lain undang-undang terpakai; dan
- memastikan bahawa Surat Ikatan dan Prospektus mematuhi CMSA, undang-undang sekuriti, garis panduan berkenaan dan lain-lain undang-undang terpakai pada sepanjang masa.

### **7.3. Lembaga Pengarah**

Lembaga pengarah bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan Pengurus dan dananya. Lembaga pengarah akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya timbul keperluan.

## **Ahli-ahli Lembaga Pengarah:**

### **Cik Durraini binti BAHARUDDIN** (berusia 37 tahun pada LPD)

Cik Durraini BAHARUDDIN adalah Pengarah Urusan Perniagaan Malaysia, Value Partners Malaysia, anak syarikat milik penuh Kumpulan Value Partners. Beliau bertanggungjawab mengetuai inisiatif pembangunan produk untuk Value Partners Malaysia dan rantau ini, dan untuk membina perniagaan institusi Value Partners di Malaysia, Brunei, Indonesia dan Timur Tengah.

Cik BAHARUDDIN menyertai Value Partners Malaysia pada November 2018. Beliau mempunyai lebih 14 tahun pengalaman dalam industri pengurusan aset, di mana beliau telah memegang pelbagai peranan daripada pengurusan pelaburan (ekuiti), penubuhan pejabat global, perasionalan operasi dan pembangunan perniagaan merangkumi kelas aset termasuk ekuiti, pendapatan tetap dan pelaburan alternatif.

Seorang peguam mengikut latihan, Cik BAHARUDDIN telah membina pengalamannya dalam pengurusan aset semasa beliau bersama Permodalan Nasional Berhad (“PNB”), salah sebuah syarikat amanah saham terbesar di Malaysia. Di bawah organisasi yang sangat disanjungi ini, Cik BAHARUDDIN mengurus mandat ekuiti ASEAN dan Asia Pasifik, disamping melakukan penyelidikan pelaburan ke dalam sektor konsumen dan perladangan global dan serantau. Beliau juga ditugaskan untuk menubuhkan Pejabat Global PNB dan menamatkan tugasnya dengan PNB di pejabat Singapura pada 2016.

Cik BAHARUDDIN telah meningkatkan lagi pengalaman pengurusan aset beliau dengan mengambil peranan Jualan Institusi dengan sebuah syarikat pengurusan aset global, di mana beliau membantu menaikkan aset merentasi mandat ekuiti dan pendapatan tetap dan memberi khidmat kepada klien institusi utama di Malaysia.

Cik BAHARUDDIN tamat pengajian daripada *King's College London* dengan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian). Beliau kemudian dipanggil ke *English Bar* sebagai *Barrister-at-Law* dan merupakan ahli *Lincolns Inn*. Beliau memiliki ijazah Sarjana dalam Sarjana Kewangan Gunaan daripada Kaplan Professional, Australia. Beliau juga adalah pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal.

### **En. HO Man Kei, Norman, CFA** (berusia 54 tahun pada LPD)

En. Norman HO adalah Pengarah Pelaburan Kanan Kumpulan Value Partners. Beliau adalah ketua dalam proses pelaburan Kumpulan Value Partners, dan mempunyai tanggungjawab yang tinggi ke atas pengurusan portfolio.

En. HO mempunyai lebih 31 tahun pengalaman dalam industri pengurusan aset dan kewangan, dengan rekod prestasi yang kukuh dalam penyelidikan dan pengurusan portfolio. En. HO menyertai Kumpulan Value Partners pada November 1995. Beliau telah dinaikkan pangkat ke peranan Pengarah Pelaburan dan Pengarah Pelaburan Kanan, masing-masing pada 2010 dan Januari 2014 masing. Sebelum menyertai Kumpulan Value Partners, beliau adalah Eksekutif di Dao Heng Securities Limited dan memulakan kerjayanya dengan *Ernst & Young*.

En. HO adalah ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Value Partners, dan juga pengarah kepada anak-anak syarikat tertentu Kumpulan Value Partners.

En. HO tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Sosial (jurusan Kajian Pengurusan) daripada *The University of Hong Kong*. Beliau adalah pemegang piagam *Chartered Financial Analyst* (“CFA”).

### **En. TSANG Tak Ming, Wallace, CFA** (berusia 44 tahun pada LPD)

En. Wallace TSANG adalah Pengarah Urusan, Ketua Serantau Perniagaan Perantaraan Asia Pasifik Kumpulan Value Partners, di mana beliau bertanggungjawab untuk mengawasi pengurusan dan pembangunan perniagaan pengagihan dana di kawasan Asia Pasifik.

En. TSANG mempunyai lebih 20 tahun pengalaman merangkumi industri pengurusan aset dan perkhidmatan pelaburan. Beliau menyertai Kumpulan Value Partners pada Julai 2008 sebagai Pengurus Jualan Kanan dan telah dilantik sebagai Pengarah Urusan, Perniagaan Perantaraan, pada 2012. Pada Disember 2019, beliau telah dilantik ke jawatan semasa beliau. Di bawah kepimpinan beliau, beliau telah membantu syarikat memperluaskan jangkaunya ke dalam pasaran perantaraan dan industri perbankan swasta.

Sebelum menyertai Kumpulan Value Partners, En. TSANG bekerja di Pioneer Investment Management meliputi perniagaan pengagihan dana kawasan Asia Utara. Beliau juga memperoleh pengalaman berharga di Citibank Hong Kong sebagai Perunding Pelaburan Citigold dan beberapa syarikat pengurusan kekayaan.

En. TSANG telah menjadi ahli Jawatankuasa Eksekutif *Hong Kong Investment Funds Association* (“HKIFA”) sejak September 2018.

En. TSANG memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Sains Alam Sekitar daripada *The Chinese University of Hong Kong*. Beliau adalah pemegang piagam CFA.

### **En. LEE Siang Korn @ LEE Siang Chin (berusia 72 tahun pada LPD)**

En. LEE Siang Korn @ LEE Siang Chin telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Value Partners Malaysia sejak 29 Mac 2019.

Sebelum ini, En. LEE adalah pengarah bukan eksekutif bebas Kumpulan Value Partners Group dan beliau berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas untuk Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Public Limited Company (sebuah syarikat disenaraikan di Bursa Saham Thailand), Star Media Group Bhd (sebuah syarikat disenaraikan di Bursa Securities) dan Tune Insurance Malaysia Bhd. Beliau juga berkhidmat sebagai pengarah bukan eksekutif bebas untuk Hilong Holding Ltd. (sebuah syarikat disenaraikan di *The Stock Exchange of Hong Kong Limited*), Pertubuhan Keselamatan Sosial Malaysia, dan ahli panel pelaburannya. En. LEE sebelum ini berkhidmat masing-masing sebagai pengurus dan pengarah urusan Surf88.com Sdn Bhd dan AmSecurities Sdn Bhd. Beliau juga pernah bekerja di jabatan kewangan korporat bank pelaburan terkemuka di London, Sydney dan Kuala Lumpur. Selain itu, En. LEE pernah memegang beberapa jawatan awam. Beliau pernah menjadi ahli lembaga Bursa Saham Kuala Lumpur dan Presiden Persatuan Syarikat Broker Saham di Malaysia.

En. LEE menjadi ahli Institut Akauntan Awam Diperakui Malaysia pada 1975, dan ahli *Fellow* Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales pada 1979.

### **Datuk Mohd Nasir bin ALI (berusia 63 tahun pada LPD)**

Datuk Mohd Nasir bin Ali telah dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif bebas Value Partners Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. sejak 24 Julai 2019.

Beliau adalah bekas Pengurus Amanah Raya Berhad dari Oktober 2018 hingga Mei 2020. Beliau juga adalah bekas Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu (M) Berhad dari Oktober 2000 sehingga beliau bersara daripada jawatan tersebut pada Jun 2014.

Sebelum beliau bertugas di Utusan Melayu, beliau adalah Pengarah Eksekutif/ Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur City Securities Sdn. Bhd.; Pengurus Besar, Urusan & Penyelidikan dengan Mayban Securities Sdn. Bhd.; Pengurus Pelaburan dengan BBMB Unit Trust Management Berhad; Eksekutif Kewangan & Pemasaran Kanan, Amanah Saham Nasional Berhad; dan Eksekutif Pelaburan dengan Permodalan Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam industri amanah saham, pengurusan pelaburan dan pembrokeran saham.

Selain daripada jawatan pengaruhnya dalam lembaga E.A Technique (M) Berhad yang tersenarai di *Bursa Securities*, beliau juga merupakan pengarah MIDF Amanah Investment Bank Bhd., Goodyear Malaysia Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad.

Beliau tamat pengajian daripada Universiti Malaya pada 1980 dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian). Pada 1988, beliau tamat pengajian daripada University of Strathclyde, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Sains (Pengajian Kewangan).

## **7.4. Personel Penting & Pengurus yang Dilantik**

### **Personel Penting:**

**Cik Durraini binti BAHARUDDIN,**  
Pengarah Urusan Perniagaan Malaysia, Value Partners Malaysia  
Rujuk kepada Seksyen 7.3 di atas.

### **Pengurus Dana yang Dilantik:**

**En. Muhammad Kamal bin MUSTADZA, CFA, CAIA, FRM, CPIF**  
Pengurus Portfolio, Value Partners Malaysia

En. Kamal MUSTADZA menyertai Value Partners Malaysia pada April 2019. Beliau mempunyai lebih 9 tahun pengalaman dalam industri pelaburan, mengkhusus dalam pengurusan portfolio ekuiti. Beliau sebelum ini adalah pengurus pelaburan di Pertubuhan Keselamatan Sosial, mengetuai pasukan ekuiti asing. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Great Eastern Life Assurance (Malaysia) dan merupakan pengurus dana PNB, dengan pendedahan yang terpelbagai dalam pengurusan dana dalam kedua-dua ruang konvensional dan Syariah, dengan tumpuan geografi berkisar dari dalam negara hingga serantau.

En. MUSTADZA tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda dalam Perniagaan Sarjana Muda (Ekonomi dan Kewangan) daripada University of Melbourne, dan tamat Program Profesional Kewangan Islam Bertauliah daripada Pusat Antarabangsa bagi Pendidikan dalam Kewangan Islam

(INCEIF) di Kuala Lumpur. Beliau adalah pemegang piagam CFA, Juruanalisis Pelaburan Alternatif Berkanun, Pengurus Risiko Kewangan dan Profesional Berkanun dalam Kewangan Islam. Beliau juga merupakan pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal.

### **7.5. Litigasi dan Timbang Tara Material**

Pada LPD, Pengurus tidak terlibat dalam mana-mana litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak menyedari tentang sebarang fakta yang berkemungkinan membawa kepada timbulnya mana-mana prosiding yang mungkin secara material menjelaskan perniagaan/ kedudukan kewangan Pengurus.

### **7.6. Pemegang Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana**

Memandangkan Dana hanya ditubuhkan pada tarikh Prospektus ini, tidak ada pemegang saham utama, pengarah atau personel penting Pengurus mempunyai apa-apa pemegangan Unit langsung dan tidak langsung dalam Dana.

Pemegang-pemegang saham utama, para pengarah atau personel penting Pengurus boleh memegang Unit, langsung atau tidak langsung, dalam Dana selepas Penyenaraian Dana.

### **7.7. Pengurus sub-pelaburan**

Pengurus telah melantik Value Partners Hong Kong Limited sebagai Pengurus Sub-pelaburan Dana untuk menguruskan Dana bersama dengan Pengurus.

Pengurus Sub-pelaburan telah diperbadankan di Hong Kong pada 10 Mei 1999 dan memulakan operasi semasanya pada Januari 2008. Ia didedikasikan untuk falsafah melabur dalam sekuriti "nilai" dan menumpukan kepakaran pelaburannya di pasaran Asia, terutamanya rantau Tanah Besar China. Menggunakan pendekatan bawah ke atas yang berdisiplin, Pengurus sub-pelaburan menggunakan analisa asas untuk mencari kedudukan terkurang nilai.

Value Partners Hong Kong Limited dilesenkan oleh *Securities and Futures Commission* di Hong Kong. Peranan dan tanggungjawab Pengurus sub-pelaburan termasuk menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan berhubung dengan Dana selaras dengan Surat Ikatan, Prospektus dan undang-undang berkenaan.

#### **Pengurus Dana Yang Dilantik:**

##### **En. HUI Kiu Tat, John, CFA**

Penolong Pengurus Portfolio, Penyelesaian Pelaburan Kuantitatif, Value Partners Hong Kong Limited

En. John HUI menyertai Value Partners Hong Kong Ltd pada Jun 2010 sebagai penganalisis kuantitatif selama lebih kurang 3 tahun dan menyertai semula syarikat pada November 2016. Semasa ini, beliau adalah Penolong Pengurus Portfolio, Penyelesaian Pelaburan Kuantitatif.

En. HUI terlibat dalam operasi dan pengurusan portfolio dana-dana dagangan bursa syarikat, termasuk ETF emas fizikal. Sebelum penyertaan semula ke Value Partners Hong Kong Ltd, beliau adalah penganalisis kuantitatif di Pejabat APAC CIO BNP Paribas Investment Partners dari Mac 2013 hingga November 2016, di mana beliau bertanggungjawab untuk penyelidikan kuantitatif dan untuk menyokong pengurusan mandat pasif yang menjelaskan Indeks CSI300.

En. HUI tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (jurusan Sistem Informasi) daripada *The University of Hong Kong*. Beliau adalah pemegang piagam CFA.

#### **Litigasi dan Timbang Tara Material**

Pada LPD, Pengurus Sub-pelaburan tidak terlibat dalam mana-mana litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak menyedari tentang sebarang fakta yang berkemungkinan membawa kepada sebarang prosiding yang mungkin menjelaskan secara material perniagaan/ kedudukan kewangan Pengurus Sub-pelaburan.

**Maklumat mengenai Pengurus, Pengurus Sub-pelaburan dan Penasihat Syariah, dan apa-apa perubahan seterusnya kepada maklumat sedemikian boleh didapati daripada laman web Dana.**

## **8. MENGENAI PEMEGANG AMANAH**

### **8.1. Maklumat Korporat**

CIMB Islamic Trustee Berhad (“**CITB**”) telah diperbadankan pada 19 Januari 1988 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949 dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

### **8.2. Pengalaman Pemegang Amanah**

CITB telah terlibat dalam industri amanah saham sebagai pemegang amanah sejak 1990. Ia bertindak sebagai pemegang amanah kepada beberapa dana amanah saham, amanah pelaburan harta tanah, dana jualan borong, skim persaraan persendirian dan dana dagangan bursa.

### **8.3. Tugas dan Tanggungjawab**

Fungsi utama CITB adalah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian Aset-aset Dana dan untuk melindungi kepentingan Pemegang-pemegang Unit Dana. Dalam melaksanakan fungsi ini, Pemegang Amanah hendaklah berhati-hati dan berjaga-jaga dan diperlukan bertindak mengikut peruntukan Surat Ikatan berkenaan, CMSA, Garis Panduan ETF dan semua undang-undang berkenaan.

### **8.4. Wakil Pemegang Amanah**

CITB telah mewakilkan fungsi kustodiannya kepada CIMB Islamic Bank Berhad (“**CIMB Islamic Bank**”). Syarikat pemegangan utama CIMB Islamic Bank adalah CIMB Group Holdings Berhad, sebuah syarikat disenaraikan di *Bursa Securities*. CIMB Islamic Bank menyediakan perkhidmatan kustodian penuh, biasanya penjelasan penyelesaian dan penyimpanan semua jenis aset dan kelas pelaburan, kepada keratan rentas pelabur dan pangkalan klien pengantara, dalam negeri dan luar negara.

Bagi aset Ringgit Malaysia tempatan, ia dipegang melalui anak syarikat nomini milik penuhnya, CIMB Islamic Nominees (Tempatan) Sdn Bhd. Bagi aset bukan Ringgit Malaysia asing, CIMB Islamic Bank melantik kustodian global sebagai ejennya untuk menjelaskan, menyelesaikan dan menyimpannya bagi pihaknya dan atas arahannya.

Semua pelaburan secara automatik didaftarkan atas nama kustodian mengikut arahan Pemegang Amanah. CIMB Islamic Bank bertindak hanya selaras dengan arahan daripada Pemegang Amanah.

### **8.5. Litigasi dan Timbang Tara Material**

Pada LPD, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam apa-apa litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak menyedari tentang sebarang fakta yang berkemungkinan membawa kepada sebarang prosiding yang mungkin menjelaskan secara material perniagaan atau kedudukan kewangan Pemegang Amanah.

### **8.6. Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah menyatakan kesanggupannya untuk memikul jawatan sebagai pemegang amanah Dana dan semua obligasi selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan semua undang-undang berkenaan.

## **9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

### **9.1. Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Berpotensi**

#### **9.1.1. Pengurus**

Pengurus dan setiap pengaruhnya akan pada sepanjang masa bertindak demi kepentingan terbaik Pemegang-pemegang Unit Dana dan tidak akan bertindak dalam apa-apa cara yang akan mengakibatkan percanggahan kepentingan atau percanggahan kepentingan berpotensi. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan kepentingan yang berkemungkinan akan timbul, percanggahan sedemikian akan diselesaikan sehingga Dana tersebut tidak dirugikan.

Dalam keadaan yang berkemungkinan tidak berlaku, sekiranya Pengurus menghadapi percanggahan berhubung dengan tugasnya kepada Dana dan tugasnya kepada lain-lain dana pelaburan yang diuruskannya, Pengurus wajib untuk bertindak demi kepentingan terbaik semua pelaburnya dan akan berusaha untuk menyelesaikan sebarang percanggahan secara adil dan selaras dengan Surat Ikatan.

Dana akan berurusan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Pengurus. Pihak-pihak berkaitan adalah Value Partners Hong Kong Limited (“**VPHK**”) dan Value Partners Limited (“**VPL**”). VPHK, VPL, dan Pengurus akhirnya dimiliki oleh Value Partners Group Limited, sebuah syarikat diperbadankan di Cayman Islands dan disenaraikan di *The Stock Exchange of Hong Kong Limited*.

#### **9.1.2. Pemegang Amanah**

CIMB Islamic Trustee Berhad adalah pemegang amanah Dana. Di mana berkenaan, mungkin terdapat urus niaga pihak berkaitan dicadangkan dan/atau percanggahan kepentingan melibatkan atau berhubung dengan Dana in dalam peristiwa-peristiwa berikut:

- (a) di mana Dana melabur dalam instrumen-instrument yang ditawarkan Kumpulan CIMB; dan
- (b) di mana aset-aset Dana dikustodi oleh Kumpulan CIMB keduanya sebagai sub-kustodian Dana ini (iaitu wakil Pemegang Amanah).

### **9.2. Percanggahan Kepentingan**

Pada LPD, kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 9.1 dan 9.6, Pengurus tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud yang membawa kepada keadaan percanggahan kepentingan berpotensi dalam keupayaannya sebagai pengurus kepada Dana.

### **9.3. Polisi-polisi mengenai Berurusan dengan Keadaan Percanggahan Kepentingan**

#### **9.3.1. Pengurus**

Pengurus mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani sebarang keadaan percanggahan kepentingan. Dalam membuat urus niaga pelaburan bagi Dana, Pengurus tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya dalam menguruskan Dana untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kelebihan atau menyebabkan kerugian kepada kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Di mana kepentingan para pengarah mungkin bercanggah dengan Dana, mereka tidak boleh mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan yang berkaitan dengan perkara tersebut. Kaktangan Pengurus perlu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada jabatan pematuhan kumpulan sebelum berurusan dalam sebarang bentuk sekuriti. Semua urus niaga dengan pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang paling baik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana berbanding urus niaga terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas.

#### **9.3.2. Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani sebarang keadaan percanggahan kepentingan, sekiranya ada. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya sebagai pemilik berdaftar Aset-aset Dana untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kelebihan atau menyebabkan kerugian kepada kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Sebarang urus niaga pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang paling baik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana berbanding urus niaga terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada peraturan di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat-syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau memasuki mana-mana kontrak atau urus niaga antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan bagi manfaatnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga atau bertindak dengan kapasiti yang sama atau yang serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

#### **9.4. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa**

Pada LPD, kecuali bagi yang berikut, tidak ada pengarah Pengurus mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung dalam syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan Pengurus:

- Encik Lee Siang Korn @ Lee Siang Chin adalah pemegang saham Value Partners Group Limited dan mempunyai kepentingan tidak langsung dalam syarikat bukan Malaysia dalam kumpulan syarikat-syarikat Value Partners yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan Pengurus.

#### **9.5. Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang-pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa**

Pada LPD, Value Partners Group Limited, pemegang saham tunggal Pengurus mempunyai kepentingan langsung dan tidak langsung dalam syarikat-syarikat bukan Malaysia berikut dalam kumpulan syarikat-syarikat Value Partners yang menjalankan perniagaan yang serupa dengan Pengurus:

- Value Partners Hong Kong Limited
- Value Partners Limited
- Sensible Asset Management Limited
- Sensible Asset Management Hong Kong Limited
- Value Partners Private Equity Limited
- Value Partners Asset Management Singapore Pte. Ltd.
- Value Partners Fund Management (Shanghai) Limited
- Value Partners Investment Management (Shanghai) Limited
- Value Partners Private Equity Investment (Shen Zhen) Limited

#### **9.6. Perisyiharan Percanggahan Kepentingan pada LPD**

- (i) CIMB Islamic Trustee Berhad mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud yang membawa kepada kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya bertindak sebagai pemegang amanah berhubung dengan Dana.
- (ii) Amanie Advisors Sdn Bhd mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud yang membawa kepada kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya bertindak sebagai pemegang amanah berhubung dengan Dana.
- (iii) PricewaterhouseCoopers PLT mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud yang membawa kepada kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya bertindak sebagai juruaudit berhubung dengan Dana.
- (iv) PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud yang membawa kepada kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya bertindak sebagai penasihat cukai berhubung dengan Dana.
- (v) Tetuan Wei Chien & Partners telah mengesahkan bahawa pada LPD, ia tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau kemungkinan akan wujud yang membawa kepada kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya bertindak sebagai peguam cara berhubung dengan Dana.

## 10. PENGUMUMAN SYARIAH



### PENGUMUMAN SYARIAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Besar Maha Pengasih Maha Penyayang, dan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga dan semua sahabat baginda

#### VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF

#### CADANGAN PENUBUHAN DANA MEMATUHI SYARIAH DAGANGAN BURSA DIKENALI SEBAGAI “VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF” (“DANA”)

Kami, Amanie Advisors Sdn Bhd, sebagai Penasihat Syariah bagi cadangan Dana Mematuhi Syariah Dagangan Bursa (ETF) dikenali sebagai VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF (“Dana”) diuruskan oleh Value Partners Asset Management Malaysia Sdn. Bhd. (“VPAMSB” atau “Pengurus”), telah mengkaji struktur dan mekanisme Dana untuk memastikan pematuhan dengan prinsip-prinsip Syariah.

Selain yang ditakrifkan dalam Pengumuman Syariah ini, terma-terma ditakrifkan yang digunakan dalam Pengumuman Syariah ini mempunyai maksud yang sama yang diberi dalam dokumen-dokumen berkenaan bagi permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti (“SC”) bertarikh 23 September 2019 yang dikemukakan oleh Value Partners Asset Management Malaysia Sdn. Bhd (“Prospektus”).

#### 1.0 Struktur dan Mekanisme

Dana akan ditawarkan dan akan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) berdasarkan struktur dan mekanisme sebagaimana dikemukakan di bawah:

##### 1.1 Keterangan Ringkas

Perkara	Keterangan Ringkas
Name Dana	VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF
Kategori Dana	Dana dagangan bursa ekuiti Islam
Jenis Dana	Dana penjejakkan indeks
Saiz Dana Awal Diluluskan	4,000,000,000 Unit
Mata Wang Asas	MYR
Penanda Aras	<i>DJIM China A-Shares 100 Index</i>
Objektif Pelaburan	Dana bertujuan untuk memberikan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Penanda Aras.
Strategi Pelaburan	Pengurus akan menggunakan strategi utama berbentuk replikasi penuh melalui pelaburan dalam Saham-A patuh Syariah yang dimasukkan dalam Penanda Aras dalam pewajaran yang sebahagian besarnya sama dalam mana iaanya dimasukkan dalam Penanda Aras untuk menjelaskan prestasi Penanda Aras melalui <i>Stock Connects</i> .  Walau bagaimanapun, sekiranya Pengurus percaya bahawa teknik replikasi penuh bukan kaedah yang paling cekap untuk menjelaskan Penanda Aras, Pengurus boleh menggunakan strategi pensampelan representatif. Di bawah strategi pensampelan representatif, Pengurus akan melabur dalam sampel representatif sekuriti patuh Syariah yang terdiri daripada Sekuriti Indeks dan Sekuriti bukan Indeks yang dipilih oleh Pengurus menggunakan, antara lain, model analisis kuantitatif dalam teknik yang dikenali sebagai “pensampelan portfolio”. Sekuriti bukan Indeks terpilih akan mempunyai hubung kait yang

Perkara	Keterangan Ringkas
	<p>tinggi (iaitu koefisien hubung kait positif sekurang-kurangnya 0.7) dengan satu atau lebih Sekuriti Indeks untuk digantikan, dan di mana ia dijangka mencerminkan prestasi Sekuriti Indeks untuk diganti, Pengurus akan memastikan Sekuriti bukan Indeks untuk dipilih telah melepas saringan Syariah yang perlu.</p> <p>NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam untuk memenuhi keperluan kecairan.</p>
<b>Peruntukan Aset</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sekurang-kurangnya 90% daripada NAV Dana akan dilaburkan dalam Sekuriti yang Dibenarkan.</li> <li>• NAV Dana selebihnya boleh dilaburkan dalam skim pelaburan kolektif Islam, instrumen pasaran wang Islam dan/atau deposit Islam.</li> </ul>
<b>Polisi Pengagihan Pendapatan</b>	Dana mungkin mengagihkan pendapatan atas dasar sampingan.

#### **Objektif Pelaburan**

- 1.2 Dana dagangan bursa Islam yang bertujuan untuk memberikan hasil pelaburan yang hampir sepadan dengan prestasi Penanda Aras.
- 1.3 Dana hanya boleh dilabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan di bawah Pelaburan yang Dibenarkan seperti yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Pelaburan Syariah yang dikeluarkan untuk Dana sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus.

#### **Pembentukan Penanda Aras**

- 1.4 Konstituen Penanda Aras hendaklah dipilih daripada sejagat sekuriti yang membentuk indeks mendasari (*Dow Jones Islamic Market China A Index*), keduanya adalah tertakluk pada Metodologi Indeks Pasaran Islam Dow Jones.
- 1.5 Selaras dengan Metodologi Indeks Pasaran Islam Dow Jones, *S&P Dow Jones Indices* akan menyaring konstituen Penanda Aras berdasarkan kriteria berikut:

##### **(a) Saringan Berasaskan Sektor**

Pendapatan syarikat-syarikat (secara kumulatif) daripada sumber tidak suci berikut tidak boleh melebihi 5% daripada hasil:

- Alkohol;
- Tembakau;
- Produk-produk berkaitan babi;
- Perkhidmatan kewangan konvensional (perbankan, insurans, dll.);
- Senjata dan pertahanan; dan/atau
- Hiburan (hotel, kasino/ perjudian, panggung wayang, bahan lucah, muzik, dll.)

Syarikat-syarikat diklasifikasikan sebagai *Kewangan* (berdasarkan Sistem Klasifikasi Sektor Proprietari Dow Jones) adalah dianggap layak sekiranya syarikat diperbadankan sebagai institusi kewangan Islam, seperti:

- Bank-bank Islam; dan/atau
- Syarikat-syarikat insurans Takaful

Syarikat-syarikat diklasifikasikan sebagai *Harta Tanah* (berdasarkan Sistem Klasifikasi Sektor Proprietari Dow Jones) adalah dianggap layak sekiranya operasi dan hartanah syarikat adalah perniagaan yang dijalankan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

##### **(b) Saringan Berasaskan Perakaunan**

Syarikat-syarikat dengan tahap hutang yang tidak boleh diterima atau pendapatan faedah tidak suci dianggap tidak patuh Syariah dan akan dikeluarkan daripada Penanda Aras. Bagi syarikat untuk dianggap patuh Syariah, setiap daripada tiga (3) nisbah kewangan berikut bagi syarikat tersebut mestilah kurang daripada 33%:

- Jumlah hutang dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan;
- Jumlah tunai syarikat dan sekuriti menanggung faedah dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan; dan
- Akaun penghutang dibahagi dengan purata pasaran permodalan sepanjang 24 bulan

Syarikat-syarikat dianggap mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melebihi nisbah maksimum bagi mana-mana saringan berdasarkan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal dipatuhi sekiranya nisbah dalam dua (2) mata peratus maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya ia adalah di antara 33% hingga 35%). Walau bagaimanapun, sekiranya maksimum dilanggar bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut syarikat-syarikat akan dianggap tidak mematuhi Syariah. Sekiranya mana-mana nisbah adalah di atas had penimbang dua (2) mata peratusan (iaitu lebih daripada 35%), syarikat dianggap tidak mematuhi Syariah dengan serta merta.

Syarikat-syarikat dianggap tidak mematuhi Syariah pada tempoh penilaian terdahulu yang melepas semua saringan berdasarkan perakaunan pada tempoh penilaian semasa kekal tidak dipatuhi sekiranya mana-mana nisbah adalah dua (2) mata peratusan maksimum yang dibenarkan (iaitu sekiranya ia adalah di antara 31% hingga 33%). Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat-syarikat memenuhi semua saringan berdasarkan perakaunan bagi tiga (3) tempoh penilaian berturut-turut syarikat-syarikat akan dianggap mematuhi Syariah. Sekiranya semua saringan berdasarkan perakaunan adalah di bawah had penimbang dua (2) mata peratusan (iaitu lebih rendah daripada 31%), syarikat dianggap tidak mematuhi Syariah dengan serta merta.

### **Pelaburan yang Dibenarkan**

1.6 Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaburan Syariah dalam Prospektus, Dana hanya boleh dilabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan seperti berikut:

- **Sekuriti Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk Penanda Aras.

- **Sekuriti Bukan Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk indeks mendasari.

Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat yang bukan konstituen Penanda Aras dan/atau indeks mendasari, metodologi saringan pematuhan Syariah sebagaimana dikemukakan dalam Perkara 1.5 adalah diterima pakai oleh Penasihat Syariah dalam menentukan status Syariah pelaburan Dana. Dalam hal ianya tidak berkenaan untuk berbuat demikian atau apabila timbul batasan, Penasihat Syariah, selepas berbincang dan berunding dengan Pengurus, akan mengkaji semula dan menentukan status Syariah sekuriti tersebut selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah.

- **Skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing sebagaimana diperakui oleh penasihat Syariah yang dilantik bagi skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing.

- **Instrument pasaran wang Islam**

Dana juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh SAC BNM atau Penasihat Syariah.

- **Deposit Islam**

Dana dilarang melabur dalam deposit berfaedah dan mengiktiraf sebarang pendapatan faedah.

### **Terma-terma dan ciri-ciri lain**

1.7 Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk menebus Unit-unit secara Penebusan Tunai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada sebagai tukaran bagi Jumlah Penebusan Sebenar melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian.

1.8 Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan boleh dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian pada mana-mana Hari Urus Niaga. Sekiranya Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan diterima pada hari yang bukan Hari Urus Niaga atau yang diterima selepas Tarikh Akhir Permohonan suatu Hari Urus Niaga, Permohonan sedemikian akan dianggap sebagai telah diterima pada Hari Urus Niaga yang berikut.

1.9 Pembentukan Unit-unit oleh pelabur-pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian adalah apabila bayaran dibuat oleh pelabur (melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian) bagi Pembentukan Tunai Unit-unit baru melalui bayaran Anggaran Jumlah Pembentukan pada Hari Urus Niaga. Begitu juga, penebusan Unit-unit oleh pemegang-pemegang Unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian akan selesai dilaksanakan dalam cara yang sama, iaitu penebusan Unit-unit hanya akan dibuat atau diterima pada Hari Urus Niaga.

1.10 Dana akan mematuhi dengan ketat Garis Panduan Pelaburan Syariah yang meliputi pelaburan Dana serta hal-hal operasi dan pentadbiran daripada perspektif Syariah berhubung dengan Dana.

## 2.0 **Pematuhan Syariah**

Berdasarkan kajian kami dalam proses hujung-ke-hujung Dana, di bawah adalah pematuhan Dana dengan peraturan dan prinsip Syariah seperti yang dipandu oleh SAC SC.

### 2.1 **Pelaburan yang Dibenarkan bagi ETF Islam**

#### **Pelaburan yang Dibenarkan**

Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan Pelaburan Syariah dalam Prospektus, Dana hanya boleh dilabur dalam sekuriti dan instrumen kewangan seperti berikut:

- **Sekuriti Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk Penanda Aras.

- **Sekuriti Bukan-Indeks**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan dibuat oleh Dana dalam syarikat-syarikat yang membentuk indeks mendasari.

Walau bagaimanapun, bagi syarikat-syarikat yang bukan konstituen Penanda Aras dan/atau indeks mendasari, metodologi saringan pematuhan Syariah sebagaimana dikemukakan dalam Perkara 1.5 di atas adalah diterima pakai oleh Penasihat Syariah dalam menentukan status Syariah pelaburan Dana. Dalam hal ianya tidak berkenaan untuk berbuat demikian atau apabila timbul batasan, Penasihat Syariah, selepas berbincang dan berunding dengan Pengurus, akan mengkaji semula dan menentukan status Syariah sekuriti tersebut selaras dengan peraturan yang dikeluarkan oleh Penasihat Syariah.

- **Skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing**

Penasihat Syariah hendaklah menentusahkan semua pelaburan yang dibuat oleh Dana dalam skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing sebagaimana diperakui oleh penasihat Syariah yang dilantik bagi skim pelaburan kolektif Islam tempatan atau asing.

- **Instrument pasaran wang Islam**

Dana juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam yang diklasifikasikan sebagai mematuhi Syariah oleh SAC BNM atau Penasihat Syariah.

- **Deposit Islam**

Dana dilarang melabur dalam deposit berfaedah dan mengiktiraf sebarang pendapatan faedah.

Ini adalah sejajar dengan **Seksyen 15.01 Pelaburan yang Dibenarkan untuk ETF Islam dalam Garis Panduan Dana dagangan Bursa SC-GL/ETF-2005 (R2-2018)** yang menyatakan bahawa aset-aset Dana hanya terdiri daripada aset yang mematuhi prinsip-prinsip Syariah.

### 2.2 **Pembentukan Penanda Aras**

Konstituen Penanda Aras hendaklah dipilih daripada sekuriti sejagat yang membentuk indeks mendasari (*Dow Jones Islamic Market China A Index*), keduanya adalah tertakluk pada Metodologi Indeks Pasaran Islam Dow Jones.

**Seksyen 15.03 Indeks Boleh Terima dalam Garis Panduan Dana dagangan Bursa SC-GL/ETF-2005 (R2-2018)** menyatakan bahawa dalam situasi di mana ETF diurus dan ditadbir selaras menurut prinsip-prinsip Syariah, indeks tersebut mestilah merupakan indeks Syariah yang terdiri daripada sekuriti patuh Syariah.

### 2.3 **Kajian Berkala**

Penasihat Syariah akan mengkaji Dana atas dasar suku tahunan untuk memastikan prosedur operasi dan pelaburan Dana mematuhi Syariah. Setelah selesai setiap kajian, Penasihat Syariah akan menyampaikan pendapatnya mengenai pematuhan Dana dengan Syariah. Selanjutnya, laporan mengenai status pematuhan Dana bagi tempoh kewangan berkenaan akan disediakan oleh Penasihat Syariah dan akan dimasukkan dalam laporan tahunan Dana.

Kajian berkala adalah sejajar dengan **Jadual A dalam Garis Panduan dana dagangan Bursa SC-GL/ETF-2005 (R2-2018)**.

11. *Di mana penasihat Syariah dilantik, maklumat berikut mestilah dinyatakan:*

- (d) *Kekerapan kajian mengenai pelaburan ETF oleh penasihat Syariah untuk memastikan pematuhan dengan prinsip Syariah atau mana-mana prinsip lain yang berkenaan pada setiap masa.*

## 2.4 Proses Penyucian bagi Dana

### a) Pelaburan yang Salah

Ini merujuk kepada pelaburan yang tidak mematuhi Syariah yang dibuat oleh Pengurus. Pelaburan tersebut akan dilupuskan/ ditarik balik dengan berkuatkuasa serta merta atau dalam tempoh satu bulan selepas mengetahui status Syariah pelaburan tersebut. Sebarang keuntungan yang dibuat dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan perlu disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Penasihat Syariah. Sekiranya pelupusan pelaburan mengakibatkan kerugian kepada Dana, kerugian akan ditanggung oleh Pengurus.

Sejajar dengan **Resolusi SAC SC, 31 Disember 2020** adalah dikehendaki bahawa, bagi kesilapan yang tidak disengajakan berkaitan pelaburan dalam sekuriti tidak patuh Syariah, SAC SC telah memutuskan bahawa bagi pelabur-pelabur yang melabur berdasarkan prinsip Syariah tetapi disebabkan kesilapan yang tidak disengajakan berkaitan pelaburan dalam sekuriti tidak patuh Syariah, langkah-langkah berikut perlu diambil:

- (i) Untuk melupuskan sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang dalam tempoh tidak lebih daripada satu bulan selepas mengetahui status sekuriti; dan
- (ii) Jika sekiranya terdapat apa-apa keuntungan yang dibuat dalam bentuk keuntungan modal atau dividen yang diterima sebelum atau selepas pelupusan sekuriti, ia hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan. Pelabur-pelabur mempunyai hak untuk mengekalkan hanya kos pelaburan.

**Resolusi SAC SC, 31 Disember 2020** di atas juga terpakai kepada dana-dana Islam seperti dana-dana amanah saham Islam, dana jualan borong Islam dan lain-lain. Sekiranya pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah menyebabkan kerugian kepada dana-dana Islam, syarikat pengurusan dana mestilah menanggung kerugian dengan memastikan bahagian kerugian dipulihkan dan dikembalikan kepada dana.

### b) Pengklasifikasi semula Status Syariah Pelaburan Dana

Pengklasifikasi semula status Syariah merujuk kepada sekuriti yang diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh Syariah oleh Penasihat Syariah atau lembaga Syariah daripada indeks Islam berkenaan. Sekuriti tersebut akan dilupuskan secepat mungkin.

Sebarang dividen yang diterima dan keuntungan modal yang timbul daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah yang dibuat pada tarikh pengumuman/ kajian boleh disimpan oleh Dana. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan selepas tarikh pengumuman/ kajian pada harga pasaran yang adalah lebih tinggi daripada harga penutupan pada tarikh pengumuman/ kajian hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan sebagaimana dinasihatkan oleh Penasihat Syariah.

**Resolusi SAC SC, 31 Disember 2020** mengkehendaki bahawa, bagi Sekuriti Patuh Syariah yang kemudiannya diklasifikasikan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah, SAC SC telah memutuskan, berhubung dengan sekuriti patuh Syariah yang telah diklasifikasikan semula sebagai sekuriti tidak patuh Syariah pada tarikh pengumuman Senarai Sekuriti patuh Syariah berkuat kuasa, aturan masa bagi pelupusan sekuriti tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan, pelabur-pelabur yang memegang sekuriti tidak patuh Syariah mestilah melupuskannya. Sebarang dividen yang diterima sehingga tarikh pengumuman dan keuntungan modal yang timbul daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah pada tarikh pengumuman boleh disimpan oleh pelabur-pelabur. Walau bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh pengumuman hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan kebajikan; dan
- (ii) Sekiranya harga pasaran sekuriti tersebut adalah lebih rendah daripada kos pelaburan, pelabur-pelabur adalah dibenarkan untuk terus memegang pelaburan mereka dalam sekuriti tidak patuh Syariah sehingga pelabur-pelabur menebus kembali kos pelaburan. Pelabur-pelabur juga

dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima semasa tempoh pemegangan sehingga suatu masa apabila jumlah keseluruhan dividen yang diterima dan nilai pasaran sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang menyamai kos pelaburan. Pada peringkat ini, pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk melupuskan pemegangan mereka. Selain itu, semasa tempoh pemegangan sekuriti tidak patuh Syariah, pelabur-pelabur juga dibenarkan untuk melanggan: (a) sebarang terbitan sekuriti baru oleh syarikat yang sekuriti tidak patuh Syariahnya dipegang oleh pelabur-pelabur, contohnya pelabur-pelabur melanggan terbitan hak, terbitan bonus, terbitan khas dan waranti (tidak termasuk sekuriti yang sifatnya tidak patuh Syariah contohnya stok pinjaman); dan (b) sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat lain yang ditawarkan oleh syarikat tersebut di mana sekuriti tidak patuh Syariah dipegang oleh pelabur-pelabur. Sekiranya dengan mengambil tindakan seperti yang dinyatakan dalam perkara (a) dan (b) di atas pelabur-pelabur berjaya menebus kembali kos pelaburan, mereka mesti mempercepatkan pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah yang dipegang.

### **3.0 Kelulusan**

Pengumuman Syariah ini yang diperuntukkan di sini adalah selepas kami mengkaji struktur Dana, terma-terma dan syarat-syarat dan yang dinyatakan di atas. Kami dengan ini mengesahkan bahawa struktur Dana dan terma-terma dan syarat-syarat adalah mematuhi prinsip-prinsip Syariah, tertakluk kepada pelaksanaan yang teratur oleh Klien.

Yang benar  
Untuk dan bagi pihak Amanie Advisors Sdn Bhd,

---

**Datuk Dr. Mohd Daud Bakar**  
Pengerusi Eksekutif

Tarikh: 28 Mei 2020

## **11. PERCUKAIAN**

### **SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI PERCUKAIAN DANA DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

**PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd**

Aras 10, 1 Sentral  
Jalan Rakyat  
Kuala Lumpur Sentral  
Peti Surat 10192  
50706 Kuala Lumpur

**Lembaga Pengarah**

Value Partners Asset Management Malaysia Sdn Bhd  
Aras 28.03, Integra Tower  
The Intermark  
No. 348, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

28 Mei 2021

Tuan,

#### **PERCUKAIAN DANA YANG DITAWARKAN DI BAWAH VP-DJ SHARIAH CHINA A-SHARES 100 ETF DAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

Surat ini telah disediakan bagi kemasukan dalam Prospektus (selepas ini dirujuk sebagai "Prospektus") berhubung dengan tawaran unit-unit dalam VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF ("Dana").

Percukaian pendapatan bagi kedua-dua Dana dan pemegang-pemegang unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 ("Akta"). Peruntukan yang terpakai adalah terkandung dalam Seksyen 61 Akta, yang berurusan secara khusus mengenai percukaian badan-badan amanah di Malaysia.

#### **PERCUKAIAN DANA**

Dana akan dianggap sebagai residen bagi tujuan cukai Malaysia memandangkan pemegang amanah Dana adalah residen di Malaysia.

##### **(1) Pelaburan Asing**

Pendapatan Dana berhubung dengan pelaburan luar negara adalah dikecualikan daripada cukai Malaysia selaras dengan Perenggan 28 Jadual 6 dalam Akta dan pengagihan daripada pendapatan tersebut akan dikecualikan cukai dalam tangan pemegang-pemegang unit. Pendapatan sedemikian daripada pelaburan asing mungkin tertakluk kepada cukai atau cukai tahanan dalam negara asing khusus. Walau bagaimanapun, mana-mana cukai asing yang ditanggung ke atas pendapatan berhubung dengan pelaburan luar negara tidak akan dipulangkan kepada Dana di Malaysia.

Pendapatan asing yang dikecualikan daripada cukai Malaysia pada tahap Dana juga akan dikecualikan daripada cukai apabila diagihkan kepada pemegang-pemegang unit.

##### **(2) Pelaburan Domestik**

###### **(i) Percukaian am**

Pendapatan Dana terdiri daripada dividen, faedah atau keuntungan<sup>1</sup> (selain daripada faedah dan keuntungan<sup>1</sup> yang dikecualikan daripada cukai) dan lain-lain pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada atau terakru di Malaysia, selepas menolak perbelanjaan cukai dibenarkan, adalah tertakluk kepada cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24 peratus.

Keuntungan atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan.

#### **(ii) Dividen dan lain-lain pendapatan yang dikecualikan**

Semua syarikat akan menerima pakai sistem satu tier. Dengan itu, dividen yang diterima akan dikecualikan daripada cukai dan kebolehan ditolak perbelanjaan yang ditanggung terhadap pendapatan dividen tersebut tidak akan diambil kira. Tidak akan ada lagi apa-apa pemulangan cukai tersedia bagi dividen satu tier yang diterima. Dividen yang diterima daripada syarikat-syarikat di bawah sistem satu tier akan dikecualikan.

Dana boleh menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai. Dividen yang dikecualikan cukai mungkin diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang sebelumnya telah menikmati atau pada masa ini menikmati pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dana tidak akan dikenakan cukai ke atas pendapatan dikecualikan cukai tersebut.

Pendapatan faedah atau keuntungan<sup>1</sup> atau pendapatan diskaun yang diperoleh daripada pelaburan berikut adalah dikecualikan daripada cukai:

- a) Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- b) Debentur atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserah simpan dengan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- c) Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Oleh itu, dengan syarat pelaburan dalam produk berstruktur dilihat sebagai “debentur” di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, pendapatan yang diterima akan dikecualikan cukai. Jikalau tidak, implikasi cukai mungkin timbul.

Pendapatan faedah atau keuntungan<sup>1</sup> yang diperoleh daripada pelaburan berikut adalah dikecualikan daripada cukai:

- a) Faedah atau keuntungan<sup>1</sup> dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- b) Faedah atau keuntungan<sup>1</sup> dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal atur di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
- c) Bon-bon, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, dibayar atau dikredit oleh mana-mana syarikat yang tersenarai pada Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad; dan
- d) Faedah atau keuntungan<sup>1</sup> dibayar atau dikreditkan oleh Malaysia Building Society Berhad<sup>2</sup>.

Pendapatan faedah atau keuntungan<sup>1</sup> atau pendapatan diskaun yang dikecualikan daripada cukai pada tahap Dana akan juga dikecualikan daripada cukai apabila diagihkan kepada pemegang-pemegang unit.

#### Pengecualian:

Berkaku kuasa dari 1 Januari 2019, pengecualian tersebut tidak akan terpakai pada pendapatan faedah/ keuntungan<sup>1</sup> yang dibayar atau dikredit ke amanah saham yang adalah dana pasaran wang borong.

Kementerian Kewangan telah memaklumkan bahawa pengecualian cukai yang ada untuk dana pasaran wang runcit ke atas faedah/ keuntungan diperoleh daripada deposit-deposit akan tidak lagi terpakai kepada pelabur-pelabur korporat berkuaku kuasa dari 1 Julai 2021 dan seterusnya. Ini bermaksud bahawa faedah/ pendapatan keuntungan yang kebiasaannya dikecualikan daripada cukai pada tahap Dana akan tidak lagi dikecualikan daripada cukai sekiranya diterima oleh pelabur-pelabur korporat.

#### **(3) Instrumen Perlindungan Nilai**

Olahan cukai terhadap instrumen perlindungan nilai akan bergantung kepada instrumen perlindungan nilai tertentu yang dimasuki.

Pada amnya, apa-apa keuntungan/ kerugian berkaitan dengan bahagian pokok akan dianggap sebagai keuntungan/ kerugian modal. Keuntungan/ kerugian berkaitan dengan bahagian pendapatan akan biasanya dianggap sebagai keuntungan/ kerugian hasil. Keuntungan/ kerugian ke atas penilaian semula hanya akan dikenakan cukai atau dituntut selepas realisasi. Apa-apa keuntungan/ kerugian ke atas pertukaran asing

<sup>1</sup> Seksyen 2(7) Akta Cukai Pendapatan 1967, apa-apa rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, menggantikan faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip Syariah.

Kesan daripada ini adalah, mana-mana laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, menggantikan faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip Syariah, akan diberikan layanan cukai yang sama seolah-olah faedah.

<sup>2</sup> Selaras dengan surat-surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 11 Jun 2015 dan 16 Jun 2015 berkuat kuasa dari tahun taksiran (“YA”) 2015.

adalah dianggap sebagai keuntungan/ kerugian modal sekiranya ia timbul daripada penilaian semula bahagian pokok pelaburan.

#### (4) Lain-lain Pendapatan

Dana mungkin menerima pendapatan seperti yuran keluar yang akan menjadi tertakluk kepada cukai pada kadar 24 peratus.

#### (5) Perbelanjaan Boleh Ditolak Cukai

Perbelanjaan yang ditanggung sepenuhnya dan secara eksklusif dalam penghasilan pendapatan kasar adalah dibenarkan sebagai penolakan di bawah Seksyen 33(1) dalam Akta. Selain itu, Seksyen 63B dalam Akta memperuntukkan penolakan cukai berhubung dengan imbuhan pengurus, perbelanjaan ke atas penyelenggaraan daftar pemegang-pemegang unit, perbelanjaan pendaftaran saham, kesetiausahaan, yuran audit dan perakaunan, caj telefon, kos percetakan dan alat tulis dan pos. Pemotongan adalah berdasarkan formula tertakluk kepada minimum sebanyak 10 peratus dan maksimum 25 peratus daripada perbelanjaan.

#### (6) Cukai Keuntungan Harta Tanah (“RPGT”)

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2019, apa-apa keuntungan atas pelupusan harta tanah atau bahagian dalam syarikat-syarikat<sup>3</sup> harta tanah akan menjadi tertakluk kepada RPGT pada kadar berikut: -

Rangka masa pelupusan	Kadar RPGT
Dalam tempoh 3 tahun	30%
Dalam tahun ke-4	20%
Dalam tahun ke-5	15%
Dalam tahun ke-6 dan tahun-tahun berikutnya	10%

#### (7) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (“SST”)

Berkuat kuasa dari 1 September 2018, SST telah diperkenalkan semula untuk mengganti Cukai Barang dan Perkhidmatan (“GST”). Kedua-dua Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah diwartakan pada 28 Ogos 2018. Kadar bagi cukai jualan adalah tiada, 5 peratus, 10 peratus atau kadar khusus manakala kadar bagi cukai perkhidmatan adalah pada 6 peratus.

Cukai jualan akan dikenakan ke atas barang boleh dicukai yang dikilang dalam atau diimport ke Malaysia, melainkan dikecualikan secara khusus oleh Kementerian. Manakala, hanya perkhidmatan boleh dicukai tertentu yang disediakan oleh orang-orang tertentu yang boleh dikenakan cukai akan menjadi tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah cukai satu peringkat. Dengan yang demikian, SST yang ditanggung biasanya akan membentuk kos yang tidak dapat diperoleh semula kepada perniagaan.

Biasanya, Dana, merupakan alat pelaburan kolektif, tidak di bawah rejim cukai perkhidmatan. Namun begitu, perkhidmatan pengurusan dana dan perkhidmatan amanah adalah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan. Selain itu, berkuatkuasa dari 1 Januari 2019, sekiranya Dana memperoleh perkhidmatan bercukai diimport daripada penyedia perkhidmatan asing, Dana akan perlu melaksanakan sendiri cukai perkhidmatan 6% tersebut dan mengirim cukai itu kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam borang yang ditetapkan.

Berkuatkuasa dari 1 Januari 2020, cukai perkhidmatan atas perkhidmatan digital dilaksanakan pada kadar 6 peratus. Di bawah cukai perkhidmatan atas perkhidmatan digital, penyedia perkhidmatan asing yang menjual perkhidmatan digital kepada konsumen Malaysia perlu mendaftar untuk dan mengenakan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan digital ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang disampaikan atau dilanggan melalui internet atau rangkaian elektronik lain, tidak boleh disampaikan tanpa penggunaan IT dan penyampaian perkhidmatan tersebut kebanyakannya secara automatik.

Tambahan itu, peruntukan perkhidmatan digital telahpun ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai apabila disedia oleh penyedia perkhidmatan tempatan berkuatkuasa dari 1 Januari 2020. Oleh itu, di mana Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan digital yang ditetapkan, perkhidmatan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6 peratus.

### PERCUKAIAN PEMEGANG-PEMEGANG UNIT

Pemegang-pemegang unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah bersamaan dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan boleh dicukai Dana sehingga tahap pengagihan yang diterima daripada Dana. Pengagihan pendapatan daripada Dana akan membawa kredit cukai berhubung dengan bayaran cukai

<sup>3</sup> Syarikat harta tanah adalah syarikat terkawal yang memiliki atau memperoleh harta tanah atau saham dalam syarikat-syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75 peratus daripada jumlah aset ketaranya. Syarikat terkawal adalah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

Malaysia oleh Dana. Pemegang-pemegang unit akan menjadi berhak untuk mengguna kredit cukai terhadap cukai perlu dibayar ke atas pengagihan pendapatan yang diterima oleh mereka. Tiada cukai tahanan tambahan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan daripada Dana.

Pemegang-pemegang unit bukan residen mungkin juga tertakluk kepada cukai mengikut bidang kuasa mereka masing-masing. Bergantung kepada peruntukan perundangan cukai negara-negara yang berkenaan dan sebarang perjanjian cukai dua kali dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung boleh dikreditkan terhadap cukai asing yang berkenaan.

Pemegang-pemegang unit korporat, residen<sup>4</sup> dan bukan residen, akan biasanya dikenakan cukai pendapatan pada 24 peratus ke atas pengagihan pendapatan yang diterima daripada Dana. Kredit cukai boleh dikaitkan kepada pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai pemegang-pemegang unit ini.

Pemegang-pemegang unit individu dan lain-lain pemegang unit bukan korporat yang merupakan residen di Malaysia akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar berperingkat berkisar daripada 1 peratus hingga 30<sup>5</sup> peratus. Pemegang-pemegang unit individu dan lain-lain pemegang unit bukan korporat yang bukan merupakan residen di Malaysia akan menjadi tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar 30 peratus. Kredit cukai boleh dikaitkan kepada pengagihan pendapatan boleh digunakan terhadap liabiliti cukai pemegang-pemegang unit ini.

Pengagihan pendapatan dan keuntungan yang dikecualikan cukai timbul daripada pelupusan pelaburan oleh Dana akan dikecualikan daripada cukai dalam tangan pemegang-pemegang unit.

Sebarang keuntungan yang direalisasikan oleh pemegang-pemegang unit (selain daripada peniaga dalam sekuriti, syarikat insurans atau institusi kewangan) ke atas jualan atau penebusan unit dianggap sebagai keuntungan modal dan tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan. Olahan cukai ini akan termasuk keuntungan dalam bentuk pengagihan tunai atau baki sekiranya berlaku penggulungan Dana.

Pemegang-pemegang unit yang memilih untuk menerima pengagihan pendapatan mereka melalui cara pelaburan dalam bentuk unit-unit baru akan dianggap sebagai telah membeli unit-unit baru daripada pengagihan pendapatan mereka selepas cukai.

Pecahan unit yang diterbitkan oleh Dana tidak dikenakan cukai dalam tangan pemegang-pemegang unit. Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat dalam laporan ini menunjukkan dengan betul pemahaman kami akan kedudukan cukai di bawah perundangan cukai semasa Malaysia. Ulasan kami di atas adalah bersifat am dan meliputi percakaian dalam konteks perundangan cukai Malaysia sahaja dan tidak meliputi perundangan cukai asing. Ulasan tidak mewakili nasihat cukai khusus kepada mana-mana pelabur dan kami mengesyorkan agar pelabur-pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu-isu cukai dikaitkan dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Yang benar,

untuk dan bagi pihak  
**PRICEWATERHOUSECOOPERS TAXATION SERVICES SDN BHD**

Jennifer Chang  
Rakan Firma

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah memberikan kebenaran bertulis mereka kepada kemasukan akan laporan mereka sebagai penasihat cukai dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus dan belum, sebelum tarikh Prospektus dikeluarkan, menarik balik kebenaran tersebut.

<sup>4</sup> Syarikat-syarikat residen dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa sebanyak MYR2.5 juta dan ke bawah akan membayar cukai pada 17\* peratus bagi MYR500,000 pertama daripada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dengan baki dicukai pada 24 peratus, berkuat kuasa dari 1 Januari 2019.

Berkuat kuasa mulai YA 2009, peruntukan di atas tidak akan terpakai sekiranya lebih daripada –

(a) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat adalah dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;  
(b) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat berkaitan adalah dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat pertama disebut;  
(c) 50 peratus daripada modal berbayar berhubung dengan saham biasa syarikat pertama disebut dan syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

“Syarikat berkaitan” bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar berhubung dengan saham biasa lebih daripada MYR2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi YA.

<sup>5</sup> Menurut Akta Kewangan 2019, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2020.

## **12. MAKLUMAT BERKENAAN**

### **12.1. Mengikuti perkembangan dengan pembangunan Dana**

Pengurus akan menyerahkan salinan laporan tahunan Dana kepada Pemegang-pemegang Unit tanpa apa-apa bayaran dalam tempoh dua (2) bulan daripada akhir tempoh kewangan diliputi. Pemegang-pemegang Unit boleh meminta bagi salinan tambahan laporan tersebut dalam waktu biasa perniagaan tertakluk kepada bayaran jumlah yang munasabah sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Di mana berkenaan, Pengurus akan menghantar kepada Pemegang-pemegang Unit baucer cukai mereka yang menyatakan maklumat tertentu yang diperlukan untuk mengisi penyata cukai.

Pengurus akan menyiarkan berita dan maklumat penting berhubung dengan Dana pada laman web Dana dan/atau sebagaimana diumumkan/ disiarkan pada laman web *Bursa Securities* dari masa ke masa.

Beberapa maklumat yang akan disediakan di laman web Dana dan/atau laman web *Bursa Securities* termasuk:

- laporan tahunan dan laporan setengah tahun (sekiranya ada);
- Anggaran Jumlah Pembentukan dan Anggaran Jumlah Penebusan;
- NAV setiap Unit;
- IOPV setiap Unit;
- yuran dan caj berhubung dengan Dana;
- portfolio Dana atas dasar harian (penghujung hari);
- Prospektus; dan
- Penanda Aras.

Maklumat lanjut mengenai Pengurus dan Pengurus sub- pelaburan boleh diperoleh daripada laman web Dana.

### **12.2. Perjanjian Material**

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, tidak ada perjanjian material lain yang telah ditandatangani berkaitan dengan Dana pada tarikh Prospektus ini:

- Perjanjian Induk ETF bertarikh 1 Mei 2019 yang ditandatangani di antara Pengurus dan Pemberi Lesen Indeks;
- Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bertarikh 6 Januari 2021 ditandatangani di antara Kenanga Investment Bank Berhad, Pengurus dan Pemegang Amanah; dan
- Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bertarikh 6 Januari 2021 ditandatangani di antara Malacca Securities Sdn Bhd, Pengurus dan Pemegang Amanah.

### **12.3. Dokumen tersedia untuk Pemeriksaan**

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus semasa waktu perniagaan biasa:

- Surat ikatan dan surat ikatan tambahan (sekiranya ada);
- Laporan tahunan terkini Dana;
- Perjanjian material yang dirujuk dalam Seksyen 12.2 Prospektus ini;
- Surat Penasihat Cukai dirujuk dalam Seksyen 11 Prospektus ini;
- Setiap kelulusan yang diberi oleh pihak-pihak sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini;
- Prospektus ini dan prospektus tambahan atau gantian (sekiranya ada); dan
- Penyata kewangan teraudit Pengurus dan Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang terbaru atau tempoh lebih pendek yang Dana telah wujud, sebelum tarikh Prospektus; dan
- Semua laporan, surat atau lain-lain dokumen, penilaian dan pernyataan oleh mana-mana pakar, mana-mana bahagian yang dipetik atau dirujuk dalam Prospektus ini. Di mana ringkasan laporan pakar dimasukkan dalam Prospektus, laporan penuh pakar sepadan hendaklah disediakan untuk pemeriksaan.

#### **12.4. Penyata Kebenaran**

Pemegang Amanah, wakil Pemegang Amanah (fungsi kustodian), Pengurus Sub-pelaburan, Penasihat Syariah, juruaudit Dana dan Pengurus, peguam cara, Peniaga yang Mengambil Bahagian, Pendaftar dan Pemberi Lesen Indeks telah memberikan kebenaran mereka kepada kemasukan nama-nama mereka dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus ini dan belum menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus ini dikeluarkan.

Penasihat cukai telah memberi kebenarannya kepada kemasukan namanya dan surat penasihat cukai dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus ini dan belum menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus ini dikeluarkan.